

GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DAN PENCAPAIAN PEMAIN  
BOLA SEPAK SEKOLAH MENENGAH DI KUALA LUMPUR

WAN AIMAN BIN WAN ZAKI @ WAN MOHD ZAKI

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DAN PENCAPAIAN PEMAIN  
BOLA SEPAK SEKOLAH MENENGAH DI KUALA LUMPUR

WAN AIMAN BIN WAN ZAKI @ WAN MOHD ZAKI

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: WAN AIMAN BIN WAN ZAKI

No. Matrik: PGN130005

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN JASMANI)

Tajuk Kertas Projek (“Hasil Kerja ini”):

**GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DAN PENCAPAIAN PEMAIN  
BOLA SEPAK SEKOLAH MENENGAH DI KUALA LUMPUR**

Bidang Penyelidikan: Pendidikan Jasmani

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 18 Disember 2019

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 18 Disember 2019

Nama:

Jawatan:

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Seramai 230 orang murid dari sekolah-sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur telah dipilih menggunakan persampelan rawak mudah sebagai responden kajian. Kajian ini ialah satu kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk menjawab objektif kajian. Satu soal selidik telah digunakan dalam kajian ini berdasarkan Skala Kepimpinan untuk Sukan (Chelladurai dan Saleh (1980) yang telah dialih bahasa ke bahasa Melayu. Hasil analisis deskriptif yang dijalankan mendapati bahawa gaya kepimpinan yang kerap digunakan oleh jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur adalah gaya Latihan dan Arahan ( $M = 55.34$  dan  $SD = 7.07$ ), manakala gaya kepimpinan yang paling kurang digunakan adalah gaya Autokratik ( $M = 10.74$  dan  $SD = 4.45$ ). Pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur majoritinya berada di peringkat Daerah (53%). Ujian Kolerasi Spearman menunjukkan terdapatnya hubungan antara gaya kepimpinan Latihan dan Arahan ( $r = 0.16$  dan  $sig. = 0.01$ ), Demokratik ( $r = 0.18$  dan  $sig. = 0.01$ ) dan juga Sokongan Sosial ( $r = 0.19$  dan  $sig. = 0.00$ ) dengan pencapaian pemain bola sepak, manakala dapatan ujian menujukkan tiada hubungan antara gaya kepimpinan Maklumbalas Positif dan gaya Autokratik dengan pencapaian pemain bola sepak. Ujian MANOVA pula menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan Sokongan Sosial ( $F = 2.62$  dan  $sig. = 0.00$ ) iaitu ( $p < .05$ ) berdasarkan pencapaian pemain, manakala tiada perbezaan yang signifikan bagi gaya Autokratik. Kesimpulannya jurulatih bola sepak sekolah menengah hendaklah menggunakan gaya kepimpinan yang sesuai dengan peringkat umur atlet kerana pencapaian dalam sukan dapat ditingkatkan jika wujudnya keserasian antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pemain yang dilatih.

## **LEADERSHIP STYE OF COACHES AND SECONDARY SCHOOL FOOTBALL PLAYERS ACHIEVEMENT IN KUALA LUMPUR**

### **ABSTRACT**

This study aims to identify the leadership style of coaching and the achievement of high school football players in Kuala Lumpur. A total of 230 respondents who are football players from high schools all over Kuala Lumpur were selected using a simple random sampling. This is a quantitative study using survey method to answer the objectives of the study. A questionnaire was used in this study based on The Leadership Scale for Sport (Chelladurai dan Saleh (1980) which has been translated into Malay. Results from the descriptive analysis founded that the leadership style used by the high school football coaches in Kuala Lumpur is Training and Instruction style ( $M = 55.34$  and  $SD = 7.07$ ), while the least leadership style being used is the style of Autocratic ( $M = 10.74$  and  $SD = 4.45$ ). The achievement of high school football players in Kuala Lumpur are majority in the district level (53%). Spearman Correlation analysis shown there is a relationship between Training and Instruction ( $r = 0.16$  and  $sig. = 0.01$ ), Democratic ( $r = 0.18$  and  $sig. = 0.01$ ) and also Social Support styles of leadership ( $r = 0.19$  and  $sig. = 0.00$ ) with the achievement of football players, while the analysis found that there is no relationship between Positive Feedback and Autocratic style leadership with the achievement of football players. MANOVA tests shows a significant difference in the style of Social Support leadership ( $F = 2.62$  and  $sig. = 0.00$ ) that is ( $p < .05$ ) based on the player's achievement, while there is no significant difference in Autocratic style. In conclusion, a high school football coaches should use a leadership style that suits to the player's age as achievements in sports can be enhance if there is a compatibility between coaching leadership styles and well trained players. In the majority of Kuala Lumpur high school football athletes achievements, most of them (53%) able to reach the district level.

## PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan penghargaan ini ditujukan kepada penyelia saya, Dr.Syed Kamaruzaman Bin Syed Ali yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam menghasilkan penulisan ilmiah ini. Ucapan terima kasih juga kepada Dr.Hutkemri dan juga Dr.Hidayah atas komen dan panduan yang sangat membantu. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Ketua Jabatan dan pensyarah-pensyarah di Fakulti Pendidikan di atas komen-komen yang membina, staf-staf Fakulti Pendidikan dan Institusi Pengajian Siswazah yang banyak membantu serta perihatin dengan keperluan saya sebagai pelajar separuh masa.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada sahabat seperjuangan, rakan-rakan di sekolah, subjek kajian, Pentadbiran sekolah dalam memberikan kerjasama serta Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia di atas kebenaran membuat kajian ini. Individu-individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan bantuan juga diucapkan terima kasih. Tidak mampu untuk menulis nama anda satu persatu di sini

Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tersayang, Saliana Binti Bidin serta anak-anak tersayang, Wan Hana Medina dan Wan Dian Meqaila di atas kesabaran dan pengorbanan masa yang diberikan. Tidak dilupakan ahli keluarga dan ibu bapa saya yang banyak memberikan ruang dan peluang untuk saya memajukan diri dalam pendidikan. Anda semua sentiasa di ingatan. Semoga usaha yang baik ini mendapat rahmat dan keredhaan Allah S.W.T. Sekian.

Wassalam.

## **KANDUNGAN**

Perakuan Keaslian Penulisan .....	ii
Abstrak .....	iii
<i>Abstract</i> .....	iv
Penghargaan .....	v
Kandungan .....	vi
Senarai Rajah .....	x
Senarai Jadual .....	xi
Senarai Singkatan .....	xiii

### **Bab 1 : Pengenalan**

1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Penyata Masalah .....	5
1.3 Tujuan Kajian .....	12
1.4 Objektif Kajian .....	13
1.5 Persoalan Kajian .....	13
1.6 Hipotensi Kajian .....	14
1.7 Signifikan Kajian .....	16
1.8 Limitasi Kajian .....	17
1.9 Definisi Istilah .....	18
1.10 Kerangka Konseptual Kajian .....	25
1.11 Rumusan .....	26

## **Bab 2 : Kajian Literatur**

2.1	Pendahuluan .....	28
2.2	Teori-teori berkaitan gaya kepimpinan .....	28
2.3	Kerangka teoritikal .....	39
2.4	Kajian-kajian terdahulu .....	43
2.4.1	Kajian tentang gaya kepimpinan jurulatih .....	43
2.4.2	Kajian tentang pencapaian pemain bola sepak dalam kalangan Murid sekolah .....	50
2.4.3	Kajian tentang hubungan antara gaya kepimpinan dengan Pencapaian pemain bola sepak .....	54
2.5	Rumusan .....	56

## **Bab 3 : Metodologi Kajian**

3.1	Pendahuluan .....	58
3.2	Reka bentuk kajian .....	58
3.3	Kawasan kajian .....	60
3.4	Populasi kajian .....	61
3.5	Sampel kajian .....	63
3.6	Instrumen kajian .....	66
3.7	Kesahan instrumen .....	68
3.8	Kebolehpercayaan instrumen .....	71
3.9	Kajian rintis .....	73
3.10	Prosedur kajian .....	75
3.10.1	Prosedur sebelum kajian .....	75

3.10.2	Prosedur semasa kajian .....	76
3.10.3	Prosedur selepas kajian .....	76
3.11	Kaedah menganalisis data .....	77
3.11.1	Analisis deskriptif .....	78
3.11.2	Analisis inferensi .....	79
3.12	Metrik pengukuran data .....	81
3.13	Rumusan .....	83

#### **Bab 4 : Dapatan Kajian**

4.1	Pendahuluan .....	84
4.2	Profil Demografi Kajian .....	85
4.3	Analisis Dapatan Kajian .....	90
4.4	Rumusan .....	101

#### **Bab 5 : Perbincangan**

5.1	Pendahuluan .....	102
5.2	Ringkasan Kajian .....	102
5.3	Perbincangan .....	106
5.3.1	Gaya Kepimpinan yang digunakan dalam kalangan Jurulatih Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	107
5.3.2	Tahap pencapaian pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	110
5.3.3	Hubungan di antara gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	111

5.3.4	Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Atlet Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	114
5.5	Implikasi Kajian .....	117
5.5.1	Implikasi Kepada sukan bola sepak .....	117
5.5.2	Implikasi Kepada Jurulatih dan Pelajar .....	118
5.5.3	Implikasi Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia .....	119
5.6	Sumbangan Kajian .....	120
5.7	Cadangan Kajian Masa hadapan .....	121
5.8	Rumusan .....	122
	 Rujukan .....	125
	Lampiran .....	134

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.0	Kerangka Konseptual Gaya Kepimpinan Jurulatih dan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	25
Rajah 2.1	Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi .....	37
Rajah 2.2	Kerangka Teoritikal yang diadaptasi daripada Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi. ....	40
Rajah 3.1	Pemilihan Responden dari Jumlah Populasi Pelajar Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	65

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Deskripsi Gaya Kepimpinan dalam Instrumen SKS .....	42
Jadual 3.1	Contoh Ayat Instrumen yang Diringkaskan dan Dipermudahkan .....	70
Jadual 3.2	Komen/cadangan Pengubahsuaian oleh Pakar .....	71
Jadual 3.3	Kebolehpercayaan Skala Kepimpinan dalam Sukan (SKS) Berdasarkan Kajian-kajian Terdahulu. ....	72
Jadual 3.4	Kebolehpercayaan Kajian Rintis Soal Selidik .....	74
Jadual 3.5	Kekuatan Hubungan Kolerasi .....	80
Jadual 3.6	Metrik Pengukuran Data .....	81
Jadual 4.1.1	Profil Demografi Responden Kajian .....	85
Jadual 4.1.2	Profil Demografi Responden Kajian (sambungan) .....	86
Jadual 4.1.3	Profil Demografi Responden Kajian (sambungan) .....	88
Jadual 4.2	Statistik Deskriptif gaya Kepimpinan yang Kerap digunakan oleh Jurulatih .....	90
Jadual 4.3	Analisis Kekerapan Tahap Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur .....	91
Jadual 4.4	Kolerasi Spearman Hubungan antara Gaya Kepimpinan Jurulatih Terhadap Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur .....	92
Jadual 4.5	Statistik Deskriptif Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur .....	94

Jadual 4.6	Box's M Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	95
Jadual 4.7	Wilks' Lambda Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	96
Jadual 4.8	Manova Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	97
Jadual 4.9	Manova Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	98
Jadual 4.10	Ujian Post Hoc Scheffe Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. ....	99

## **SENARAI SINGKATAN**

FIFA	: <i>Federation Internationale de Football Association</i>
ASEAN	: <i>Association of Southeast Asian Nations</i>
SPTS	: Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah
PPBN	: Program Pembangunan Bola Sepak Negara Malaysia
KBS	: Kementerian Belia dan Sukan
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
FAM	: <i>Football Association Malaysia</i>
MSN	: Majlis Sukan Negara
MSSM	: Majlis Sukan Sekolah Malaysia
MSSS	: Majlis Sukan Sekolah Negeri Selangor
MARA	: Majlis Amanah Rakyat
MRSRM	: Maktab Rendah Sains Mara
SKS	: Skala Kepimpinan untuk Sukan
JPWPKL	: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bola sepak adalah antara sukan yang paling popular di Malaysia serta di serata dunia. Di Malaysia, sukan ini dipertandingkan pada pelbagai peringkat, daripada peringkat sekolah, Universiti hingga ke peringkat Profesional. Walaupun begitu, *Rangking* terkini yang dikeluarkan oleh FIFA menunjukkan kedudukan pasukan bola sepak lelaki Malaysia semakin menurun dan ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran ASEAN yang lain. Kedudukan Malaysia pada tahun 2008 adalah pada kedudukan ke-156 dan kedudukan pada tahun 2018 adalah ke-167 (FIFA, Disember 2018). Kejatuhan kedudukan yang ketara ini adalah petunjuk bahawa penambahbaikan perlu dilakukan dari pelbagai aspek bagi mengelakkan kedudukan pasukan bola sepak Malaysia terus merundum lebih jauh lagi. Oleh kerana itu, kajian yang berkaitan dengan bola sepak harus dijalankan agar sedikit sebanyak dapat memberikan kesan yang positif terhadap bola sepak tempatan secara khasnya dan bola sepak negara secara amnya.

Selain daripada pencapaian pasukan bola sepak kebangsaan yang kurang konsisten, mutu liga bola sepak tempatan yang agak hambar juga merupakan antara penyebab ramai peminat bola sepak di negara ini lebih gemar menonton dan memberikan sokongan mereka terhadap pasukan dari liga luar seperti Liga Perdana Inggeris di United Kingdom dan La Liga di Sepanyol. Perkara ini dilihat merugikan

industri bola sepak negara kerana bola sepak mampu menjana pendapatan yang lumayan bagi sesebuah negara jika diurus dengan cara yang betul (Ampofo-Boateng, 2014; De Aragao, 2015). Keuntungan daripada hak penyiaran, penajaan dan juga jualan tiket boleh mengembangkan lagi industri bola sepak negara dan sekaligus dapat menjadi salah satu faktor yang membantu untuk meningkatkan mutu bola sepak negara.

Selain dapat menjana ekonomi negara, bola sepak juga boleh menjadi instrumen untuk menyatupadukan rakyat sesebuah negara. Tanpa mengira umur, kaum, dan latar belakang, para peminat bersama-sama dalam satu stadium memberikan sokongan kepada pasukan kegemaran mereka (Zaini, 2003; Cwik, 2007). Manakala Eden (2013) dan Martin (2014) pula menyatakan bola sepak telah dijadikan sebagai satu mekanisma diplomasi antara negara dengan negara yang lain melalui perlawanan persahabatan dan sebagainya. Ini menunjukkan bola sepak mampu memberikan impak yang sangat besar bagi sesebuah negara, bukan sahaja untuk kebaikan kesihatan dan hiburan bahkan lebih daripada itu.

Pihak kerajaan sedar akan masalah yang timbul ini dan telah mengambil beberapa langkah penting untuk mengatasi isu yang telah berlarutan sekian lama ini dengan memperkenalkan beberapa program jangka panjang untuk sukan bola sepak. Antara program yang diperkenalkan ialah Program Sukan Teras, Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS), Program Tunas Cemerlang dan sebagainya tetapi langkah-langkah ini masih dilihat kurang mampan dan menyeluruh. Oleh itu, pada tahun 2013, Kerajaan telah memperkenalkan satu pelan jangka panjang yang lebih holistik dan dikenali sebagai Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara Fasa 1 : 2014-

2020 (PPBN). Melalui pelan ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta dibantu oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) telah menghasilkan satu penanda aras bagi sukan bola sepak negara yang mengfokuskan program-program yang bermula dari akar umbi hingga ke peringkat tertinggi. Misi PPBN adalah untuk mewujudkan satu ekosistem pembangunan bola sepak yang sistematik dan menyeluruh ke arah meningkatkan kuantiti serta kualiti pemain bola sepak negara (Kementerian Belia dan Sukan, 2014). Dengan terhasilnya program ini, sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan mutu bola sepak negara secara menyeluruh dengan menghasilkan pelan yang lebih teratur dan terancang bagi memastikan mutu bola sepak negara dapat ditambahbaik dan berkembang dalam jangka masa panjang. Tetapi pemantauan dan penambahbaikan pelan ini harus dikuatkuasakan dari semasa ke semasa bagi menjamin rancangan ini berada di laluan yang betul. Pemantauan dan kajian-kajian yang berterusan seperti kajian ini harus dilakukan bagi membantu menyelesaikan kekurangan yang mungkin tidak kelihatan sebelum ini dan masalah-masalah lain yang mungkin timbul sepanjang PPBN dilaksanakan.

Berpandukan PPBN yang dirancang, dapat dilihat fokus utama program ini ialah mencungkil bakat pemain yang masih bersekolah yang berusia dalam lingkungan 7 hingga 17 tahun yang akan dilaksanakan secara berperingkat, ini kerana program pembangunan bakat di sekolah-sekolah merupakan peringkat yang sangat penting bagi melahirkan generasi pemain bola sepak yang berkualiti pada masa hadapan. Program ini secara keseluruhannya mensasarkan golongan muda disebabkan beberapa faktor, antaranya kerana pemain muda lebih mudah dibentuk, Menurut buku “*Skill School: Fundamental Ball Skills*” yang ditulis oleh Snow

(2010) menyatakan melatih pemain sejak dari usia muda amatlah penting kerana di usia ini murid akan membentuk asas kemahiran lokomotor dalam permainan bola sepak dengan teknik dan cara yang betul. Mahir dalam kemahiran asas ini akan memudahkan murid untuk menguasai kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran taktikal, kecergasan dan psikologi. Faktor lain pula ialah golongan muda mempunyai peluang untuk menambah baik mutu permainan kerana mereka masih mempunyai masa yang banyak untuk memperbaiki kemahiran mereka dan mempunyai karier dalam sukan bola sepak yang lebih panjang berbanding pemain bola sepak di peringkat universiti ataupun pemain professional yang mungkin hanya mempunyai 10 hingga 15 tahun sahaja dalam arena bola sepak, perkara ini kerana purata karier pemain bola sepak yang singkat disebabkan masalah kecederaan, kecergasan dan sebagainnya (Bourke, 2003).

Dalam mana-mana jenis sukan, kejayaan sesebuah pasukan atau individu itu bukan sahaja datang daripada pemain tersebut, tetapi beberapa faktor lain turut mempengaruhi pencapaian pemain itu. Antara faktor terbesar ialah kredibiliti kepimpinan jurulatih untuk melatih pemain (Azlina, 2001; Anuar & Salleh, 2009). Kennedy (2009) menyatakan bahawa jurulatih ialah orang yang membantu seseorang mengeluarkan potensi diri ke tahap maksima. Dalam setiap jenis sukan, salah satu peranan yang paling utama bagi jurulatih ialah menjadi seorang pemimpin. Secara asasnya, seorang jurulatih ialah seorang pemimpin (Griffin, 2009). Ini menunjukkan bahawa peranan jurulatih itu amatlah besar dan penting untuk menjadikan sesebuah pasukan itu mantap serta kuat.

Dalam kajian Mohd Faizal, Wan Shakizah dan Zulkiflee Daud (2010) menyatakan faktor jurulatih amat mempengaruhi latihan di mana selain daripada kemahiran teknikal jurulatih tersebut, kemahiran menpengaruhi pemain juga adalah kritikal untuk mendapatkan hasil yang positif. Dari kenyataan-kenyataan ini dapat dilihat bahawa jurulatih merupakan individu yang memainkan peranan yang amat penting bagi menentukan prestasi sesebuah pasukan (Azlina, 2001; Frontiera, 2006; Anuar Din, Salleh dan Siti Ajar, 2015; serta Siti Aida, Tajul, Shahlan, dan Mohamad Firdaus, 2016). Selain daripada melatih ahli pasukan, jurulatih juga merupakan orang yang dipandang tinggi sebagai pemimpin sesebuah pasukan itu. Begitu juga bagi pasukan sekolah, tanggungjawab sebagai seorang jurulatih sekolah adalah sangat besar di mana pada usia yang muda pemain sekolah yang masih kurang matang memerlukan bimbingan, tunjuk ajar, dan keyakinan dari jurulatihnya.

## 1.2 Penyataan Masalah

Berbanding sukan-sukan lain di Malaysia, bola sepak sentiasa mendapat perhatian yang lebih meluas dari semua lapisan umur masyarakat. Populariti sukan ini membuatkan bola sepak dipertandingkan pada pelbagai peringkat, daripada peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan, universiti, kelab amatur dan juga kelab profesional. Walau bagaimanapun, mutu bola sepak negara masih di tahap lama dan tidak berkembang bahkan Muhd. Hafiz, Ahmad Hashim, dan Nelfianty (2013) menyatakan dalam kajiannya bahawa kualiti dan mutu sukan bola sepak negara tidak menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Perkara ini juga boleh dilihat daripada *rangking* semasa FIFA pasukan bola sepak negara yang semakin merundum (lihat lampiran A). Terdapat banyak penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk menjadikan bola sepak negara ini kembali digeruni seperti pada era 70-an dan 80-an.

Kredibiliti jurulatih adalah salah satu faktor yang amat berharga dalam memastikan kualiti latihan sesebuah pasukan (Asiah & Rosli, 2009; Mohd Faizal e tal., 2010; Sharma & Shrivastava, 2016; Govindan, Soh, Yusof dan Fauzee, 2019). Penyataan ini disokong lagi oleh Mohd. Sofian, Wee, Sazali, Mohd Nizam dan Roslan (2006) yang menyatakan dalam kajiannya bahawa mutu sukan di negara ini masih berada pada tahap membangun, oleh itu wajar dijalankan penyelidikan yang berkenaan dengan kepimpinan seseorang jurulatih kerana ia memberi kesan positif dan mempengaruhi kejayaan sesebuah pasukan.

Oleh kerana itu, penyelidikan ini dijalankan untuk melihat gaya kepimpinan jurulatih yang sesuai diterima pakai terhadap murid ataupun pemain sekolah menengah dan juga pencapaian pemain tersebut. Ini kerana untuk menghasilkan pemain dan pasukan yang berkualiti, jurulatih merupakan antara faktor yang penting. Jurulatih seharusnya tahu menggunakan gaya kepimpinan yang sesuai dengan pasukannya bagi mengeluarkan hasil yang terbaik dari setiap pemain. Bagi mendapatkan hasil yang terbaik hubungan jurulatih dan pemain haruslah selari dan positif. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Azlina (2001), Mohd. Sofian et al. (2006), Anuar dan Miting (2013), dan Lim, Nor Idayu, Khor dan Radzliyana (2013) menyatakan kurangnya fokus jurulatih kepada gaya kepimpinan yang sesuai dengan pemain menyebabkan apa yang ingin disampaikan kurang berkesan dan tahap pencapaian pemain menurun. Ini menunjukkan pentingnya gaya kepimpinan yang sesuai dengan pemain bagi menghasilkan pencapaian yang bermutu. Nelfianty dan Shaharudin (2012) dan Anuar et al. (2015) pula berpendapat, jika terdapat hubungan dan interaksi yang positif antara keperluan dan kehendak jurulatih dari pemain, kesannya adalah secara terus dimana prestasi pemain akan meningkat, dan pemain

akan mencapai kejayaan. Oleh itu, seseorang jurulatih haruslah mempunyai ilmu yang luas untuk mengurus pasukannya dengan menggunakan gaya kepimpinan yang sesuai walaupun hanya di peringkat sekolah atau amatur sahaja.

Namun begitu, terdapat jurulatih yang tidak mempunyai gaya kepimpinan yang sesuai digunakan untuk pemain-pemain khasnya di peringkat sekolah. Kesannya penurunan mutu permainan pasukan tersebut serta membuatkan pemain tidak menunjukkan prestasi mereka yang sebenar. Perkara ini sekaligus akan membuatkan jurulatih pasukan itu disingkirkan atau dipecat. Anuar dan Salleh (2009) dalam kajian mereka juga menyebut bahawa terdapat jurulatih yang tidak mengaplikasikan gaya kepimpinan yang jelas semasa menguruskan sesi latihan bersama pasukan. Perkara ini berkemungkinan akan menganggu proses latihan yang dijalani oleh pemain-pemain. Seharusnya kajian perlu dilakukan daripada peringkat sekolah lagi kerana dari sini bakat seseorang pemain itu digilap dan seterusnya mampu menjadi pemain yang berkualiti untuk negara pada masa hadapan. Kenyataan ini dipersetujui oleh kajian Tang dan Chan (2009) yang menyatakan jika pemain tidak dapat diasuh, dilatih, dan diperkembang dengan baik dari peringkat awal maka besar kemungkinan negara akan menghadapi kekurangan pemain berbakat untuk masa akan datang. Perkara ini dapat dilihat dengan mutu pemain kebangsaan bola sepak negara kita pada masa kini yang kurang konsisten. Pengesahan bakat pada usia yang muda juga disentuh dalam kajian Muhd Hafiz et al. (2013) yang menyatakan bahawa pencarian bakat baru dalam bola sepak merupakan proses pengesahan pemain muda yang berpotensi untuk menjadi pemain berkualiti pada masa hadapan nanti. Ini menunjukkan sekolah adalah antara salah satu faktor yang memainkan peranan besar dalam membantu melakukan perubahan di dalam mencari

dan mengilap bakat-bakat baru dalam sukan bola sepak mahupun dalam sukan-sukan lain. Oleh itu, kepimpinan jurulatih yang berkaliber diperlukan di peringkat sekolah lagi bagi mencari dan membentuk pemain yang berkualiti di masa hadapan.

Kepimpinan jurulatih dalam sukan telah dibincangkan dan dikaji dengan kerap diserata dunia. Tetapi kajian lalu yang berkaitan dengan kajian ini masih kurang dijalankan bagi pemain-pemain di peringkat sekolah di negara ini (Azlina, 2001; Mohd. Sofian et al., 2006; Wee & Shabeshan, 2014). Terdapat juga kajian yang mengfokuskan hubungan gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian telah dilakukan di luar negara, tetapi keputusan yang diterima mungkin kurang sesuai untuk diaplikasikan di negara ini atas sebab demografik dan sebagainya. Justeru itu penggunaan sampel luar negara ini memyebabkan dapatan yang diperolehi tidak dapat digeneralisasikan kepada pemain di Malaysia secara amnya (Mohd. Zainuri, 2011). Disebabkan kejatuhan prestasi pemain-pemain bola sepak negara, maka penyelidik merasa dapat membantu dengan memperbanyakkan kajian dalam aspek kepimpinan dalam sukan dan membantu dalam usaha mencari jalan penyelesaian bagi menaikkan semula mutu bola sepak negara dengan menjalankan kajian kepimpinan jurulatih dalam pasukan permainan bola sepak.

Kurangnya kajian tempatan mahupun kajian luar negara mengenai hubungan antara gaya kepimpinan dengan tahap pencapaian pemain di peringkat sekolah membuatkan perlunya kajian ini dijalankan. Tahap pencapaian pemain kurang dibincangkan dalam kajian-kajian sebelum ini, dimana kebanyakan kajian lepas membincangkan mengenai gaya kepimpinan yang diminati oleh pemain dan juga pengaruh gaya kepimpinan terhadap kesepaduan pasukan. Perkara ini disokong oleh

Wee dan Shabeshan (2014) dan Hung, Geok, Talib, dan Yusof (2017) yang menyatakan perlu lebih banyak kajian yang berkaitan gaya kepimpinan dengan tahap pencapaian pemain di peringkat sekolah dijalankan pada masa akan datang.

Dalam kajian Nazarudin, Le, Noordin, Abdullah dan Yusof (2017) yang menjalankan kajian mengenai hubungan gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan dan motivasi pemain di peringkat sekolah, dimana majoriti dari 127 orang sampelnya mempunyai tahap pencapaian atau penglibatan di peringkat negeri. Tetapi sampel yang dikumpul adalah dari sekolah-sekolah sukan di negeri Sabah. Dimana, pemain dari sekolah sukan merupakan murid-murid yang telah terpilih untuk memasuki sekolah berkenaan berdasarkan bakat mereka. Oleh itu, tahap pencapaian mereka seharusnya lebih baik daripada pemain di sekolah harian. Maka, dapatkan sampel dari sekolah sukan mungkin sedikit berlainan dari sampel yang dikutip dari sekolah-sekolah harian biasa.

Sebagai ibu negara Malaysia, seharusnya Kuala Lumpur merupakan bandaraya yang mempunyai sumber asas seperti kemudahan fasiliti, tenaga-tenaga pakar kejurulatihan, institusi dan badan-badan sukan yang mampu untuk membantu perkembangan dan memberikan pendedahan yang positif kepada pemain-pemain muda bola sepak di negeri ini. Tetapi malangnya, berdasarkan rekod pencapaian pasukan bola sepak Kuala Lumpur dalam pertandingan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) kebelakangan ini, pencapaian Kuala Lumpur masih kurang konsisten dan masih belum mampu untuk menjadi Johan mahupun Naib Johan bagi kejohanan tahunan tersebut. Kurangnya kajian yang mengfokuskan pemain sekolah bandar juga harus diambil berat, dimana keperluan atau gaya kepimpinan bagi

pemain bandar mungkin berbeza daripada pemain luar bandar. Maka, kajian yang berkaitan dengan pemain sekolah menengah di bandar khasnya di Kuala Lumpur harus dilakukan bagi menguraikan isu ini.

Berlandaskan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara Fasa 1 (2014-2020), terdapat 5 strategi yang ingin diberi tumpuan, salah satunya ialah memperkasakan pembangunan kejurulatihan. Berdasarkan strategi ini kerajaan telah menetapkan penanda aras yang ingin dicapai pada tahun 2020 bagi tahap kualiti dan kuantiti jurulatih di negara ini. Tetapi cara untuk memastikan kualiti bagi setiap jurulatih yang dihasilkan tidak dinyatakan dengan jelas. Oleh itu, dengan melakukan kajian terhadap kualiti kepimpinan jurulatih seperti kajian gaya kepimpinan ini diharap dapat membantu untuk penambahbaikan program ini ataupun sekurang-kurangnya dapat memberikan petunjuk sama ada program ini masih dalam landasan yang betul atau sebaliknya. Sehubungan itu, penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji dan mendapatkan keputusan yang lebih konsisten agar gaya kepimpinan yang sesuai boleh diadaptasikan dan digunakan di peringkat sekolah menengah khasnya dan di dalam arena bola sepak tempatan secara amnya.

Di samping itu, penyelidik ingin melihat jika terdapatnya hubungan di antara gaya kepimpinan jurulatih dan juga tahap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Banyak kajian tempatan yang dijalankan ingin melihat gaya kepimpinan jurulatih yang diminati oleh pemain seperti kajian Anuar dan Salleh (2009), Nazarudin (2009), Wee dan Shabeshan (2014), dan Anuar et al. (2015) tetapi adakah gaya kepimpinan jurulatih yang diminati ini dapat menghasilkan prestasi yang positif dari setiap pemain. Kemungkinan gaya jurulatih yang tidak digemari

oleh pemain lebih memberikan impak terhadap tahap prestasi pemain tersebut. Sehubungan itu, kajian harus dilakukan bagi melihat perkaitan di antara gaya kepimpinan jurulatih dan juga pencapaian pasukan. Selain itu, dari dapatan kajian ini juga ingin dilihat impak kelima-lima gaya kepimpinan ini terhadap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Adakah dapatan bagi kelima-lima gaya kepimpinan dalam kajian ini sama seperti dapatan-dapatan dari kajian sebelum ini.

Kajian Mohd. Sofian et al. (2006) melaporkan gaya kepimpinan Autokratik mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tahap pencapaian pemain dari pelbagai jenis sukan. Tang dan Chan (2009) pula mendapati gaya kepimpinan demokratik memberikan keputusan paling positif dan signifikan diantara 5 dimensi gaya kepimpinan bagi pencapaian pasukan Olahraga sekolah di daerah Pulau, Pulau Pinang. Manakala Mohd. Zainuri (2011) dalam kajiannya mendapati gaya sokongan sosial merupakan gaya kepimpinan yang paling sesuai bagi mencapai kecemerlangan pasukan bola sepak Majlis Sukan Sekolah Negeri Selangor (MSSS). Ketiga-tiga kajian ini memaparkan dapatan yang berlainan sama sekali. Selain daripada itu, kajian Nelfianty (2009) pula mengatakan bahawa gaya dimensi maklum balas positif merupakan dimensi yang paling memberikan kesan positif terhadap pencapaian pemain kerana dimensi ini mengalakkan peningkatan kemahiran pemain tersebut. Kajian Anuar dan Salleh (2009) dan juga Sarinah (2014) yang melibatkan murid Sekolah Sukan Bandar Penawar dan Bukit Jalil serta murid bola jaring peringkat negeri Perak pula mendapati dimensi latihan dan arahan merupakan gaya dimensi yang paling sesuai kerana ianya lebih mudah difahami dan kurang tekanan kepada mereka.

Dapatan kajian-kajian yang dinyatakan ini, dapat dilihat keputusan kajian kurang konsisten di antara kajian-kajian yang terdahulu. Hal ini berlaku kemungkinan disebabkan faktor-faktor lain seperti jenis sukan, pengalaman, situasi pertandingan dan tahap latihan. Dalam kajian Sofian et al. (2006) menyatakan faktor situasi ataupun peringkat pertandingan itu memberikan kesan secara langsung dengan faktor gaya kejurulatihan. Di dapati semakin tinggi pencapaian pemain dalam sukan, iaitu pada peringkat kebangsaan, pemain semakin menggemari gaya kepimpinan autokratik dan demokratik. Penyataan ini dapat dikuatkan lagi dengan hasil kajian Nelfianty dan Shaharudin (2012) yang turut menyatakan peringkat pertandingan memberikan kesan terhadap pemilihan gaya kepimpinan jurulatih pasukan mereka. Kajian Sarinah (2014) pula menyatakan bahawa tiada pertalian yang jelas antara pengalaman pemain bola jaring dan juga gaya kepimpinan yang digunakan oleh jurulatihnya. Perkara ini seharusnya diambil kira dan dikaji lagi bagi kajian-kajian yang akan datang. Selain daripada itu, dari keputusan kajian-kajian lepas ini menunjukkan perlunya kajian-kajian yang lebih banyak agar dapatan yang lebih konsisten dapat dihasilkan. Dapatan yang lebih konsisten dapat membantu jurulatih-jurulatih di Malaysia khasnya jurulatih di peringkat sekolah untuk mengaplikasikan gaya kepimpinan yang sesuai dengan usia pemain mereka dan membantu jurulatih untuk menghasilkan pemain yang lebih baik dan lebih berkualiti.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian ini dilakukan bagi meneliti gaya kepimpinan jurulatih, melihat tahap pencapaian pemain dan juga mengkaji hubungan diantara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur berlandaskan kajian tinjauan serta menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini

menggunakan instrumen Skala Kepimpinan untuk Sukan (*Leadership Skills for Sport*) yang diasaskan oleh Chelladurai dan Saleh (1980) akan digunakan. Skala Kepimpinan untuk Sukan merangkumi 5 dimensi gaya kepimpinan iaitu dimensi gaya Maklumbalas Positif, dimensi gaya Latihan dan Arahan, dimensi gaya Sokongan Sosial, dimensi gaya Demokratik dan dimensi gaya Autokratik. Seterusnya beberapa cadangan juga dikemukakan bagi melihat hubungan dan juga perbezaan diantara gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain ini.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:-

- 1) Menentukan gaya kepimpinan dalam kalangan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
- 2) Menentukan tahap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
- 3) Mengenal pasti hubungan antara gaya-gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
- 4) Mengenal pasti perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berikut merupakan persoalan kajian ini :-

- 1) Apakah gaya kepimpinan yang digunakan dalam kalangan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur?

- 2) Apakah tahap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur?
- 3) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur?
- 4) Adakah terdapat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah jangkaan awal penyelidik terhadap kemungkinan hasil daripada dapatan kajian yang akan dijalankan (Kumar, 2011). Hipotesis dijalankan berdasarkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang wujud dalam kajian ini. Berikut merupakan hipotesis bagi kajian ini :

1.  $H_01$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
  - a)  $H_{01.1}$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan Latihan dan arahan dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
  - b)  $H_{01.2}$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan Demokratik dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
  - c)  $H_{01.3}$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan Autokratik dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

- d) Ho1.4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan sokongan sosial dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
- e) Ho1.5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan Maklumbalas positif dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

2. Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah Kuala Lumpur.

- a) Ho2.1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan Latihan dan Arahan dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
- b) Ho2.2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan Demokratik dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
- c) Ho2.3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan Autokratik dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
- d) Ho2.4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan Sokongan sosial dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.
- e) Ho2.5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan maklumbalas positif dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

### **1.7 Signifikan Kajian**

Daripada dapatan analisis kajian ini diharap dapat memberikan petunjuk kepada jurulatih-jurulatih bola sepak di sekolah-sekolah Kuala Lumpur khasnya dan di seluruh negara amnya untuk mengaplikasikan gaya dimensi kejurulatihan yang sesuai untuk mendapatkan pencapaian yang diimpikan pasukan. Sekaligus jurulatih juga boleh memahami gaya kepimpinan yang sesuai dan gaya kepimpinan yang kurang sesuai untuk digunakan terhadap pemain bola sepak sekolah menengah.

Lanjutan daripada itu, diharap hasil daripada kajian ini dapat mendedahkan cerminan yang lebih jelas tentang masalah kejurulatihan yang berlaku di peringkat sekolah sekaligus dapat dijadikan sebagai penunjuk ataupun rujukan bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk membuat penambahbaikan ataupun untuk kajian yang lebih mendalam pada masa hadapan. Diharap dapatan daripada kajian ini juga dapat menguatkan lagi hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas dan membantu menjadikan dapatan kajian lepas lebih signifikan.

Seterusnya, diharap juga daripada kajian ini dapat membantu meningkatkan kualiti sukan bola sepak di sekolah dari segi pengurusan dan kejurulatihan seperti kualiti pengurus, jurulatih mahupun guru penasihat supaya dengan cara ini dapat menarik minat lebih ramai murid ataupun golongan muda untuk terlibat dalam pertandingan ataupun program bola sepak yang mungkin dapat menghasilkan pemain yang berpotensi tinggi, berbakat besar dan dapat memberikan saingan kepada pemain-pemain yang terbaik.

Melalui maklumat yang dikumpul dalam kajian ini juga besar harapan pengkaji agar dapat membantu menghasilkan modul kejurulatihan yang lebih efektif untuk dijadikan panduan kepada jurulatih-jurulatih baharu. Hasil perbincangan dalam kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan atau bahan bukti oleh pihak yang berkaitan untuk memurnikan lagi pelan pembangunan Bola Sepak negara bagi pada masa hadapan.

### **1.8 Limitasi Kajian**

Kajian yang dijalankan memfokuskan murid sekolah menengah yang terlibat sebagai pemain bola sepak di Kuala Lumpur sebagai responden. Kuala Lumpur terdapat 97 buah sekolah menengah yang mempunyai pasukan bola sepak. Di sebabkan faktor kekangan masa dan faktor lokasi sekolah yang jauh, Penyelidik tidak mampu untuk mendapatkan responden dari semua sekolah, oleh itu hanya beberapa buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur dipilih bagi menjalankan kajian ini dan dijadikan sebagai wakil populasi bagi kajian.

Sebagai kajian kuantitatif, penyelidikan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi mendapatkan data-data kajian. Lanjutan dari itu, bagi mendapatkan kebolehpercayaan kajian yang tinggi, data yang dikumpul haruslah diambil dari sejumlah responden yang ramai. Perkara ini akan menimbulkan permasalahan dalam proses analisis kerana dalam sejumlah besar responden yang diambil berkemungkinan terdapat responden yang tidak jujur atau kurang berminat untuk menjawab soalan yang diberikan. Perkara ini akan menyebabkan sesetengah dapatan yang dikumpul kurang tepat dan akan mengganggu dapatan kajian lain.

Faktor-faktor lain seperti pengalaman,pemain, situasi pertandingan dan juga jumlah masa latihan yang dijalankan oleh pemain merupakan antara penyebab yang mungkin mempengaruhi dapatan pembolehubah bersandar iaitu pencapaian pemain bola sepak dalam pertandingan. Ini bermaksud pencapaian pemain bola sepak mungkin dipengaruhi oleh salah satu, dua, ataupun ketiga-tiga faktor tersebut. Ini disentuh sendiri oleh Chelladurai dan Saleh (1980) dalam kajian mereka yang menyatakan kemungkinan faktor-faktor ini memberikan kesan secara langsung kepada hasil kajian ini.

Kurangnya kajian-kajian lepas yang dihasilkan bagi pemain di peringkat sekolah menengah di Malaysia membuatkan rujukan bagi kajian-kajian tempatan yang lepas sukar didapati. Penyataan ini disokong oleh Wee dan Shabeshan (2014) yang dalam kajian mereka menyatakan kajian-kajian lanjutan boleh dilakukan di masa hadapan seperti menilai perikatan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian para pemain pada peringkat sekolah menengah di Malaysia. Dengan cara ini lebih banyak kajian-kajian domestik dapat dihasilkan dan pada masa yang sama dapat membantu menambah baik lagi kajian mengenai kejurulatihan di negara ini.

### **1.9 Definisi Istilah**

Bahagian ini, menjelaskan beberapa kata nama khas yang digunakan dalam kajian ini, dimana istilah ini akan diperjelaskan maksud dan maknanya serta tujuan penggunaanya berkaitan dengan kajian. Seterusnya, penjelasan terhadap maksud istilah-istilah tersebut diuraikan mengikut konteks kajian.

### **1.9.1 Pemain Bola Sepak**

Pemain bola sepak yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah murid lelaki sekolah menengah yang berumur 13 tahun hingga 17 tahun yang mewakili sekolah mereka bagi sukan bola sepak ke pertandingan peringkat daerah, negeri maupun kebangsaan. Pemain bola sepak ini juga merupakan murid-murid sekolah yang masih belajar di sekolah-sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur.

### **1.9.2 Jurulatih**

Dalam konteks kajian ini, jurulatih ataupun ketua jurulatih merupakan individu yang berperanan penting di dalam memastikan pengurusan pasukan berjalan dengan lancar. Selain itu, jurulatih harus memastikan pengendalian setiap latihan pasukan berjalan lancar berdasarkan program-program yang dianjurkan oleh organisasi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan di samping memastikan fokus latihan berjaya dilaksanakan (Anuar et al., 2015).

Yurt dan Demir (2011) pula menyatakan bahawa jurulatih merupakan pemimpin yang membantu dan memberikan galakkan kepada sekumpulan pemain menjalankan tugas atau mencapai matlamat mereka. Jurulatih merupakan antara individu yang terpenting dalam sebuah pasukan, pengurusan seseorang jurulatih itu dapat memberikan kesan yang amat besar kepada pasukannya. Bagi pemain di peringkat sekolah pula peranan jurulatih itu berbeza dengan peranan jurulatih di peringkat yang lebih tinggi kerana pemain-pemain sekolah yang masih lagi muda dan juga masih di peringkat pembelajaran memerlukan pengurusan yang berlainan daripada pengurusan pemain yang lebih matang dan berpenggalaman. Kenyataan ini disokong oleh Anuar, Salleh dan mohd Isha (2015) peranan jurulatih di peringkat

sekolah sama pentingnya peranan seorang jurulatih di peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, kemahiran seorang jurulatih di peringkat sekolah itu tidak boleh dipandang enteng.

### **1.9.3 Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS)**

Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) atau dalam bahasa Inggerisnya *Leadership Scale for Sport (LSS)* yang dihasilkan oleh Chelladurai dan Saleh (1980) ialah instrumen pengukuran yang dibina untuk melihat hubungan dimensi gaya kepimpinan terhadap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah. Instrumen ini menggunakan kaedah soal selidik dan mempunyai sebanyak 40 item yang berkaitan dengan gaya kepimpinan dalam sukan. Di dalam instrumen SKS ini terdapat lima dimensi gaya kepimpinan yang akan diukur iaitu, Latihan dan Arahan, Demokratik, Sokongan Sosial, Autokratik dan Maklum Balas Positif. Setiap dimensi gaya kepimpinan yang dinyatakan ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Terdapat beberapa kajian yang cuba untuk menambah baik instrumen ini tetapi penggunaan instrumen-instrumen tersebut masih belum digunakan secara meluas dalam kajian-kajian yang berkaitan dengan kepimpinan dalam sukan.

### **1.9.4 Gaya Kepimpinan**

Berpandukan buku “*Human Resource Management in Sport and Recreation*” yang ditulis oleh Chelladurai (2006), gaya kepimpinan dibahagaiakan kepada 5 jenis dimensi, iaitu dimensi maklum balas positif, latihan dan arahan, demokratik, sokongan sosial dan autokratik. Melalui kelima-lima dimensi gaya kepimpinan ini, Chelladurai dan Saleh (1980) menghasilkan Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) yang telah digunakan dalam pelbagai jenis kajian yang berkaitan dengan

kepimpinan dalam sukan. Skala ini juga dihasilkan bagi membantu memahami Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi oleh Chelladurai dan Saleh dengan lebih baik lagi.

a) Latihan dan arahan (LA)

Fokus utama gaya kepimpinan ini adalah untuk menambahbaik prestasi pemain. Jurulatih memberikan latihan dan arahan kepada pemain untuk meningkatkan kemampuan fizikal pemain ke tahap maksimum. Jurulatih juga akan memberikan tunjuk ajar cara kemahiran tertentu dan teknik serta taktik yang betul kepada pemain. Jurulatih akan mengurus semua aktiviti pasukan tersebut (Chelladurai & Saleh, 1980). Menurut Nelfianty (2009) dalam kebanyakkan kajian lepas, gaya yang sering menjadi pilihan utama dan kedua para pemain ialah gaya dari dimensi latihan dan arahan. Antara kajian lepas yang menyatakan gaya latihan dan arahan mendapat antara skor tertinggi ialah Anuar dan Salleh (2009), Nelfianty (2009), Anuar dan Miting (2013), dan Sarinah (2014).

b) Demokratik (DK)

Jurulatih Demokratik akan membuat keputusan akhir, tetapi akan mengalakkan pemain memberikan cadangan dalam membuat keputusan. Gaya ini mengalakkan kreativiti dan kerja sepasukan dan membuatkan pemain lebih berpuas hati atas hasil kerja mereka. Kekurangan gaya ini ialah mengambil masa yang lama untuk mendapat keputusan (Amanchukwu, Stanley, dan Ololube, 2015). Antara gaya kepimpinan yang penyelidik merasakan sesuai digunakan kepada pemain bola sepak di peringkat sekolah menengah. Dimana gaya ini mementingkan hubungan dua hala antara

jurualtih dan juga pemain. Antara kajian yang menerima dapatan yang tinggi bagi gaya ini ialah Nelfianty (2009) dan Mohd. Zulhazmi dan Shaharudin (2017).

c) Sokongan sosial (SS)

Gaya kepimpinan ini lebih menyerupai gaya dimensi latihan dan arahan, perbezaannya jurulatih gaya ini akan lebih menfokuskan keperluan interpersonal pemain daripada persembahan pasukannya. Sokongan sosial tidak mengutamakan prestasi dimana jurulatih akan memastikan kehendak pemainnya dipenuhi dulu dan pemain lebih bebas untuk bermain mengikut cara mereka (Chelladurai & Saleh, 1980). Gaya kepimpinan ini merupakan antara gaya yang selalu menjadi pilihan bagi kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan pemain di peringkat sekolah, contohnya kajian Mohd. Zainuri (2011) yang mendapati pemain bola sepak MSSM Selangor paling mengemari gaya sokongan sosial dan kajian Mohd. Zulhazmi dan Shaharudin (2017) yang menyatakan gaya ini merupakan antara gaya yang digemari oleh pemain bola tampar sekolah rendah di daerah Lipis, Pahang.

d) Autokratik (AK)

Gaya ini memberikan jurulatih kuasa sepenuhnya untuk membuat keputusan. Pemain tidak diberi peluang untuk mengutarakan cadangan. Kelebihan gaya ini adalah keputusan dapat dibuat dengan cepat dan ringkas, tetapi gaya ini membuatkan pemain senang merasa tertekan (Amanchukwu et al., 2015).

Gaya kepimpinan yang bertentangan dengan gaya kepimpinan Demokratik, dimana gaya kepimpinan ini selalu mendapat peratusan penggunaan yang paling sedikit berbanding gaya-gaya kepimpinan yang lain. Melalui kajian-

kajian lepas, kebanyakkan penyelidik menyatakan gaya autokratik ini sesuai digunakan terhadap atelet profesional dan kurang sesuai digunakan terhadap pemain muda atau pemain di peringkat sekolah. Ini kerana, pemain di peringkat tersebut memerlukan lebih banyak bimbingan dan bertolak ansur dari jurulatihnya (Crust & Lawrence, 2006; Sarinah, 2014; Wee & Shabeshan, 2014).

e) Maklum balas positif (MB)

Dalam satu pasukan kemungkinan terdapat posisi yang kurang menyerlah atau kurang mendapat perhatian. Oleh itu, adalah penting bagi jurulatih untuk merakamkan penghargaan dan pujian kepada pemain untuk prestasi dan sumbangannya mereka. Gaya kepimpinan ini mengalakkkan jurulatih memotivasi pasukannya walaupun mereka kalah setelah melakukan yang terbaik (Chelladurai & Saleh, 1980). Gaya maklum balas positif ini juga merupakan gaya yang popular digunakan oleh kebanyakkan jurulatih.

### **1.9.5 Sekolah Menengah**


Sekolah Menengah merupakan institusi pendidikan yang menempatkan kanak-kanak dari lepasan sekolah rendah dan remaja berumur dari 13 tahun hingga 18 tahun. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia mengkategorikan jenis sekolah menengah di Malaysia kepada beberapa jenis sekolah seperti Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Harian Biasa, Sekolah Asrama Harian, Sekolah Menengah Agama dan Sekolah Khas. Kajian ini tidak melibatkan sekolah-sekolah di luar pembiayaan dan pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau sekolah swasta seperti Sekolah Pondok, Manhad Tahfiz, dan Sekolah Antarabangsa. Selain itu, kajian ini juga tidak melibatkan murid

dari sekolah-sekolah di bawah kelolaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) atau lebih dikenali sebagai Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

#### **1.9.6 Pencapaian Pemain Bola Sepak**

Menurut Kamus Pelajar Dewan Bahasa Melayu (2016), pencapaian bermaksud sesuatu yang dicapai atau sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan. Manakala pencapaian dalam skop kajian ini pula bermaksud peringkat tertinggi responden mewakili pasukan dalam sukan bola sepak, contohnya jika responden mewakili pasukan kelas bermain untuk pertandingan bola sepak antara kelas ia adalah dikategorikan pada peringkat sekolah. Manakala, jika responden mewakili sekolah untuk pertandingan peringkat zon/daerah, maka responden dikategorikan sebagai mewakili peringkat daerah. Responden yang tidak pernah mewakili pasukan bola sepak dalam mana-mana peringkat tidak akan terlibat dalam kajian ini kerana penyelidik akan memaklumkan terlebih dahulu kepada jurulatih atau guru yang menjaga pasukan bola sepak tersebut agar menyediakan murid yang pernah mewakili pasukan bola sepak dalam mana-mana peringkat pertandingan. Tetapi jika masih terdapat juga responden yang tidak mewakili pasukan bola sepak dalam mana-mana peringkat menjawab soal selidik ini, maka soal selidik bagi responden tersebut dikira tidak sah dan tidak akan dikira dalam proses analisis data nanti. Pencapaian merupakan faktor penting dalam kajian ini bagi melihat perhubungan dan keberkesanan antara gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

## 1.10 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.0 : Kerangka konseptual Gaya Kepimpinan Jurulatih dan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Diadaptasi dari Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi oleh Chelladurai dan Saleh (1980).

Rajah 1 di atas menunjukkan kerangka konsep gaya kepimpinan jurulaith dan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Kerangka konsep kajian ini telah diadaptasi daripada model teori yang dihasilkan oleh Chelladurai dan Saleh (1980) iaitu Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi (MKPD) atau lebih dikenali sebagai *Multidimensional Model Of Leadership*. Model yang sering digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan kepimpinan dalam sukan ini akan diperjelaskan lagi dengan lebih terperinci dalam bab 2. Kerangka konsep kajian ini mengadaptasi teori MKPD iaitu gaya kepimpinan yang bersesuaian dengan keperluan pasukan akan membuatkan pencapaian pasukan meningkat dan jika gaya kepimpinan tidak bersesuaian dengan keperluan pasukan maka pencapaian pasukan akan jatuh. Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji sama ada terdapat hubungan antara

gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pasukan bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Kerangka konsep penyelidikan ini menyatakan terdapat 5 dimensi gaya kepimpinan yang digunakan oleh para jurulatih, di mana 5 dimensi gaya kepimpinan tersebut ialah Maklumbalas Positif, Sokongan Sosial, Arahan dan Latihan, Demokratik dan Autokratik. Setiap gaya kepimpinan yang dinyatakan mempunyai ciri-ciri pengurusan yang unik dan tersendiri. Penggunaan gaya-gaya kepimpinan tersebut juga bergantung kepada beberapa faktor seperti umur pemain, jantina pemain, jenis sukan dan sebagainya. Oleh itu, setiap jurulatih seharusnya tahu menggunakan gaya kepimpinan yang bersesuaian dengan pasukannya. Gaya kepimpinan jurulatih yang sesuai dengan keperluan pemain akan memberikan kesan terhadap pencapaian pasukan bola sepak. Maka, jika gaya kepimpinan jurulatih bersesuaian dengan keperluan pasukan bola sepak ia akan membuatkan pencapaian pasukan bola sepak meningkat dan jika gaya kepimpinan jurulatih tidak bersesuaian dengan keperluan pasukan bola sepak maka pencapaian pasukan bola sepak akan terjejas. 5 dimensi gaya kepimpinan jurulatih ini merupakan pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini manakala pencapaian pasukan bola sepak merupakan pembolehubah bersandar kajian. Pencapaian pasukan bola sepak pula dinilai melalui tahap penglibatan pasukan tersebut seperti peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.

### **1.11 Rumusan**

Secara keseluruhannya bab ini menerangkan mengenai latar belakang, pernyataan masalah, kerangka konsep, objektif, persoalan dan limitasi kajian serta definisi istilah

kajian. Gambaran awal dapat diberikan mengenai aspek-aspek penting dalam kajian ini supaya dapat memberikan kefahaman dan penjelasan terhadap kata nama khas yang diguna pakai bagi kajian ini.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan meneliti serta membincangkan berkenaan dengan kajian-kajian penting dari para penyelidik terdahulu yang bersesuaian dengan kajian ini dimana kajian-kajian tersebut akan diperdalam dan diperjelaskan lagi. Kajian literatur melibatkan pembacaan dan pengumpulan fakta-fakta penting terhadap kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan topik yang telah dipilih. Proses ini akan membantu mengenal pasti masalah kajian, membina hipotesis dan mengembangkan perkaedahan kajian (Ampofo-Boateng, 2014). Hal ini bagi menyokong penyelidikan yang akan dilakukan dengan melihat hasil dapatan, rumusan dan cadangan melalui sumber rujukan daripada kajian sebelumnya. Selain itu, penyelidik akan menghuraikan peranan jurulatih dengan mendalam dalam proses pembentukkan pasukan yang mempunyai prestasi pencapaian yang diingini. Tidak ketinggalan, teori-teori yang bersesuaian akan turut diperjelaskan bagi menunjukkan kajian yang dijalankan ini mempunyai sumber rujukan yang relevan untuk dikaji. Teori-teori tersebut juga dapat dijadikan sumber sokongan kepada kajian ini.

#### **2.2 Teori Kepimpinan Umum dan Teori Kepimpinan dalam Sukan**

Kajian mengenai kepimpinan telah dikaji sejak sekian lamanya, dan pelbagai rumusan telah didapati oleh penyelidik-penyelidik terdahulu, tetapi sehingga kini

masih lagi tiada satu jawapan yang kukuh mengenai apakah yang menjadikan seseorang itu pemimpin yang efektif. Bahagian ini akan menghuraikan mengenai teori-teori kepimpinan yang boleh diadaptasi ke dalam kepimpinan sukan seperti teori lelaki hebat (*great man theory*), teori tingkah laku (*behavioral theories*), teori situasi/kontigensi Fiedler, model kepimpinan pelbagai dimensi dan lain-lain.

Teori-teori ini merupakan teori penting dalam penyelidikan yang berkaitan dengan asas kepimpinan, kepentingan dan pengaruh kepimpinan jurulatih dalam membentuk sesebuah pasukan dan secara tidak langsung teori ini serba sedikit akan menerangkan mengenai cara-cara untuk memimpin dan melatih pasukan seperti pasukan bola sepak dengan cara yang lebih berkesan.

### **2.2.1 Teori Sifat Kepimpinan (*Trait Theory*) / Teori Lelaki Hebat (*Great Man Theory*)**

Teori kepimpinan yang pertama sekali ialah Teori Sifat Pemimpin (*Trait Theory*) atau juga dikenali sebagai teori lelaki hebat (*Great man theory*), dimana teori ini menyatakan bahawa sesetengah orang mempunyai ciri-ciri sosial, fizikal dan peribadi yang melayakkan mereka memimpin orang lain. Sifat dan ciri-ciri ini dikenal pasti untuk memilih orang yang betul-betul sesuai untuk dijadikan pemimpin (Ampofo-Boateng, 2014). Selalunya seseorang yang mempunyai tubuh badan yang tegap, bijaksana, popular, mempunyai sifat-sifat karismatik dan berdiplomatik akan dianggap mampu menjadi pemimpin yang efektif. Teori ini menyatakan bahawa pemimpin dilahirkan bukan dibentuk (Cakioglu, 2003).

Namun, pendekatan ini gagal menghasilkan sesuatu yang konkret daripada segi mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan individu. Menurut pendekatan ini, bukan semua orang boleh menjadi pemimpin dimana seorang pemimpin yang berjaya mempunyai ciri-ciri kepemimpinan yang berbeza daripada orang kebanyakkan dan ciri-ciri itu stabil pada setiap masa (Shaharudin, 2006). Teori ini juga gagal mengambil kira kesan faktor-faktor lain seperti faktor situasi, kemudahan, sumber dan kaliber-kaliber pengikut atau ahli pasukan yang boleh digunakan oleh seseorang pemimpin.

### **2.2.2 Teori Perlakuan Pemimpin (*Behavioral Theories*)**

Seperti teori sifat kepimpinan, teori perlakuan kepimpinan juga mengfokuskan kepada apa yang dilakukan oleh seseorang pemimpin itu. Tetapi teori perlakuan pemimpin ini lebih melihat apa yang dilakukan oleh pemimpin itu berlainan daripada teori sifat kepimpinan yang melihat perwatakan pemimpin itu. Tingkah laku seseorang itu boleh membezakan seseorang pemimpin daripada bukan pemimpin

Dalam teori ini, terdapat ciri-ciri pemimpin yang boleh digunakan untuk melatih seseorang menjadi pemimpin. Teori ini menyatakan bahawa pemimpin boleh diajar untuk menjadi pemimpin yang baik dan berketerampilan. Justeru, seseorang boleh dilatih menjadi pemimpin dengan cara mengajar dan melatih mereka yang dikenal pasti boleh memimpin dengan tingkah laku-tingkah laku penting untuk membolehkan mereka menjadi seorang pemimpin yang berkesan.

Menurut LeUnes (2008) dalam bukunya, teori ini telah digunakan berulang kali dalam kajian-kajian sukan sebelum ini, tetapi dapatan yang kurang terperinci membuatkan dapatan daripada teori ini kurang konsisten dan sukar untuk pengkaji membuat kesimpulan yang tepat. Kurangnya penglibatan faktor lain dalam teori ini juga membuatkan teori ini kurang digunakan dalam kajian-kajian kepimpinan. Tetapi pandangan teori ini yang menyatakan seseorang pemimpin itu boleh diajar dan dibentuk untuk menjadi pemimpin yang lebih baik telah menjadi panduan kepada kajian-kajian seterusnya.

### **2.2.3 Model Kontigensi Fiedler**

Model Kontigensi mengambil pendekatan terhadap kajian-kajian kepimpinan yang mengambil kira ciri-ciri pemimpin dan juga faktor situasi. Model ini yang dicipta oleh Fred Fiedler pada pertengahan 1960-an menyatakan bahawa seorang pemimpin yang berkesan dalam satu situasi berkemungkinan tidak akan menjadi pemimpin yang berkesan bagi situasi yang berlainan. Fiedler percaya bahawa setiap situasi memerlukan pemimpin dengan gaya kepimpinan yang tertentu (LeUnes, 2008) Model ini memperkenalkan dua dimensi gaya kepimpinan iaitu gaya berorientasikan tugas atau Kepimpinan Autokratik dan juga gaya berorientasikan hubungan atau Kepimpinan demokratik.

Menurut Shaharudin (2006), teori ini melihatkan kepimpinan sebagai satu kemahiran yang boleh dipelajari dan bukannya berdasarkan trait ataupun diwarisi semata-mata. Keberkesanan kepimpinan individu adalah berdasarkan situasi dan personaliti pemimpin yang efektif pada suatu situasi mungkin tidak boleh digunakan pada situasi lain kerana perbezaan keadaan serta tuntutan situasi itu. Teori yang

dirangka oleh Fiedler (1967,1978), memberi penekanan kepada trait personaliti yang stabil dan bukannya perlakuan pemimpin. Teori ini juga menyatakan bahawa tiga situasi atau faktor yang boleh menjelaskan keberkesanan seseorang pemimpin ialah hubungan pemimpin-ahli, struktur tugas dan kuasa kedudukan pemimpin.

Tetapi terdapat kajian yang bercanggah dengan model Fiedler (Cox, 2007). Ini kerana dapatan kajian berkaitan pendekatan ini kerap tidak konsisten (Shaharudin, 2006). Kebanyakkan kajian mendapati kesahan teori cuma dicatatkan dalam persekitaran yang terkawal seperti di dalam makmal. Isu kesahan menjadi penyebab teori ini tidak begitu diberikan tumpuan dalam konteks kepimpinan dalam sukan.

#### **2.2.4 Teori Haluan Matlamat - *House 1971(Path Goal Theory)***

Teori haluan matlamat yang dipopularkan oleh House pada 1971 ini mengfokuskan keupayaan pemimpin untuk memotivasi dan membantu ahlinya untuk mencapai matlamat mereka dengan memberikan habuan, mementingkan keselesaan dan kepuasan ahlinya. Kajian yang dilakukan oleh Chelladurai dan Saleh (1978) menyokong teori ini. Namun, teori ini dikatakan agak umum dan kurang jelas daripada sudut pelaksanaannya (Cox, 2007). Kajian ini juga kurang digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan kepimpinan dalam sukan (LeUnes, 2008).

#### **2.2.5 Teori Putaran Hidup (Life Cycle Theory) / Teori Situasi**

Teori ini dipelopori oleh Hersey dan Blanchard (1977). Teori ini mengkaji kepimpinan yang memfokus kepada kematangan yang dimiliki pasukan yang dibimbing (motivasi, pengalaman, dan daya saing). Perubahan dalam kematangan

pengikutnya itu akan turut mempengaruhi perlakuan jurulatih dan hubungan antara kedua-dua pihak. Teori ini lebih menitiberatkan perlakuan pasukan yang dibimbing berbanding jurulatih. Teori ini juga dikenali sebagai teori situasi (Carron, 1980)

Menurut LeUnes dan Nation (2002), tahap kematangan berbeza dari satu situasi kepada satu situasi lain. Peranan perlakuan bergantung kepada bagaimana pemimpin menjelaskan persoalan seperti apakah, bilakah dan bagaimanakah sesuatu perkara perlu dilakukan. Sementara perlakuan hubungan ialah kaedah pemimpin melakukan komunikasi dua hala menerusi sokongan sosial dan sikap pasukannya. Menurut Hersey, Balnchard dan Hambleton (1980), empat gaya kepimpinan dikenal pasti berdasarkan modelnya iaitu berdasarkan :

1. Rendah arahan / hubungan gaya kepimpinan tinggi (*Low task / high relationship leader behavior*). Terma “memberitahu” adalah sesuai untuk digunakan dalam gaya kepimpinan ini. Pemimpin gaya ini seorang yang tegas dan cara komunikasinya ialah satu hala.
2. Tinggi arahan / hubungan gaya kepimpinan tinggi (*High task / high relationship leader behavior*). Pemimpin “menjual” hubungan dengan ahlinya. Hubungan dua hala dan sokongan psikologi amat dititikberatkan.
3. Tinggi arahan / hubungan gaya kepimpinan rendah (*High task / low relationship leader behavior*). “Penglibatan” merupakan ayat yang sesuai untuk gaya ini. Pemimpin berbincang dengan ahli sebelum membuat keputusan.

4. Rendah arahan / hubungan gaya kepimpinan rendah (*Low task / low relationship leader behavior*). “membahagikan” ialah terma yang digunakan. Disebabkan kematangan ahli kumpulan, maka banyak keputusan ditentukan sendiri oleh ahlinya.

Penggunaan model ini dalam sukan boleh diaplikasikan daripada peringkat awal iaitu penggunaan terhadap pemain daripada peringkat sekolah hingga ke peringkat yang lebih tinggi seperti peringkat elit ataupun peringkat profesional. Kemajuan haruslah dimulakan dari *Low task / high relationship* ke *high task / high relationship* dan kemudian dari *high task / low relationship* ke *low task / low relationship*. Semakin matang seseorang pemain itu semakin tinggi keupayaan pemain tersebut untuk menyelesaikan tugas secara sendiri, oleh itu hubungan dengan jurulatih adalah tidak begitu rapat berbanding pemain di sekolah rendah yang memerlukan lebih banyak bimbingan jurulatih (LeUnes, 2008).

#### **2.2.6 Model Berfungsi (*The Functional Model*) Oleh Behling dan Schriesheim (1976)**

Model ini kurang digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan sukan tetapi kesahan muka model ini didapati sesuai untuk digunakan untuk kajian dalam sukan pada masa akan datang. Pada asasnya, model berfungsi ini mencadangkan bahawa kejayaan sesebuah kumpulan itu bergantung kepada dua aspek iaitu keperluan ekspresif dan keperluan instrumental. Keperluan ekspresif adalah seperti keperluan interpersonal, sosial, dan emosi. Manakala keperluan instrumental pula adalah yang berkaitan dengan tugas. Behling dan Schriesheim (1976) percaya bahawa ia sukar untuk mencari pemimpin yang boleh mengimbagnkan antara kepuasan ahli


kumpulan dan juga pencapaian ahli kumpulan. Oleh itu, mereka memperkenalkan model ini dimana mereka percaya dua atau lebih pemimpin yang mempunyai kekuatan pengurusan yang berlainan diperlukan untuk memajukan sesebuah kumpulan. Pemimpin yang mengfokuskan kaedah ekspresif akan mementingkan interaksi antara ahli kumpulan berdasarkan kerjasama dan juga moral mereka. Pemimpin yang mengutamakan keperluan instrumental akan mementingkan kejayaan tugas yang dijalankan (LeUnes, 2008; Cox, 2012).

Satu kajian berkaitan model ini dilakukan oleh Loughead dan Hardy (2005). Kajian ini mengkaji kepimpinan jurulatih dan juga pemimpin sebaya iaitu ketua pasukan dan juga ahli pasukan. Daripada hasil kajian, penyelidik mengenal pasti bahawa responden cenderung kepada pelbagai gaya kepimpinan yang berlainan. Loughead dan Hardy (2005) mengenalpasti bahawa para jurulatih lebih cenderung kepada gaya pelaksanaan seperti gaya Latihan dan Arahan serta Autokratik. Manakala pemimpin sebaya lebih cenderung kepada gaya pertimbangan seperti gaya Sokongan Sosial dan Demokratik. Perkara ini selari dengan cadangan model Behling dan Schriesheim (1976) ini yang menyatakan keperluan untuk menggunakan lebih dari seorang pemimpin. Dimana setiap pemimpin mempunyai kemahiran tersendiri yang boleh melengkapkan kekurangan pemimpin yang lain. Namun begitu, keperluan untuk menggunakan lebih dari seorang jurulatih dan dapatan gaya kepimpinan yang kurang spesifik dilihat kurang sesuai diaplikasikan bagi kajian ini yang lebih mengfokuskan kepada gaya kepimpinan jurulatih. Jesteru itu, pengkaji memilih pendekatan yang tepat bagi mengkaji aspek kepimpinan sukan iaitu dengan mengaplikasikan Model Kepimpinan Multidimensi Chelladurai kerana dilihat lebih spesifik dan sesuai untuk digunakan dalam kajian berkaitan kepimpinan sukan ini.

## **2.2.7 Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi (*Multidimensional Model Of Leadership*)**

Model kepimpinan Chelladurai (1978) diasaskan kepada pendekatan interaksi dan dibina khas untuk situasi sukan. Mengikut model ini, kejayaan sukan didasarkan kepada interaksi antara pemimpin dengan ahli pasukan. Model ini dibentuk hasil beberapa kajian terhadap gaya kepimpinan jurulatih yang ideal bagi pemain (Chelladurai & Saleh, 1978). Walaupun terdapat beberapa teori kepimpinan umum yang lain seperti teori Fiedler, tetapi apabila melihat hasil dapatan daripada kajian yang berkaitan dengan sukan teori-teori umum berkenaan kurang mendapat sokongan (Horn, 2008). Terdapat ahli teori mencadangkan bahawa masalah utama penggunaan teori umum terhadap kajian dalam kepimpinan sukan ialah kegagalan penyelidik untuk mempertimbangkan ciri-ciri unik dalam sukan (Chelladurai & Saleh, 1978). Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi menggabungkan gagasan yang dikemukakan oleh teori-teori kepimpinan iaitu Teori Kepimpinan Trait, Teori Perlakuan (*behavioral*) dan teori situasi untuk memperlihatkan interaksi jurulatih dan pemain dalam persekitaran sukan.

Menurut Chelladurai (2007), umur dan tahap kemahiran setiap pemain yang berbeza memerlukan gaya kejurulatihan yang berlainan. Pemain profesional yang lebih matang lebih sesuai dengan gaya seperti Latihan dan Arahan manakala pemain remaja mungkin lebih sesuai dengan gaya Sokongan Sosial kerana peringkat umur mereka yang masih muda dan kurang pengalaman menyebabkan mereka memerlukan lebih bimbingan dan sokongan daripada jurulatih mereka. Oleh itu, pengurusan pasukan yang sesuai akan memastikan latihan yang lebih lancar.



Rajah 2.1 : Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi (Chelladurai & Saleh, 1978)

Rajah 2.1 di atas menunjukkan kerangka Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi oleh Chelladurai dan Saleh (1978). Chelladurai (2007) menyatakan teori ini melihat keberkesanan pimpinan seseorang jurulatih itu bergantung kepada tiga faktor tak bersandar yang saling berkaitan. Faktor tak bersandar yang pertama ialah karakter situasi, contohnya sebarang perubahan situasi yang boleh memberikan kesan terhadap tindakan jurulatih seperti matlamat pasukan, tahap pertandingan, peraturan khas pertandingan, dan situasi permainan. Tingkah laku penonton di sekeliling juga boleh memberikan kesan terhadap gaya jurulatih tersebut. Faktor yang kedua ialah karakter pemimpin atau jurulatih, contohnya personaliti jurulatih, tingkah lakunya dan juga pengalaman jurulatih tersebut melatih pasukan. Jurulatih yang mempunyai lebih banyak pengalaman kebiasaannya akan lebih tenang dan dapat memahami dengan lebih baik keperluan pasukannya. Faktor yang ketiga ialah karakter ahli

kumpulan, seperti tahap emosi yang berlainan, keyakinan diri, umur, dan kemahiran ahli pasukan yang berbeza memerlukan cara kepimpinan yang berbeza (Anshel, 2003; Tenenbaum & Eklund, 2007, LeUnes, 2008; Ampofo-Boateng, 2014).


Dalam model ini, kepuasan pemain dan pencapaian pemain begantung kepada tiga keadaan tingkah laku atau gaya kepimpinan jurulatih. Keadaan tersebut ialah gaya diperlukan, gaya diminati dan gaya sebenar. Gaya diperlukan merupakan gaya yang seharusnya digunakan oleh jurulatih untuk mencapai matlamat pasukan. Setiap ahli pasukan mempunyai perbezaan yang tersendiri seperti umur, jantina, kemahiran dan sebagainya. Oleh itu keperluan gaya kejurulatihan bagi satu pasukan adalah berbeza dengan pasukan yang lain. Gaya kepimpinan yang diminati pula merupakan gaya kepimpinan yang digemari oleh pemain berpandukan kebolehan jurulatih dalam memberi arahan dan bimbingan, sokongan sosial, serta dalam memberikan maklum balas kepada pemain untuk mereka mencapai matlamat pasukan. Gaya pemimpin yang sebenar pula adalah gaya kepimpinan yang ditunjukkan oleh jurulatih tersebut seperti personaliti, kepakaran, dan pengalaman yang dilihat dan dinilai oleh pemain (Tenenbaum & Eklund, 2007).

Jika ketiga-tiga keadaan ini tidak serasi, gaya kepimpinan *laissez-faire* akan terhasil. Manakala, jika kedua-dua keadaan gaya kepimpinan tidak selari dengan gaya kepimpinan yang diminati, pencapaian berkemungkinan tinggi tetapi pemain tidak berpuas hati. Selain itu, jika gaya sebenar dan gaya yang diminati adalah selari tetapi tidak serasi dengan gaya yang diperlukan, pemain mungkin akan berpuas hati tetapi pencapaian akan terkesan (Cox, 2012).

Berdasarkan model kepimpinan sukan, kepuasan dan persembahan pemain dilihat bergantung kepada interaksi antara tiga aspek utama tingkah laku kepimpinan iaitu tingkah laku pemimpin yang diperlukan, tingkah laku yang disukai dan tingkah laku yang sebenar (Ampofo-Boateng, 2014). Interaksi daripada ketiga-tiga aspek ini akan menentukan penerimaan setiap ahli pasukan adakah mereka menerima gaya kepimpinan jurulatih tersebut atau sebaliknya dan sseterusnya akan memberikan impak secara langsung kepada pencapaian pasukan tersebut. Tahap kepuasan yang baik akan memberikan mereka pencapaian yang baik manakala tahap kepuasan yang rendah akan memberikan pencapaian yang kurang memuaskan(Cox, 2012; Kremer, Moran, Walker, dan Craig, 2012) .

### **2.3 Kerangka Teoritikal**

Dalam konteks kajian ini, Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi merupakan rujukan asas kepada konsep teori yang menjadi tulang belakang bai kajian yang dijalankan ini. Perbezaan bagi kajian ini ialah fokus penyelidik lebih kecil dari kajian asal Chelladurai dan Saleh (1978), dimana penyelidik ingin melihat kepada pembolehubah gaya kepimpinan jurulatih yang manakah sering digunakan terhadap pasukan bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Berbeza dari kajian Chelladurai dan Saleh (1978) yang mengkaji gaya kepimpinan yang digemari oleh pemain, gaya kepimpinan yang sepatutnya digunakan oleh jurulatih dan juga gaya kepimpinan sebenar yang digunakan oleh jurulatih dalam mengurus pasukan mereka.



*Rajah 2.2 : Kerangka teoritikal yang diadaptasi daripada Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi (Chelladurai & Saleh, 1978)*

Dalam rajah 2.2 disebelah menunjukkan konsep teori kajian ini yang diadaptasi daripada Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi yang dihasilkan oleh Chelladurai dan Saleh (1978). Seperti model diatas, kerangka teoritikal kajian ini juga menyatakan faktor awal seperti karakter pertandingan, karakter jurulatih, dan karakter pemain bola sepak akan mempengaruhi gaya kepimpinan sebenar jurulatih bola sepak bagi setiap pasukan. Dengan berpandukan ketiga-tiga karakter yang dinyatakan, jurulatih akan menggunakan gaya kepimpinan yang dirasakan paling sesuai untuk membantu pasukannya mendapat keputusan yang terbaik. Jika gaya kepimpinan yang digunakan tidak dapat mencapai kejayaan, jurulatih harus mengkaji semula ketiga-tiga karakter berkenaan dan cuba menambah baik gaya yang sedia ada atau menukar gaya kepimpinannya bagi meningkatkan tahap pencapaian pasukan bola sepaknya. Gaya kepimpinan yang dikaji dalam kajian ini adalah daripada gaya dimensi Autokratik, dimensi Demokratik, dimensi Sokongan Sosial, dimensi Latihan dan Arahan, atau dimensi Maklumbalas Positif.

Penggunaan gaya kepimpinan jurulatih yang sesuai dengan latihan bagi pemain muda di peringkat sekolah di negara ini masih kurang jelas dan diambil mudah oleh kebanyakan jurulatih. Perkara ini seharusnya dipandang serius oleh semua pihak kerana penggunaan gaya kepimpinan yang sesuai dengan pemain dapat membantu dalam banyak perkara, oleh itu adalah sangat penting untuk setiap jurulatih di peringkat sekolah untuk memahami gaya kepimpinan yang diperlukan dan yang sesuai digunakan ke atas pemain bola sepak sekolah menengah agar kualiti kejurulatihan sedikit sebanyak dapat ditambah baik.

Bagi merealisasikan teori dari Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi ini, Chelladurai dan Saleh telah merekahta satu instrumen soal selidik yang direka khas untuk kajian yang berkaitan dengan gaya kepimpinan dalam sukan yang diberi nama sebagai Skala Kepimpinan untuk Sukan.

### **2.3.1 Skala Kepimpinan untuk Sukan (*Leadership Scale for Sports*)**

Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) telah direka oleh Chelladurai dan Saleh (1980) semperna dengan penghasilan Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi. Mengandungi 40 item yang merujuk kepada lima dimensi gaya kepimpinan dalam sukan. 5 dimensi gaya kepimpinan itu ialah : Demokratik, Autokratik, Sokongan Sosial, Latihan dan Arahan, dan Maklumbalas Positif.

Chelladurai dan Saleh (1980) mengkategorikan lima dimensi tersebut berdasarkan, satu dimensi berkaitan dengan gaya berorintasikan tugas (latihan dan arahan), dua dimensi berkaitan dengan gaya berorintasikan membuat keputusan (demokratik dan autokratik), dan dua dimensi berkaitan dengan gaya berorintasikan motivasi (sokongan sosial dan maklum balas positif). Jadual 2.1 dibawah

menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai gaya kepimpinan yang digunakan dalam isntrumen SKS.

Jadual 2.1

*Deskripsi gaya kepimpinan dalam instrumen SKS*

Gaya Kepimpinan	Deskripsi
Latihan dan Arah	Gaya kepimpinan jurulatih yang bertujuan untuk menambah baik prestasi pemain dengan memudahkan cara latihan yang sukar dan berat, melatih pemain dalam kemahiran, teknikal dan taktikal dalam sukan, menjelaskan hubungan antara ahli pasukan, serta penstrukturran dan menyelaraskan aktiviti ahli pasukan.
Demokratik	Gaya kepimpinan jurulatih yang mengalakan penglibatan pemain dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan matlamat kumpulan, kaedah latihan, serta taktik dan strategi permainan.
Autokratik	Gaya kepimpinan jurulatih yang memberikan kuasa dan kebebasan untuk membuat keputusan oleh seorang sahaja.
Sokongan Sosial	Gaya kepimpinan jurulatih mengambil berat terhadap kebajikan setiap pemain, suasana positif dalam kumpulan, dan hubungan interpersonal yang rapat dengan pemain.
Maklumbalas positif	Gaya kepimpinan jurulatih yang mengukuhkan pemain dengan mengiktiraf dan menghargai prestasi yang baik.

Menurut LeUnes (2008) sejak Chelladurai dan Saleh memperkenalkan SKS pada 1978, instrumen ini telah kerap kali digunakan dalam banyak kajian yang berkaitan dengan kepimpinan dalam sukan. Populariti SKS telah membuatkan instrumen ini dialih bahaskan ke pelbagai bahasa antaranya bahasa Finland, Perancis, Jepun, Portugis dan Sweden. Secara rumusnya, penggunaan model pelbagai dimensi dan SKS ini masih relevan sehingga kini dan dijangka penggunaan hasil

kajian Chelladurai ini akan digunakan lagi di masa yang akan datang. Penerangan lanjut mengenai penggunaan instrumen SKS ini akan diperjelaskan lagi dalam bab 3.

## **2.4 Kajian-Kajian Terdahulu**

Lanjutan dari bab ini akan memperincikan kajian-kajian terdahulu yang mempunyai persamaan dengan kajian ini. Kajian-kajian lalu merupakan sumber rujukan utama bagi penyelidik dalam membantu menguatkan dapatan bagi kajian yang dijalankan ini.

### **2.4.1 Kajian Tentang Gaya Kepimpinan Jurulatih.**

Dalam kajian Sarinah Kasbi (2014) yang bertajuk Perkaitan antara Orientasi Matlamat dan Stail Kepimpinan Jurulatih dengan Prestasi Pencapaian Pasukan Bola Jaring. Penyelidik ingin melihat perkaitan oreintasi matlamat pemain bola jaring, gaya kepimpinan jurulatih yang ideal dan gaya kepimpinan jurulatih yang sebenar yang digunakan oleh jurulatih-jurulatih sekolah di Perak dengan prestasi pencapaian pasukan pada Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Perak 2012. Kajian ini turut mengkaji perkaitan faktor-faktor lain seperti umur dan pengalaman pemain dengan orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih. Responden kajian merupakan pemain bola jaring bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun yang berjaya melayakkan diri ke peringkat suku akhir kejohanan tahun 2012 ( $N=144$ ). Dalam kajian ini kaedah tinjauan digunakan beserta persampelan bertujuan. Skala Kepimpinan dalam Sukan dijadikan sebagai instrumen. Hasil dari kajian ini mendapati bahawa gaya Latihan dan Arahan merupakan gaya kepimpinan jurulatih yang paling ideal bagi kedua-dua kategori, diikuti oleh gaya Demokratik, gaya Sokongan Sosial, dan gaya Maklum Balas Positif. Manakala gaya yang paling kurang ideal merupakan gaya Autokratik.

Dalam kajian Sarinah Kasbi (2014) ini terdapat 2 jenis pembolehubah bersandar, iaitu orientasi matlamat dan juga gaya kepimpinan. Dari dapatan ini berkemungkinan salah satu daripada pembolehubah mempunyai pengaruh yang lebih besar dari pembolehubah yang lagi satu, dan jika salah satu pembolehubah tidak diambil kira, mungkin akan mengubah keputusan analisis bagi hubungannya dengan tahap pencapaian pemain yang dikaji. Oleh itu, dengan mengkaji hubungan salah satu pembolehubah tersebut dapatan yang diterima mungkin lebih tepat. Kajian ini menggunakan sampel di peringkat sekolah, cuma perbezanya penyelidik ini menggunakan pemain yang telah mewakili pasukan pada peringkat negeri, membuatkan dapatan bagi tahap pencapaian bagi kajian ini agak tinggi. Selain daripada itu, responden bagi kajian ini terdiri daripada kalangan murid perempuan sahaja.

Dalam kajian Sarinah Kasbi (2014) lagi, hasil ujian-t memaparkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua oreintasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih yang ideal. Namun demikian terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan jurulatih sebenar dimensi latihan dan arahan. Analisis kolerasi Pearson menunjukkan tiada perkaitan antara usia dan pengalaman dengan oreintasi maltamat dan gaya kepimpinan jurulatih yang ideal. Dari analisis ini juga memaparkan wujudnya hubungan antara usia dengan gaya kepimpinan sebenar dimensi latihan dan arahan. Tiada hubungan yang signifikan antara pengalaman dengan gaya kepimpinan jurulatih sebenar. Terdapat hubungan antara orientasi tugas dan gaya kepimpinan jurulatih sebenar dimensi sokongan sosial dengan prestasi pencapaian pasukan. Analisis regresi berganda pula mendapati orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih turut memberi kesan yang signifikan atas

prestasi pemain. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar jurulatih memberikan penegasan terhadap pembentukan gaya kepimpinan yang dapat mencapai keperluan pasukan. Dari analisis kajian ini dapat dirumuskan bahawa gaya kepimpinan yang sesuai digunakan adalah gaya kepimpinan Latihan dan Arahan.

Dapatan yang hampir serupa juga ditunjukkan dalam kajian Zahra Rajabi (2012), tetapi perbezaannya kajian ini menggunakan jurulatih sebagai responden kajiannya berbanding kebanyakkan kajian lain yang mensasarkan murid atau pemain sebagai responden. Menurut penyelidik, terdapat perkaitan positif antara pencapaian dengan gaya kepimpinan dimensi Demokratik dan dimensi Latihan dan Arahan. Dalam kajian yang serupa juga mendapati bahawa terdapat hubungan negatif antara pencapaian dengan gaya kepimpinan dimensi Autokratik, Sokongan Sosial dan juga Maklum Balas Positif. Kajian ini yang mengkaji hubungan diantara gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain telah dijalankan di Iran yang mengfokuskan jurulatih-jurulatih sekolah menengah dan juga universiti. Persampelan mudah digunakan dalam memilih para responden kajian ini. Responden yang berjaya dikumpulkan ialah sejumlah 122 orang jurulatih. Pengkaji menyatakan dalam dapatannya bahawa jurulatih yang lebih berpengalaman daripada pasukan universiti yang menerapkan gaya kepimpinan dimensi Latihan dan Arahan mempunyai hubungan yang lebih signifikan dengan pencapaian, manakala jurulatih muda yang memimpin pasukan dari sekolah menengah pula mempunyai hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan dimensi Demokratik dengan pencapaian pasukannya. Menjadikan jurulatih sebagai responden dalam menentukan hubungan gaya kepimpinan dengan pencapaian pemain dilihat kurang sesuai kerana kebarangkalian untuk responden *bias* terhadap gaya kepimpinan mereka sendiri

terhadap pemain adalah tinggi. Kurangnya penerangan mengenai jenis sukan yang diceburi oleh responden contohnya olahraga, judo, bola sepak serta sukan individu atau berkumpulan juga membuatkan dapatan kajian ini kurang teguh.

Kajian berikut yang ditulis oleh Anuar dan Salleh (2009) bertajuk gaya kepimpinan jurulatih dalam program latihan terhadap kepuasan pemain sekolah sukan. Sampel kajian ini terdiri daripada 260 orang pemain iaitu 130 orang dari Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan 130 orang pula dari Sekolah Sukan Bandar Penawar, Johor. Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen iaitu Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) dan juga Soal Selidik Kepuasan Pemain (ASQ) yang dicipta oleh Riemer dan Chelladurai (1998). Analisis dari kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih bagi kelima-lima dimensi dengan kepuasan pemain. Selain daripada itu, hasil kajian ini turut mendapati bahawa dimensi Latihan dan Arahan merupakan pengaruh dominan yang signifikan bagi gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan pemain. Hasil analisis ini selari dengan dapatan Smoll dan Smith (1989) melalui Model Tingkah Laku Kepimpinan yang mendapati bahawa wujud hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pemain apabila jurulatih menjalankan latihan seperti yang dirancang dan pemain pula dapat memahami arahan yang diberikan oleh jurulatih mereka serta memberikan reaksi positif terhadap sesi latihan yang diberikan berasaskan situasi semasa program latihan dijalankan.

Seterusnya, kajian Anuar dan Salleh (2009) mendapati tiga gaya kepimpinan jurulatih iaitu dimensi Latihan dan Arahan, dimensi Autokratik dan juga dimensi Demokratik memberikan kesan terbesar bagi aspek pencapaian pasukan. Dapatan ini

agak berbeza dari dapatan dari kajian-kajian lepas kerana kebiasaannya gaya dimensi Autokratik tidak mempunyai hubungan yang signifikan, tetapi bagi kajian ini gaya dimensi Autokratik merupakan salah satu gaya kepimpinan yang memberi kesan terhadap pencapaian pasukan. Perkara ini mungkin berlaku kerana sampel kajian ini terdiri daripada pemain yang terlibat pada peringkat negeri dan ke atas. Menurut Anuar dan Salleh (2009) keperluan bagi pemain yang mewakili MSSM tentu berbeza gaya kepimpinan jurulatih berbanding dengan pemain yang mewakili SUKMA dan negara. Maka, keperluan bagi pemain di peringkat sekolah juga kemungkinan berbeza.

Kajian seterusnya adalah kajian dari Mohd. Zulhazmi dan Shaharudin (2017) yang bertajuk Stail Kepimpinan Jurulatih Digemari Mempengaruhi Orientasi Matlamat Pemain Bola Tampar. Sampel kajian ini terdiri daripada 94 orang pemain bola tampar perempuan sekolah rendah di daerah Lipis, Pahang. Terdapat dua jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik *The Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire* (TEOSQ) oleh Duda dan Nicholls (1989) yang mempunyai 13 item dan Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) oleh Chelladurai dan Saleh (1980) yang mempunyai 40 item. Dari dapatan kajian ini, Mohd. Zulhazmi dan Shaharudin (2017) mendapati bahawa gaya kepimpinan yang paling digemari bagi pasukan yang berjaya ialah gaya kepimpinan Latihan dan Arahan, diikuti gaya Maklumbalas Positif, Demokratik dan Sokongan Sosial. Manakala gaya kepimpinan Autokratik pula merupakan gaya kepimpinan yang paling kurang digemari oleh pemain perempuan bola tampar sekolah rendah. Dari dapatan kajian-kajian lain dan dapatan kajian ini dapat dibandingkan pilihan gaya kepimpinan bagi pemain berumur bawah 12 tahun dengan pemain berumur bawah 18 tahun adalah hampir sama,

dapatkan ini menunjukkan bahawa faktor umur tidak memberikan kesan terhadap gaya kepimpinan yang digemari.

Dalam kajian Sharma dan Shrivastava (2016) yang mengkaji perbezaan gaya kepimpinan yang digemari oleh pelajar lelaki dari jurusan pendidikan jasmani dengan pelajar lelaki bukan dari jurusan pendidikan jasmani di beberapa buah universiti di Chattingarh, India. Kajian ini melibatkan seramai 100 orang pelajar jurusan pendidikan jasmani dan 150 orang pelajar bukan dari jurusan pendidikan jasmani. Instrumen soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan digunakan bagi mengumpul data yang diperlukan. Rata-rata responden kajian berumur diantara 18 tahun hingga 30 tahun. Dari analisis yang dijalankan, Sharma dan Shrivastava (2016) mendapati pelajar lelaki dari jurusan pendidikan jasmani lebih mengemari gaya kepimpinan Latihan dan Arahan, Demokratik dan Maklumbalas Positif, manakala pelajar lelaki bukan dari jurusan pendidikan jasmani pula lebih mengemari gaya kepimpinan Sokongan Sosial dan Autokratik. Perkara ini berlaku mungkin kerana kebanyakkan pelajar bukan dari jurusan pendidikan jasmani tidak berapa mengambil berat tentang apa yang dilakukan ketika membuat latihan, manakala pelajar jurusan pendidikan jasmani merasakan mereka perlu mempelajari dan memahami apa yang diajar oleh jurulatih semasa latihan. Sharma dan Shrivastava (2016) juga menyatakan faktor latar belakang budaya, ideologi sukan dan juga persekitaran pertandingan memberi kesan terhadap pemilihan gaya kepimpinan yang diminati oleh para responden. Dari dapatan kajian-kajian yang dinyatakan di atas ini dapat dilihat bahawa, responden-responden yang bertanding di peringkat lebih tinggi (contoh Kebangsaan) dan responden-responden yang mempunyai latarbelakang sukan yang baik (contoh jurulatih dan pelajar jurusan pendidikan jasmani) akan lebih cenderung

kepada gaya kepimpinan Latihan dan Arahan serta Demokratik. Manakala responden-responden yang masih kurang pendedahan terhadap sukan (contoh murid sekolah rendah dan pelajar bukan jurusan pendidikan jasmani) akan lebih cenderung kepada gaya kepimpinan Sokongan Sosial dan Maklumablas Positif Perkara ini berlaku mungkin kerana responden yang berpengalaman lebih memahami tentang keperluan untuk mencapai prestasi tertentu dalam sukan masing-masing manakala responden yang kurang pengalaman mungkin memerlukan lebih perhatian dan bimbingan daripada jurulatih mereka untuk mencapai tahap yang dikehendaki kerana mereka masih kurang pengetahuan dan pengalaman dalam sukan yang diceburi.

Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Ganaden, Ejaus, dan De Guzman (2017) bagi jurulatih sekolah rendah di San Felipe, Zambales, Filipina mendapati bahawa gaya kepimpinan yang sering digunakan oleh jurulatih-jurulatih di daerah tersebut adalah gaya kepimpinan dari dimensi Maklumbalas Positif. Manakala gaya kepimpinan Autokratik merupakan gaya kepimpinan yang jarang digunakan oleh jurulatih-jurulatih daerah tersebut. Responden bagi kajian ini adalah seramai 50 orang jurulatih dari pelbagai jenis sukan seperti Badminton, Bola Tampar dan Olahraga. Jumlah responden yang agak kecil mungkin membuatkan dapatan kajian kurang kuat untuk mewakili populasi iaitu jurulatih dari pebagai jenis sukan bagi daerah San Felipe. Selain daripada itu, kajian Ganaden et al. (2017) ini juga tidak membezakan dapatan dari responden yang melatih sukan individu seperti Chess, Olahraga, atau Berenang dan dapatan dari responden yang melatih sukan berpasukan seperti Bola Keranjang, Bola Tampar atau *Baseball*. Mungkin bagi kajian yang akan datang perkara ini boleh diambil kira dalam persoalan kajian penyelidik. Dari dapatan kajian ini juga boleh dilihat hasil analisis data yang

dikumpul menyatakan dapatan yang agak berbeza bagi kajian-kajian lain. Perkara ini mungkin terjadi kerana kajian ini menggunakan jurulatih yang mempunyai latarbelakang dan pengetahuan sukan yang baik sebagai responden kajian mereka. Oleh itu, responden-responden tersebut mungkin lebih memahami keperluan seorang pemain atauapun responden kemungkinan *bias* terhadap gaya kepimpinan yang mereka rasakan berkesan.

#### **2.4.2 Kajian Tentang Pencapaian Pemain Bola Sepak Dalam Kalangan**

##### **Murid Sekolah.**

Kajian tentang pencapaian pemain bola sepak dalam kalangan murid sekolah masih kurang dilakukan di negara ini. Tetapi terdapat beberapa buah kajian yang boleh dijadikan panduan dalam menghasilkan kajian yang dijalankan. Antara kajian tempatan yang boleh dijadikan panduan adalah kajian Azlina (2001) yang membuat kajian mengenai hubungan antara tingkah laku kepimpinan transformasional jurulatih bola sepak dengan kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Alor Setar, Kedah. Dalam kajian ini, seramai 200 orang responden yang terdiri daripada murid sekolah menengah berumur 16 tahun yang dipilih daripada 10 buah sekolah. Murid-murid yang dipilih merupakan murid yang pernah mewakili sekolah dalam permainan bola sepak. Berdasarkan analisis yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara tingkah laku kepimpinan transformasional jurulatih terhadap prestasi individu pemain-pemain bola sepak sekolah menengah di sekitar Alor Setar. Dari dapatan ini bermaksud jurulatih berjaya memberi inspirasi kepada ahli pasukan untuk mengikut arahannya dan mencapai matlamat yang dikehendaki. Tetapi di dalam kajian ini penyelidik tidak menyatakan

dengan jelas teknik yang digunakan oleh jurulatih untuk memastikan pemain-pemain mengikut arahan yang diberikan. Kajian ini yang berlandaskan Teori Transformasional oleh Burns (1978) mungkin menghasilkan dapatan yang berlainan dengan kajian yang bakal dijalankan ini yang menggunakan Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi sebagai rujukan utama.

Selain kajian di atas, Terdapat juga kajian Mohd Zainuri (2011) yang memfokuskan pemain bola sepak sekolah menengah. Dalam kajian tersebut yang bertajuk Hubungan antara Gaya Kepimpinan dengan Kesepaduan dalam Kalangan Pemain Bola Sepak, kajian ini dilakukan untuk melihat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih terhadap kesepaduan pemain bola sepak MSSN Selangor. Kajian ini melibatkan antara persepsi pemain dengan gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan. Seramai 130 pemain dari pasukan bola sepak lelaki bawah 18 tahun yang berusia dari 16 hingga 19 tahun terlibat dalam kajian ini. Data statistik diproses menggunakan analisis deskriptif, kolerasi, anova sehala, dan regresi pelbagai. Hasil analisis mendapati pemain bola sepak bawah 18 tahun lebih mengemari gaya kepimpinan sokongan sosial manakala hubungan dengan gaya kepimpinan yang lain adalah sederhana. Pemain-pemain kurang mengemari gaya kepimpinan autokratik. Dari analisis yang dilakukan dapatkan menunjukkan terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan dalam kalangan pemain. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa jurulatih lebih banyak menggunakan gaya sokongan sosial agar kesepaduan pasukan dan kecemerlangan pasukan tercapai. Cadangan kajian ini mencadangkan jurulatih perlu mempelbagaikan gaya kepimpinan berpandukan keadaan semasa pada peringkat latihan, sebelum pertandingan dan semasa pertandingan sebenar. Sama seperti kajian Sarinah Kasbi, kajian Mohd Zainuri

(2011) memfokuskan pemain sekolah menengah yang mewakili pasukan pada tahap negeri, oleh itu kajian ini kurang sesuai untuk diaplikasikan kepada pemain atau pasukan yang hanya memasuki pertandingan pada tahap sekolah sahaja. Selain daripada itu, kajian Mohd Zainuri (2011) menyatakan bahawa gaya kepimpinan Sokongan Sosial merupakan gaya yang paling sesuai untuk diterima pakai terhadap pemain sekolah menengah, tetapi dapatan ini berlainan dari dapatan dari kajian-kajian lepas yang hampir serupa seperti kajian Nelfianty dan Shaharudin (2012), Sarinah Kasbi (2014), dan Hung et al. (2017) yang lebih kepada gaya kepimpinan Latihan dan Arahan. Dapatan ini menunjukkan lebih kajian yang serupa harus dilakukan bagi mendapatkan jawapan yang lebih jelas.

Kajian Gaya Kepimpinan Jurulatih yang diminati Pemain-pemain Sekolah Menengah di Malaysia Berasaskan Jantina yang ditulis oleh Wee dan Shabeshan (2014) menggunakan 162 orang murid sekolah menengah berumur antara 13 hingga 16 tahun sebagai responden. Pemain berkenaan di pilih secara sampel bertujuan (*purposive sampling*) dan sekurang-kurangnya telah mewakili sekolah di dalam sebarang jenis pertandingan sukan. Kajian ini ingin melihat perbezaan gaya yang diminati diantara lelaki dan perempuan. Soal selidik ini dilakukan di sekitar Segamat, Johor. Dari kajian ini, pengkaji mendapati bahawa gaya kejurulatihan yang paling sesuai bagi pemain lelaki dengan pemain perempuan adalah sama, dimana pemain dari kedua-dua jantina lebih sesuai dan mengemari gaya maklumbalas positif, manakala gaya kejurualtihan yang paling kurang digemari adalah gaya autokratik.

Faktor-faktor seperti tempoh masa latihan, jantina jurulatih, pengalaman jurulatih dan juga faktor umur pemain adalah antara punca utama yang memberikan

kesan kepada dapatan bagi kajian ini. Wee dan Shabeshan (2014) menyatakan bahawa penggunaan gaya maklumbalas positif oleh jurulatih memberikan kesan dari segi psikologi para pemain pada peringkat sekolah menengah untuk berasa mereka terjaga, selesa dari segi kebajikan serta tidak tertekan semasa sesi latihan dilakukan. Kesan-kesan psikologi ini merupakan faktor yang besar dalam memastikan pemain-pemain pada peringkat sekolah menengah untuk meneruskan minat serta melibatkan diri dalam sukan yang diceburi dan seterusnya dapat memberikan pencapaian yang terbaik dalam pertandingan.

Selain dari itu, hasil dari kajian ini turut menyatakan tempoh masa yang singkat untuk menjalankan latihan dengan pemain mungkin membuatkan latihan kurang berkesan atau jurulatih tidak mempunyai pilihan lain untuk menggunakan gaya latihan lain selain gaya maklumbalas positif kerana kekangan masa ini. Faktor umur pemain yang masih kurang matang juga memberikan kesan terhadap gaya kejurulatihan yang sesuai bagi mereka. Kajian ini adalah kajian yang hampir menyerupai dengan kajian yang bakal dijalankan ini tetapi kajian Wee dan Shabeshan ini lebih tertumpu kepada gaya kepimpinan yang diminati oleh pemain bukan gaya kepimpinan yang dapat memberikan kesan terhadap pencapaian pemain tersebut. Gaya kepimpinan yang diminati tidak semestinya akan meningkatkan mutu pemain atau pencapaian sesebuah pasukan itu. Maka, untuk mengetahui kesan gaya kepimpinan terhadap tahap pencapaian, ujian atau analisis tambahan perlu dijalankan.

### **2.4.3 Kajian Tentang Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Dengan Pencapaian Pemain Bola Sepak.**

Berikut merupakan kajian-kajian yang mempunyai hubungan antara gaya kepimpinan dengan pencapaian pemain bola sepak. Antara kajian yang boleh dijadikan panduan adalah kajian Mohd. Zulhazmi dan Shaharudin (2017). Bagi kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian terhadap murid sekolah rendah di kawasan Kuala Lipis, Pahang. Penyelidik mengfokuskan pemain yang pernah mewakili pasukan dalam sukan bola tampar. Walaupun kajian ini tidak mengfokuskan kepada pemain bola sepak, responden kajian ini masih tertumpu kepada murid sekolah dan juga hubungan diantara gaya kepimpinan dan matlamat pasukan. Dapatan dari kajian ini menyatakan bahawa kejayaan seseorang pemain itu bergantung pada pendekatan yang digunakan oleh jurulatih mereka. Oleh itu, jurulatih perlu peka terhadap keinginan dan kecenderungan ahli pasukan semasa dalam sesi latihan. Jumlah sampel yang diambil untuk kajian ini hanyalah seramai 94 orang responden dengan menggunakan kaedah tinjauan dan instrumen soal selidik. Jumlah ini boleh dikatakan agak kecil untuk mewakili populasi kajian iaitu pemain bola tampar sekolah rendah di daerah Lipis, Pahang. Selain daripada itu, penyelidik menyatakan responden dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kategori “Berjaya” dan kategori “Gagal”, tetapi penyelidik tidak menyatakan maksud atau ciri-ciri bagi kedua-dua kategori. Contohnya apakah ciri-ciri responden yang boleh diklasifikasikan sebagai berjaya atau gagal dan berapakah jumlah responden yang berada dalam kategori berjaya dan berapakah jumlah responden yang berada dalam kategori gagal.

Kajian Marcone (2017) mengenai kesan gaya kepimpinan terhadap motivasi dan pencapaian atlet mendapati bahawa setiap jenis sukan yang dikaji memerlukan gaya kepimpinan yang berbeza untuk mendapat tahap pencapaian yang dikehendaki oleh jurulatih. Selain daripada itu terdapat juga beberapa faktor lain yang turut memberi kesan terhadap motivasi dan pencapaian atlet. Kajian ini yang dijalankan berdasarkan kajian-kajian lampau yang berjaya dikumpul oleh penyelidik ini mengabungkan 1943 sampel dari 6 buah kajian. Atlet berumur diantara 14 tahun hingga 43 tahun dilaporkan bagi kajian-kajian yang dikaji. Tahap pertandingan pula bermula dari peringkat sekolah hingga ke peringkat professional. Jenis-jenis sukan yang disertai oleh responden adalah dari sukan judo, bola tampar, bola sepak, besbal, softbal, hoki, bola keranjang, tenis, olahraga, berenang, bola baling, meluncur salji dan juga taekwando. Hasil dapatan dari kajian ini dilihat terlalu umum kerana terlalu banyak jenis sukan yang terlibat dan perbezaan umur responden juga terlalu besar. Hal ini akan menyebabkan hasil dapatan kajian tidak kompitien. Rumusan dari kajian ini, Marcone (2017) menyatakan bahawa hubungan di antara jurulatih dan atlet adalah sangat penting, jika jurulatih dapat memahami keperluan atlet dengan baik maka atlet akan lebih bermotivasi semasa dalam latihan dan juga semasa pertandingan. Atlet yang beraksi dalam keadaan tidak tertekan akan dapat menghasilkan persembahan yang lebih baik dan pada masa yang sama pencapaian akan meningkat.

Selain dari kajian-kajian di atas, terdapat juga kajian dari Karim, Azizi, Ahmad, Hassan, Hizan, Mustafa, dan Yakob (2018) yang telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara kemahiran komunikasi jurulatih dan pencapaian pemain bola sepak di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kajian ini telah menjadikan 6

orang jurulatih dan 120 pemain bola sepak berumur di antara 18 tahun hingga 15 tahun sebagai responden. Jumlah responden untuk jurulatih dilihat agak kecil dan berkemungkinan membuatkan dapatan kurang kompeten. Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis kemahiran komunikasi yang sering digunakan oleh jurulatih, tahap kecekapan jurulatih menggunakan kemahiran komunikasi yang dipraktikkan dan pengaruh kemahiran komunikasi terhadap pencapaian pemain bola sepak. Kemahiran komunikasi di bahagikan kepada dua jenis iaitu komunikasi secara lisan dan komunikasi secara bukan lisan. Hasil analisis bagi kajian Karim et al. (2018) ini mendapati jenis kemahiran komunikasi yang sering digunakan oleh jurulatih terhadap pemain bola sepak adalah komunikasi secara lisan. Analisis juga menunjukkan bahawa kolerasi bagi tahap kecekapan kemahiran berkomunikasi jurulatih adalah tinggi. Dapatkan ini bermaksud teknik penyampaian maklumat yang diamalkan oleh jurulatih terhadap pemain bola sepak di daerah Kuala Pilah adalah berkesan. Kesimpulan dari kajian ini menyatakan bahawa kemahiran komunikasi yang berkesan akan membuatkan para pemain lebih mudah faham akan kemauhan jurulatih, justeru itu akan membuatkan tahap kefahaman antara kedua-dua belah pihak lebih baik dan secara tidak langsung akan memberikan kesan positif terhadap persembahan para pemain dalam pertandingan. Perkara ini akan membuatkan pencapaian yang diinginkan lebih mudah dicapai.

## **2.5 Rumusan**

Bahagian ini membincangkan dan mengupas berkenaan dengan model-model yang mempunyai kaitan terhadap kajian ini, dimana dari semua model-model yang diutarakan, Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi merupakan model rujukan utama oleh penyelidik untuk kajian ini. Selain itu, bab ini turut akan mengulas pelbagai

kajian lampau yang mempunyai hubungan dengan gaya kepimpinan dalam sukan, gaya jurulatih yang digemari oleh pemain dalam sukan, dan pencapaian pemain sekolah menengah dalam sukan serta beberapa kajian lampau yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Rujukan penyelidik dari kajian-kajian lampau ini mendapati wujudnya beberapa hasil dapatan bagi gaya kepimpinan jurulatih yang berkesan memberikan pencapaian dalam pasukan pemain sekolah menengah. Terdapat hasil dapatan yang serupa dan terdapat juga hasil dapatan yang berbeza-beza. Dari hasil kajian-kajian tersebut menjelaskan bahawa terdapatnya kelompongan yang masih wujud dalam kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik ini.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Pemgumpulan data adalah proses yang sangat penting dimana proses ini yang akan menentukan dapatan sesuatu kajian tersebut. Dalam bab ini penyelidik akan menjelaskan bagaimana proses dan prosedur kajian ini dijalankan bagi mengumpul data yang diperlukan untuk mencapai objektif yang dicari. Selain daripada itu, reka bentuk, persampelan, instrumen, pengumpulan data, dan kaedah proses data kajian juga di bincangkan dalam bab ini.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (*survey*), menurut Chua Yan Piaw (2006) kaedah ini ialah salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang sains sosial seperti kajian yang penyelidik ingin jalankan ini.

Kajian kuantitatif sesuai digunakan bagi kajian ini kerana penyelidik ingin menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul data-data kajian. Selain itu, data-data yang akan di analisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Di samping itu, kajian ini merupakan satu kajian tinjauan dengan sekali kutipan data.

Instrumen kajian ini mengandungi satu set soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A (demografik) dan bahagian B (Skala Kepimpinan untuk Sukan).

Dalam kebanyakkan kajian-kajian lepas turut menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian mereka contoh Nelfianty (2009), Mohd Zainuri (2011), Muhd. Hafiz et al. (2013), Wee dan Shabeshan (2014), Anuar et al. (2015). Bagi kajian ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (*Leadership Scale for Sport*) yang dihasilkan oleh Chelladurai dan Saleh (1980). Manakala, instrumen SKS bagi kajian ini diambil daripada kajian Mohd. Zainuri (2011) yang telah dialih bahasa dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Penggunaan Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) adalah kerana, di dalam kebanyakkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kepimpinan jurulatih dalam sukan dari luar negara mahupun dari kajian dalam negara yang dijalankan dalam lingkungan 10 tahun ini masih menggunakan Skala Kepimpinan untuk Sukan sebagai instrumen kajian mereka (contoh Nelfianty, 2009; Griffin, 2009; Mohd Zainuri, 2011; Yurt dan Demir, 2011; Wee dan Shabeshan, 2014; Shrivastava dan Sharma, 2015; Anuar dan Miting, 2015; Mohd Zulhazmi dan Shaharudin, 2017). Terdapat instrumen yang berkaitan dengan kepimpinan dalam sukan seperti *Coaching Behavior Assessment System* (CBAS) oleh Smith, Smoll dan Hunt (1977), *Coaching Behavior Questionnaire* (CBQ) oleh Williams, Jerome, Kenow, Rogers, Sartain, dan Darland (2003), *Coaching Behavior Scale for Sport* (CBS-S) oleh Cote (1999), dan sebagainya tetapi dalam kebanyakkan kajian-kajian terkini masih menggunakan SKS disebabkan penyelidik-penyalidik menyatakan bahawa instrumen ini merupakan instrumen yang paling lengkap dan mampu

menjelaskan tingkah laku jurulatih dengan lebih tepat daripada teori-teori kepimpinan dalam sukan yang lain (Nazarudin et al., 2017), ini menyebabkan instrumen ini kerap digunakan sehingga kini.

Selain itu, terdapat juga penyelidik-penyalidik yang cuba menambah baik SKS seperti dalam kajian Zhang, Jenson, dan Mann (1997) dan kajian Chiu, Rodriguez, dan Won (2016). Dalam kajian Zhang et al. (1997), penyelidik telah menambah baik SKS dan diberi nama *Revised Leadership Scale for Sports*. Namun, Tenenbaum dan Eklund (2007) menyatakan bahawa kesahan bagi instrumen Zhang ini agak rendah dan kebanyakannya penyelidik lebih gemar memilih instrumen asal SKS yang telah terbukti tahap kesahannya yang tinggi bagi banyak kajian yang berbeza. Manakala menurut Chiu et al. (2016) dalam kajiannya, SKS yang dibina oleh Chelladurai dan Saleh pada tahun 1980 mengandungi terlalu banyak item untuk dijawab oleh responden, oleh yang demikian mereka mencipta instrumen baru yang diberi nama *Shortened Leadership Scale for Sport* yang diadaptasi dari instrumen asal SKS. Instrumen ini hanya megandungi 25-item berbanding 40-item bagi SKS. Namun begitu, Chiu et al. (2016) ada menyatakan bahawa instrumen ini masih tidak digunakan secara meluas dan kesesuaian untuk kegunaan pelbagai jenis sukan lain masih belum dapat dibuktikan. Oleh yang demikian, bagi kajian yang akan dijalankan ini instrumen asal SKS dilihat lebih sesuai untuk digunakan.

### **3.3 Kawasan kajian**

Kawasan yang menjadi pilihan penyelidik untuk menjalankan penyelidikan ini adalah di Kuala Lumpur. Pelajar dari sekolah-sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur ditapis untuk menjadi responden bagi kajian ini. Kawasan Kuala Lumpur

dipilih untuk dijalankan kajian ini kerana penyelidik ingin membandingkan hasil dapatan kajian di Kuala Lumpur dengan hasil kajian-kajian terdahulu yang menjalankan kajian di kawasan lain seperti Wee dan Shabeshan (2014) yang menjalakan kajian bagi pelajar Sekolah Menengah di Segamat, Johor dan juga Nelfianty dan Shaharudin (2012) yang menjalankan kajian bagi pemain Sekolah Sukan di Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan di Johor. Penyelidik ingin melihat jika terdapat perbezaan antara dapatan kajian yang dijalankan di kawasan lain dengan dapatan kajian yang dilakukan di kawasan Kuala Lumpur.

### **3.4 Populasi Kajian**

Menurut Fraenkel dan Wallen (2009), populasi kajian bermaksud kumpulan sasaran penyelidik iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan. Kebiasaannya populasi terdiri daripada satu kumpulan lebih besar yang akan menerima manfaat daripada dapatan yang diperoleh dari hasil kajian.

Maksud populasi sasaran ialah populasi yang ingin diselidik oleh penyelidik serta dijadikan asas untuk membuat generalisasi kajian ini. Kumpulan sasaran ini mempunyai karakteristik tersendiri yang telah ditetapkan oleh penyelidik untuk diambil kira semasa mencari dapatan kajian. Dalam kajian ini, populasi sasaran kajian adalah pemain bola sepak sekolah menengah di Malaysia yang berumur diantara 13 tahun hingga 17 tahun. Pemain bola sepak tersebut haruslah sekurang-kurangnya pernah mewakili salah satu peringkat pertandingan iaitu peringkat sekolah, daerah, negeri ataupun kebangsaan. Peringkat penglibatan harus dikenal pasti bagi mendapatkan data bagi persoalan tahap pencapaian pemain bola sepak.

Populasi capaian pula dikatakan sebagai populasi pilihan realistik kerana populasi ini mampu didekati oleh pengkaji dan sebagai wakil kepada populasi sasaran. Oleh kerana kekangan wang dan masa untuk melakukan kajian terhadap keseluruhan populasi sasaran, pilihan populasi target ataupun subset populasi sudah memadai bagi membuat kesimpulan dari dapatan kajian (Othman Talib, 2013). Populasi capaian dalam kajian ini merupakan pemain bola sepak dari sekolah-sekolah menengah harian di Kuala Lumpur. Menurut statistik yang dipetik dari laman web Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) (Statistik SPS, 2018), jumlah sekolah menengah kebangsaan di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 107 buah sekolah. Tetapi 22 buah sekolah harus dikecualikan kerana tidak mempunyai pasukan bola sepak contohnya seperti sekolah yang semuanya murid perempuan, dan sekolah-sekolah khas. Antara sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah (P) Perempuan, Sekolah Convent, Kolej Tingkatan Enam dan Sekolah Pendidikan Khas. Bagi sekolah yang mempunyai pasukan bola sepak kebiasaannya setiap sekolah akan mempunyai dua pasukan bola sepak iaitu pasukan bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun. Dalam setiap pasukan mempunyai purata 16 orang pemain termasuk pemain pasukan utama dan pemain simpanan. Maka jumlah purata pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur adalah sebanyak 2600 orang murid. Dari jumlah ini, pemain-pemain bola sepak tersebut akan dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian.

Sampel kajian atau juga disebut sebagai responden kajian adalah sekumpulan orang, institusi, tempat atau satu fenomena yang menjadi sumber informasi yang amat diperlukan oleh penyelidik dalam kajian mereka. Responden dalam kajian ini

merupakan antara pemain bola sepak sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur yang dipilih secara rawak.

### 3.5 Sampel Kajian

Persampelan dalam kajian bermaksud, proses pemilihan individu yang akan mengambil bahagian seperti diperhatikan atau dipersoalkan untuk menjawab persoalan penyelidikan (Fraenkel & Wallen, 2009). Terdapat pelbagai jenis persampelan yang boleh digunakan dalam kajian seumpama ini, tetapi penyelidik harus memilih persampelan yang sesuai agar data yang dikutip dapat mewakili populasi yang disasarkan.


Berasaskan data yang akan dikumpul, kaedah aras keyakinan (*Confidence level*) dalam pengiraan saiz sampel yang dicipta oleh Krejcie dan Morgan (1970) adalah sesuai digunakan dalam kajian ini kerana saiz populasi telah diketahui telebih dahulu. Menurut Krejcie dan Morgan (1970) lagi, 8% responden daripada populasi adalah memadai untuk mewakili populasi tersebut, maka dari jumlah populasi sasaran seramai 2600 orang murid, jumlah responden dalam lingkungan 210 orang responden iaitu 8% daripada populasi adalah mencukupi bagi kajian ini. Manakala Fraenkel, Wallen dan Helen (2012), jumlah responden seramai 100 ke atas adalah memadai untuk mewakili populasi dalam kajian sebenar. Menurut Fraenkel et al. (2012) lagi, Saiz sampel juga bergantung atas kemampuan penyelidik untuk menjalankan soal selidik selagi ianya masih lagi dalam lingkungan bajet masa dan kewangan yang ada atau yang telah diberikan. Oleh itu, penyelidik telah menetapkan untuk mendapatkan jumlah responden seramai 230 orang bagi memastikan data yang dikumpul dapat mewakili populasi yang disasarkan.

Bagi memilih responden kajian ini, penyelidik terlebih dahulu akan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah, kaedah ini digunakan kerana jumlah populasi kajian yang agak besar dan juga persampelan ini memudahkan proses pengumpulan data serta menjimatkan masa. Persampelan rawak adalah bentuk persampelan terbaik bagi kajian ini kerana setiap ahli populasi sasaran mempunyai peluang yang sama rata untuk dipilih masuk ke dalam sampel (Ampofo-Boateng, 2014). Semakin besar saiz sampel kajian semakin tinggi tahap kebolehpercayaan dapatan bagi mewakili populasi saasran (Fraenkel & Wallen, 2009).

Kaedah persampelan rawak mudah juga turut digunakan dalam kajian Muhd. Hafiz et al. (2013) yang turut memilih pemain bola sepak berumur di antara 14 tahun hingga 15 tahun di Skudai, Johor. Sehubungan dengan itu, penyelidik akan memilih sekolah-sekolah yang mempunyai pasukan bola sepak sahaja untuk menjadi populasi sasaran kajian ini. Seterusnya, dari jumlah 107 buah sekolah di Kuala Lumpur penyelidik akan memilih diantara 82 buah sekolah sahaja sebagai sekolah untuk memilih responden. Sekolah-sekolah berkenaan kemudian akan dipilih secara rawak dimana dengan cara ini semua sekolah ada kemungkinan untuk dipilih untuk terlibat dalam kajian ini sekaligus membuatkan kajian ini tiada *bias* kepada mana-mana sekolah.

Selepas beberapa buah sekolah telah dipilih secara rawak, penyelidik akan mengenal pasti murid-murid yang melibatkan diri dalam sukan bola sepak. Perkara ini dilakukan dengan bantuan jurulatih atau guru pasukan bola sepak sekolah tersebut bagi memudahkan penyelidik memilih hanya pemain bola sepak sahaja yang dipilih bukan pemain dari sukan olahraga, pemain hoki ataupun pemain dari sukan-sukan

lain. Pemain bola sepak tersebut yang terdiri daripada ahli pasukan bola sepak bawah 15 tahun dan juga ahli pasukan bawah 18 tahun akan dipilih secara rawak untuk dijadikan responden kajian, kemudian penyelidik akan memilih sekolah lain juga secara rawak sehingga sekurang-kurangnya penyelidik berjaya mengumpulkan sejumlah 210 orang pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur untuk dijadikan responden kajian. Rajah 3.1 di bawah menunjukkan carta alir pemilihan responden dari jumlah populasi murid Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.



**Rajah 3.1:** Pemilihan responden daripada jumlah populasi murid Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.

### **3.6 Instrumen Kajian**

Menurut Horn (2008) dalam bukunya *Advances in Sport Psychology*, pengkaji-pengkaji terdahulu telah menghasilkan pelbagai jenis instrumen soal selidik yang berkaitan dengan kepimpinan jurulatih dalam sukan. Kebanyakkan instrumen ini dihasilkan berdasarkan teori-teori yang mengfokuskan keberkesanan jurulatih, antara instrumen tersebut ialah Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) atau *Leadership Scale for Sports (LSS)* oleh Chelladurai dan Saleh (1978,1980), *Perceived Motivational Climate in Sport Questionnaire-2 (PMCQS-2)* oleh Newton, Duda dan Yin (2000), dan *Coaches' Interpersonal Behavioral Style* oleh Pelletier, Tuson dan Haddad (1997), *Shortened Leadership Scale for Sport* oleh Chiu, Rodriguez, dan Won (2016) dan lain-lain.

Instrumen ini dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu bahagian A berkaitan demografi pemain seperti umur, bangsa, tahun bersama jurulatih, peringkat penglibatan dan tahap pencapaian pasukan. Setiap soalan mempunyai pilihan jawapan yang harus dipilih oleh pemain. Jika tiada jawapan yang tepat , pemain harus memilih jawapan yang paling hampir. Bahagian ini penting bagi mengkaji hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain dan sekaligus memberikan jawapan terhadap salah satu persoalan kajian ini.

Bagi bahagian B soal selidik kajian ini pula merupakan Skala Kepimpinan untuk Sukan (*Leadership Scale for Sports*) yang direka oleh Chelladurai dan Saleh (1980) yang kemudiannya telah dialih bahasakan ke dalam Bahasa Melayu dalam kajian Mohd. Zainuri (2011). Soal selidik ini kemudiannya telah dirujuk kepada tiga pakar Universiti tempatan bagi memastikan kesahan soal selidik yang telah dialih

bahasa tersebut. Soal selidik ini mengandungi 40 soalan berskala Likert lima mata. Menurut Vagias (2006) penggunaan skala Likert lima mata sesuai digunakan untuk mengkaji kekerapan, dimana skala terdiri daripada skala 1-tidak pernah, skala 2-jarang, skala 3-sekali-sekala, skala 4-sering kali, dan skala 5-selalu. Dalam menggunakan skala kekerapan juga, tiada pilihan jawapan “tidak pasti” digunakan dalam instrumen ini supaya dapat mengelakkan kecenderungan responden bersikap berkecuali dan membuatkan dapatan kajian kurang signifikan.

Skala Likert digunakan sebagai salah satu skala yang paling asas dan alat psikometrik yang kerap digunakan dalam pendidikan dan penyelidikan sains sosial (Joshi, Kale, Chandel dan Pal, 2015). Skala Likert ialah teknik penskalaan bukan Perbandingan dan bersifat unidimensional (hanya Mengukur sifat tunggal). Selain itu, Skala Likert lima mata pula merupakan skala yang lebih popular kerana bilangan pilihan yang tidak terlalu banyak atau terlalu sedikit, sesuai dijawab oleh kebanyakan responden (Othman Talib, 2013). Responden diminta untuk menunjukkan tahap persetujuan mereka dengan pernyataan yang diberikan melalui skala ordinal.

Skala SKS ini digunakan untuk menguji gaya kepimpinan jurulatih yang dipecahkan kepada lima dimensi iaitu dimensi latihan dan arahan (soalan #1 hingga #13 – 13 soalan); dimensi demokratik (soalan #14 hingga #22 – 9 soalan); dimensi sokongan sosial (soalan #28 hingga #35 – 8 soalan); dimensi autokratik (soalan #23 hingga #27 – 5 soalan) dan dimensi maklum balas positif (soalan #36 hingga #40 – 5 soalan). Menurut (Chelladurai & Riemer, 1998) instrumen ini telah diuji dengan meluas dan menunjukkan sokongan psikometrik yang baik. Selain itu, instrumen ini

juga telah digunakan dalam banyak penyelidikan yang berkaitan dengan kepimpinan dalam sukan.

### **3.7 Kesahan Instrumen**

Kesahan bermaksud penilaian tentang ketepatan dan kesesuaian item yang digunakan dalam sesuatu instrumen kajian dan ditentukan oleh pakar bidang yang berkenaan. Kesahan juga bermaksud sejauh manakah skala pengukuran berupaya mengukur apa yang sepatutnya diukur (Parmit, Chan, Sidhu, dan Kaur, 2010; Noraini, 2010). Dalam kajian ini, Skala Kepimpinan dalam Sukan (SKS) digunakan sebagai instrument untuk mengukur gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan.

Terdapat beberapa jenis kesahan bagi sesuatu instrumen kajian. Antaranya ialah kesahan kandungan, kesahan muka, kesahan Hubungan-kriteria, dan kesahan konstruk. Bagi instrumen kajian yang dilaporkan dalam kajian ini kesahan tertumpu kepada kesahan muka dan kesahan kandungan manakala kesahan konsrtuk tidak dilakukan kerana instrumen kajian ini diadaptasi daripada instrumen asal yang telah mempunyai kesahan konstruk seperti yang dinyatakan (Mohd. Zainuri, 2011).

Chelladurai dan Saleh (1980) juga melaporkan bahawa kebolehpercayaan skala SKS turut konsisten hasil ujian ulang uji yang menunjukkan nilai *Cronbach alpha* ialah .72 bagi gaya kepimpinan Latihan dan Arahan; .82 bagi dimensi Demokratik; .76 bagi dimensi Autokratik; .71 bagi gaya kepimpinan Hubungan Sosial dan .79 bagi dimensi Maklum Balas Positif. Menurut Gay et al. (2009), kebolehpercayaan lazimnya mempunyai ketekalan skor dan diukur dalam bentuk

nombor atau disebut *reliability coefficient* yang boleh diperoleh menggunakan kolerasi. Kebolehpercayaan yang sempurna ialah 1.00. Namun demikian, tiada ujian yang mempunyai kebolehpercayaan sempurna. Bagi mendapat kebolehpercayaan data yang tinggi adalah dengan mendapat keputusan yang sehampir yang mungkin dengan 1.00 iaitu yang mempunyai ralat minimum.

Instrumen ini telah dirujuk kepada tiga pensyarah dari Universiti tempatan untuk mendapatkan kesahan bagi soal selidik yang telah di alih bahasa, daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Pakar-pakar tersebut terdiri daripada individu-individu yang terlibat dalam bidang pedagogi, psikologi dan bahasa Melayu. Pensyarah tersebut dinamakan sebagai Pakar 1, Pakar 2 dan Pakar 3. Ketiga-tiga pensyarah ini telah menilai instrumen ini terlebih dahulu sebelum ia digunakan dalam kajian. Terdapat beberapa teguran dan penambahbaikan yang telah dicadangkan oleh para penysarah ini.

Pakar 1 dan Pakar 3 telah mencadangkan agar ayat yang digunakan dalam instrumen ini diringkaskan supaya responden mampu memahami soalan dengan lebih mudah, perkara ini kerana para responden kajian ini terdiri daripada kalangan remaja sekolah yang mungkin tidak memahami atau salah erti maksud sebenar soalan yang ingin disampaikan. Keadaan ini akan membuatkan mereka kurang berminat lalu akan menjawab soalan secara sambil lewa. Oleh itu, ayat di dalam instrumen ini telah diubah sedikit bagi menggunakan bahasa yang lebih ringkas dan mudah difahami oleh pelajar sekolah. Jadual 3.1 di bawah menunjukkan contoh ayat instrumen yang telah dipermudahkan oleh penyelidik.

### Jadual 3.1

#### *Contoh Ayat Instrumen yang Diringkaskan dan Dipermudahkan*

Ayat asal instrumen kajian	Ayat yang dipermudahkan / diringkaskan
Memastikan pemain bermain dengan sehabis baik	Memastikan pemain bermain dengan cemerlang
Memberitahu seseorang permain apabila pemain tersebut melakukan sesuatu kerja dengan baik	Memberitahu seseorang permain apabila pemain bermain dengan baik
Memastikan kebajikan pemain	Memastikan makan/ minum / pakaian / tempat tinggal pemain terjaga

Pakar 2 pula menyatakan bahawa instrumen ini sesuai dan boleh digunakan tetapi ayat-ayat yang digunakan dalam soal selidik ini perlu dimurnikan lagi agar instrumen tersebut kelihatan lebih akademik dan lebih kemas serta mudah bagi responden menjawap soalan yang dikemukakan.

Instrumen ini juga telah digunakan dalam beberapa kajian yang turut mengfokuskan pelajar sekolah menengah sebagai responden atau subjek utama. Perkara ini dapat dilihat dengan penggunaan LSS dalam beberapa kajian terdahulu dari dalam negara mahupun luar negara. Contoh kajian yang menggunakan instrumen LSS ini ialah Zahari (2003), Cakioglu (2003), Mohd. Zainuri (2011), Wee dan Rengasamy (2014) serta Mohd Zulhazmi dan Shaharudin (2017). Tetapi, sedikit

penambahbaikan dalam ayat-ayat yang lebih mudah atau ringkas perlu digunakan bagi memudahkan lagi pemahaman para responden yang masih di bangku sekolah.

Jadual 3.2

*Komen/cadangan Pengubahsuaian oleh Pakar*

<b>Instrumen sebelum rujukan pakar</b>	<b>Instrumen selepas rujukan pakar</b>	<b>Justifikasi</b>
Lokasi dalam tajuk asal merujuk kepada zon Sentul, Kuala Lumpur	Pakar mencadangkan populasi kajian dibesarkan kepada Kuala Lumpur	Populasi kajian dan jumlah responen lebih besar dan relevan.
Bahagian A instrumen menggunakan isi tempat kosong	Pakar mencadangkan menggunakan jawapan dalam bentuk julat	Jawapan yang diberikan oleh responden lebih sekata
Ayat item-item di ambil dari kajian Mohd. Zainuri (2011) yang telah dialih	Ayat item-item dalam instrumen perlu diperbaiki	Responden yang merupakan pelajar sekolah
bahasa dari instrumen asal	dan dipermudahkan perkataan dan maksudnya	akan lebih mudah memahami maksud soalan

### **3.8 Kebolehpercayaan Instrumen**

Menurut Lin dan Miller (2005), kebolehpercayaan pula merujuk kepada ketekalan ukuran daripada satu ukuran kepada satu ukuran yang lain. Kebolehpercayaan juga merupakan keputusan analisis yang diperoleh daripada satu instrumen dan bukan nilai instrumen itu sendiri, Kebolehpercayaan ukuran diperlukan untuk memperoleh

keputusan yang sah tetapi kebolehpercayaan boleh diperoleh tanpa mempunyai kesahan.

Nilai kebolehpercayaan instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini adalah di antara .75 sehingga .90. Manakala nilai kesahan instrumen ini pula adalah .59 sehingga .85, nilai ini diambil daripada kajian asal oleh Chelladurai dan Saleh (1980). Bagi kajian rintis, Nunally (1978) telah menentukan tahap piawaian minima yang boleh diterima untuk *Cronbach alpha* ialah .70.

Kesahan dan kebolehpercayaan skala SKS juga diperakui oleh banyak pengkaji dalam dan luar Negara. Instrumen ini mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan digunakan dalam banyak kajian-kajian yang berkaitan dengan kepimpinan dalam sukan. Antara kajian-kajian yang menggunakan instrumen ini ialah Cakioglu (2003), Zahari (2003), Mohd. Zainuri (2011) serta Shrivastava dan Sharma (2015). Nilai bekolehpercayaan kajian-kajian tersebut boleh dilihat di dalam jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3

*Kebolehpercayaan Skala Kepimpinan dalam Sukan (SKS) Berdasarkan Kajian-kajian Terdahulu.*

Penyelidik	Dimensi				
	LA	DM	AK	SS	MP
1. Chelladurai dan Saleh (1980) - Pemain Kanada	.83	.75	.45	.70	.82
2. Cakioglu (2003) - Pemain Bola Sepak Universiti Turki	.91	.84	.65	.76	.90

Jadual 3.3 (sambungan)

Penyelidik	Dimensi				
	LA	DM	AK	SS	MP
3. Zahari (2003) - Pasukan Ragbi di MSS Kedah	.94	.87	.59	.70	.95
4. Mohd. Zainuri (2011) - Pemain Bola Sepak di MSS Selangor	.80	.77	.53	.70	.70

### 3.9 Kajian Rintis

Mengikut Bailey (1992), kajian rintis merupakan peringkat terakhir dalam pembentukan soalan kaji selidik sebelum kajian sebenar boleh dijalankan. Kajian rintis dibuat untuk mengkaji instrumen yang digunakan ke atas sekumpulan kecil responden dari populasi yang sama untuk mengenal pasti sebarang masalah atau kekaburuan soalan dan hal-hal yang lain sebelum kajian sebenar dijalankan (Ary, Razavieh & Sorensen, 2006). Di samping itu kajian ini juga betujuan untuk menentukan kesahan item yang dikemukakan agar bersesuaian dengan pengetahuan responden yang dipilih serta mengetahui jangkamasa yang digunakan oleh responden untuk menjawab seluruh soal selidik. Maklumat daripada kajian rintis dapatlah digunakan untuk memperbaiki kelemahan atau kesilapan dalam instrumen kajian yang digunakan. Sehubungan itu, satu kajian rintis telah dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian ini yang telah diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.

Penyelidik telah menjalankan kajian rintisnya di dua buah sekolah di daerah Sentul, Kuala Lumpur. Sekolah-sekolah yang dipilih ini merupakan antara sekolah

yang aktif dalam pertandingan bola sepak. Kajian ini akan melibatkan 60 orang responden yang terdiri daripada pemain bola sepak sekolah dari tingkatan 2 hingga tingkatan 5. Sebelum menjalankan kajian rintis ini, penyelidik telah meminta kebenaran pentadbiran sekolah untuk menjadikan pelajar sekolah tersebut sebagai responden. Pelajar kemudian dikumpulkan di dewan sekolah dan penerangan ringkas diberikan oleh penyelidik tentang cara menjawab soal selidik berkenaan.

Jadual 3.4

*Kebolehpercayaan Kajian Rintis Soal Selidik*

Gaya kepimpinan	Cronbach's Alpha
Latihan dan arahan (LA)	.887
Demokratik (DM)	.808
Autokratik (AK)	.724
Sokongan sosial (SS)	.933
Maklumbalas positif (MP)	.862

Jadual 3.4 di atas menunjukkan analisis *Cronbach Alpha* yang diproses dari hasil dapatan kajian rintis yang dilaksanakan bagi 60 orang responden. Dari jadual ini dapat dilihat kebolehpercayaan bagi setiap dimensi gaya kepimpinan adalah lebih kurang sama melainkan gaya kepimpinan dimensi Autokratik yang agak rendah, tetapi perkara ini telah dijangka dan dikira normal jika dilihat menerusi dapatan kebolehpercayaan instrumen dari kajian-kajian lepas. Gaya kepimpinan dimensi

Latihan dan Arahan menunjukkan dapatan *Cronbach Alpha* sebanyak .887, Manakala dimensi Demokratik mencatat .808. Dimensi Autokratik pula mencatatkan dapatan yang paling rendah iaitu sebanyak .724 tetapi masih di atas piawaian minima .70. Dimensi Sokongan sosial pula mencatat .933 dan gaya kepimpinan yang mencatat hasil dapatan paling tinggi ialah Maklumbalas positif dengan dapatan sebanyak .862. Oleh itu, hasil dari kajian rintis ini telah memastikan bahawa instrumen ini telah melerpasi piawaian minima dan sesuai digunakan bagi mengumpul data kajian.

### **3.10 Prosedur Kajian**

Bagi menjalankan kajian ini dengan proses dan prosedur yang betul, terdapat langkah-langkah yang perlu dipertimbangkan bagi menentukan kelancaran kajian ini serta untuk mengelak dari melanggar sebarang peraturan. Prosedur kajian dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu prosesdur sebelum kajian, prosedur semasa kajian dan prosedur selepas kajian.

#### **3.10.1 Prosedur Sebelum Kajian**

Sebelum data diambil daripada sekolah-sekolah yang terpilih, penyelidik meminta kebenaran dan mengambil surat kebenaran menjalankan kajian dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya serta kebenaran dari Pusat Dokumentasi Bahagian Perancangan & Peyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia. Hal ini kerana untuk memastikan segala urusan yang berkaitan dengan penyelidikan ini melalui prosedur yang sah dan tidak melanggar undang-undang. Surat kebenaran untuk menjalankan kajian diserahkan kepada pihak pentadbiran setiap sekolah yang terlibat. Selepas memperoleh kebenaran, penyelidik menetapkan

satu tarikh dan masa bagi berjumpa dengan Setiausaha Sukan dan pemain-pemain setiap sekolah. Setiap pemain yang terpilih juga diberikan surat kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga untuk menjawab soal selidik ini, hal ini kerana responden masih dibawah umur. Penyelidik memaklumkan kepada responden bahawa tiada tetapan masa untuk menjawab Soal selidik *Leadership Scale for Sport (LSS)* ini. Borang yang telah diisi dinomborkan bagi mengelakkan kekeliruan.

### **3.10.2 Prosedur Semasa Kajian**

Bagi menjawab soal selidik yang diberikan, semua responden dikumpulkan di tempat yang sesuai untuk mendengar taklimat ringkas daripada penyelidik. Kemudian, penyelidik akan menerangkan mengenai skala yang digunakan dan mengenai beberapa soalan dalam soal selidik tersebut sebagai contoh untuk membuatkan responden lebih mudah faham. Selepas responden jelas dengan matlamat dan cara untuk menjawab soal selidik yang diserahkan, responden akan menjawab soalan-soalan tersebut tanpa ditetapkan masa. Semasa proses menjawab dijalankan, penyelidik akan memantau responden secara rambang dan membantu jika terdapat sebarang persoalan daripada responden.

### **3.10.3 Prosedur Selepas Kajian**

Selepas semua responden telah menjawab soal selidik berkenaan, penyelidik akan mengumpulkan semula semua kertas soal selidik tersebut dan menomborkan setiap soal selidik yang dijawab agar mudah untuk penyelidik membuat rujukan kelak. Penyelidik juga akan memastikan jumlah kertas soalan yang diberikan sama dengan jumlah kertas yang dikutip. Penyelidik kemudiannya akan memeriksa kertas-

kertas terebut dan mengasingkan jika terdapat kertas soal selidik yang dijawab tidak mengikut kehendak soalan ataupun kertas soalan rosak. Selepas jumlah responden yang diinginkan mencukupi, semua kertas soal selidik tersebut akan di proses bagi merungkaikan data-data yang berjaya dikumpul. Kertas soal selidik tersebut kemudiannya disimpan dengan selamat untuk rujukan.

### **3.11 Kaedah Menganalisis Data**

Statistik merupakan salah satu kaedah yang dapat membantu penyelidik untuk memahami metodologi dan dapaatan kajian mereka. Bagi memperjelaskan segala objektif dan persoalan kajian, prosedur menganalisis data secara statistik diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Kajian tinjauan atauapun kajian yang berbentuk kuantitatif seperti kajian ini, adalah sangat penting bagi penyelidik untuk memahami mengenai perbezaan ataupun jenis statistik yang biasa digunakan dalam kajian kuantitatif. Terdapat dua jenis statistik dalam kajian kuantitatif, berdasarkan kepada persoalan dan objektif kajian iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi.

Mengira data-data yang dikumpul secara manual untuk dirumus menjadi statistik yang mudah dibaca memerlukan kemahiran dan masa yang banyak, maka bagi memproses data dari hasil soal selidik ini dengan lebih berkesan dan cepat, program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 24.0 oleh IBM akan digunakan. SPSS merupakan program yang sering digunakan dalam kajian-kajian sains sosial dan didapati menghasilkan pengiraan statistik yang tepat serta mesra pengguna. Menerusi SPSS juga, data yang ringkas dan kompleks dapat dianalisis dengan cepat (Zaidatun & Mohd Salleh, 2003).

Data yang akan diterima melalui soal selidik akan dikodkan untuk proses pemindahan ke komputer menggunakan program SPSS versi 24. Setiap item di dalam soal selidik akan diproses menjadi data yang lebih mudah difahami dengan menggunakan kedua-dua jenis statistik, iaitu statistik deskriptif (frekuensi, kekerapan, peratusan) dan juga statistik inferensi (ujian t, ujian kolerasi dan ujian regresi).

### **3.11.1      Analisis Deskriptif**

Bagi statistik deskriptif, penyelidik akan membuat analisis berdasarkan kekerapan, frekuensi, dan peratusan. Antara statistik deskriptif yang selalu digunakan dalam kajian kuantitatif ialah min dan sisihan piawai. Min ialah sukatan yang mempunyai kecenderungan memusat yang penting dalam penganalisan data kajian. Min juga merupakan titik pegimbang dalam satu taburan data iaitu nilai titik tengah (Mohd. Majid Konting, 2000; Loeb, Dynarski, McFarland, Morris, Reardon, dan Reber, 2017). Statistik ini turut diperlukan bagi menjelaskan persoalan kajian yang kedua iaitu mengetahui tahap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Sisihan piawai pula ialah statistik yang tepat untuk melihat serakan taburan data kajian (Mohd. Majid Konting, 2000). Jika terdapat dua kumpulan yang mempunyai nilai min yang sama, maka kumpulan yang mempunyai nilai sisihan piawai yang lebih kecil merupakan skor yang lebih baik kerana serakan kumpulan ini lebih seragam. Oleh itu, sisihan piawai dalam kajian ini diaplikasikan bagi menjelaskan serakan subjek apabila nilai min adalah sama.

### **3.11.2      Analisis Inferensi**

Statistik inferensi ialah ujian yang menggunakan kebarangkalian dalam memproses data yang diterima. Statistik inferensi dijalankan bagi melihat karakteristik populasi daripada data-data yang berjaya dikumpul. Antara jenis ujian statistik inferensi yang sering digunakan dalam kajian-kajian kuantitatif ialah ujian t, ujian regresi, dan ujian korelasi.

Korelasi adalah salah satu kaedah untuk menganalisis data bagi melihat tahap hubungan atau perkaitan antara dua atau lebih pembolehubah atau sejauh mana dua atau lebih pembolehubah itu berkait. Berkait itu bermakna perubahan kepada satu pembolehubah itu akan juga mengubah tahap pembolehubah yang berhubungan (Ampofo-Boateng, 2014). Dalam kajian ini pengiraan korelasi diaplikasikan bagi menganalisis data untuk soalan berkaitan dengan hubungan antara gaya-gaya kepimpinan dengan pencapaian pemain. Terdapat beberapa jenis korelasi yang boleh digunakan dalam sesebuah kajian seperti korelasi Spearman, Pearson, Partial dan Ganda, dimana setiap satu jenis korelasi ini digunakan untuk kaedah kajian-kajian tertentu. Bagi kajian ini korelasi yang paling sesuai digunakan adalah korelasi Spearman kerana data yang akan dikumpul adalah data *ordinal*. Nilai korelasi Spearman berada diantara -1 hingga 1. Jika nilai bersamaan dengan 0 (= 0), bermaksud tiada korelasi atau tidak ada hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tak bersandar. Bila nilai bersamaan dengan +1 (=1), bermaknud hubungan antara pembolehubah bersandar dan tak bersandar adalah positif. Manakala jika nilai bersamaan dengan -1 (= -1), bermakna terdapat hubungan yang negatif antara pembolehubah bersandar dan tak bersandar. Dengan kata lain, tanda “+” dan “-” bermaksud arah hubungan di antara pembolehubah yang dikaji. Jadual

3.5 di bawah memaparkan kekuatan hubungan kolerasi berdasarkan nilai  $r$  dengan lebih terperinci.

Jadual 3.5

*Kekuatan Hubungan Kolerasi*

Nilai $r$	Kekuatan hubungan
<.20	Sangat rendah dan tidak signifikan
.20 – .40	Rendah dan kecil
.40 – .70	Sederhana dan signifikan
.70 – .90	Tinggi dan kuat
> .90	Sangat tinggi dan sangat signifikan

### **Analisis MANOVA**

Menurut Pallant (2007) analisis MANOVA dijalankan bagi melihat jika wujudnya persamaan (homogeniti) atau perbezaan dalam dimensi mengikut varian-varian apabila terdapat banyak pemboleh ubah bersandar. Prosedur MANOVA membina satu rumusan berkenaan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kombinasi linear dari kesemua pemboleh ubah asal yang diikuti oleh analisis varian. Teknik ini berupaya mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan antara kumpulan berdasarkan Min komposit pemboleh ubah. Hasilnya pengkaji dapat membandingkan Min antara kumpulan dan menguji sama ada terdapat perbezaan antara kumpulan hasil gabungan pemboleh ubah yang dikaji itu signifikan.

Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji perlu memastikan andaian-andaian ujian tersebut dipenuhi. Pallant (2007) menegaskan bahawa prosedur

MANOVA sensitif kepada saiz sampel, kenormalan data, data terpencil, kelineran, kehomogenan regresi, multikolinearan dan singulariti serta *homoscedascity*. Analisis MANOVA dijalankan bagi menilai perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.

### **3.12 Metrik Pengukuran Data**

Metrik pengukuran data merupakan jadual ringkas yang menunjukkan hubungan di antara soalan kajian dan analisis dapatan kajian yang akan digunakan bagi menjawab persoalan kajian ini. Selain itu, jadual ini juga menunjukkan kaitan diantara soalan kajian dengan hipotesis-hipotesis kajian. Jadual 3.6 berikut akan mem paparkan kaitan-kaitan tersebut.

Jadual 3.6

*Metrik Pengukuran Data*

Bil	Soalan Kajian	Analisis data	Hipotesis
1	Apakah gaya kepimpinan yang digunakan dalam kalangan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur?	Min, dan Sisihan piawai	-
2	Apakah tahap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur?	Kekerapan, dan Peratusan (%)	-
3	Adakah terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur?	Kolerasi Spearman	Ho1

Jadual 3.6 (sambungan)

Bil	Soalan Kajian	Analisis data	Hipotesis
4	Adakah terdapat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur?	MANOVA	Ho2

Statistik deskriptif seperti peratus dan min akan digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data berkaitan demografik responden seperti umur, pengalaman, dan tahap penglibatan. Statistik deskriptif juga akan digunakan dalam menentukan tahap pencapaian setiap responden (contoh peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan).

Kolerasi Spearman digunakan bagi persoalan yang melibatkan lima dimensi gaya kepimpinan dalam sukan iaitu, gaya Demokratik, Latihan dan Arahan, Sokongan Sosial, Autokratik dan Maklum Balas Positif. Penyelidik ingin melihat hubungan diantara kelima-lima gaya ini yang merupakan pembolehubah tak bersandar dengan pembolehubah bersandar kajian ini iaitu pencapaian pasukan bola sepak.

Bagi menganalisis data bagi persoalan “Apakah gaya kepimpinan jurulatih yang paling dominan dalam menyumbang kepada pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur?” kaedah analisis data yang paling sesuai adalah dengan menggunakan regresi logistik.

### **3.13 Rumusan**

Secara keseluruhan bab 3 ini menerangkan kaedah yang dijalankan untuk memastikan kajian ini ialah mengikut prosedur yang betul dan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan dari sudut reka bentuk, kaedah persampelan, prosedur pengumpulan data, instrumen kajian, kesahan, kebolehpercayaan instrumen kajian serta kajian rintis. Selain itu, bab ini turut menjelaskan proses menganalisis data dan menginterpretasi data secara ringkas, dimana menganalisis data akan diterangkan dengan lebih jelas lagi di dalam bahagian seterusnya.

Selain itu, kajian ini menggunakan Kolerasi Spearman dan Regresi logistik kerana reka bentuk kaedah ini yang sesuai dengan soalan kajian. Soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) yang telah dialih bahasa ke bahasa Melayu diaplikasikan bagi mengumpul data kajian serta kaedah statistik deskriptif dan juga statistik inferensi diaplikasikan untuk menganalisis data mentah bagi mencari jawapan persoalan kajian ini.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Penyelidikan ini dijalankan bagi mengkaji apakah gaya kepimpinan yang digunakan dalam kalangan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Di samping itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur juga hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih terhadap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur serta perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of the Social Science* (SPSS versi 24.0). Statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, kekerapan dan juga peratusan digunakan dalam menentukan gaya kepimpinan yang digunakan dalam kalangan jurulatih. Begitu juaga bagi mengenal pasti tahap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur, statistik deskriptif diguna pakai. Manakala bagi melihat hubungan di antara gaya-gaya kepimpinan sukan terhadap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur pula, korelasi Spearman diaplikasikan dalam pengiraan data. Seterusnya, ujian MANOVA dijalankan bagi melihat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.

## 4.2 Profil Demografi Kajian

Seramai 230 orang pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur terlibat bagi kajian ini. Data teperinci profil demografi pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur adalah seperti berikut.

Jadual 4.1.1

*Profil Demografi Responden Kajian*

Ciri Demografi	Kekerapan	Peratusan
Umur responden		
13 tahun	29	12.6%
14 tahun	35	15.2%
15 tahun	82	35.7%
16 tahun	49	21.3%
17 tahun	35	15.2%
Jumlah	230	100%
Bangsa responden		
Melayu	224	97.4%
Cina	5	2.2%
India	1	0.4%
Lain-lain	0	0%
Jumlah	230	100%
Pasukan responden		
Bawah 15 tahun	144	62.6%
Bawah 17 tahun	86	37.4%
Jumlah	230	100%

Jadual 4.1.1 menunjukkan seramai (12.6%) responden berumur 13 tahun manakala seramai (15.2%) responden berumur 14 tahun. Bagi responden berumur 15 tahun pula, seramai (35.7%) pemain menjawab soal selidik ini sekaligus merupakan peringkat umur yang paling ramai bagi kajian ini. Selain itu, (21.3%) responden

berumur 16 tahun dan (15.2%) responden merumur 17 tahun. Bagi kategori Bangsa pula, majoriti bangsa responden adalah Melayu dengan seramai (97.4%) responden. Manakala bagi kaum Cina seramai (2.2%) dan kaum India seramai (0.4%) responden. Bagi pasukan yang diwakili oleh responden, (62.6%) responden merupakan pemain dari pasukan bola sepak bawah 15 tahun. Selain itu, (37.4%) responden merupakan pemain dari pasukan bola sepak bawah 17 tahun.

Jadual 4.1.2

*Profil Demografi Responden Kajian (sambungan)*

Ciri Demografi	Kekerapan	Peratusan
<b>Pengalaman menjadi jurulatih</b>		
1 tahun	51	22.2%
2 tahun	84	36.5%
3 tahun	70	30.4%
4 tahun	15	6.5%
5 tahun	10	4.3%
Jumlah	230	100%
<b>Kekerapan latihan</b>		
1 kali seminggu	3	1.3%
2 kali seminggu	9	3.9%
3 kali seminggu	170	73.9%
4 kali seminggu	32	13.9%
5 kali seminggu	15	6.5%
6 kali seminggu	1	0.4%
Jumlah	230	100%
<b>Peringkat tertinggi wakil</b>		
Sekolah	32	13.9%
Daerah	122	53.0%
Negeri	32	13.9%
Kebangsaan	44	19.1%
Jumlah	230	100%

Seterusnya, jadual 4.1.2 menyatakan (22.2%) responden berlatih selama 1 tahun di bawah kejurulatihan yang sama. (36.5%) responden pula berlatih selama 2 tahun di bawah kejurulatihan yang sama. (30.4%) responden berlatih di bawah kejurulatihan yang sama selama 3 tahun. Manakala (6.5%) responden berlatih selama 4 tahun di bawah kejurulatihan yang sama dan (4.3%) responden berlatih selama 5 tahun di bawah kejurulatihan yang sama.

Selain itu, Jadual 4.1.2 juga memaparkan kekerapan jurulatih membuat latihan dalam seminggu. Seramai (1.3%) responden menyatakan latihan di jalankan hanya 1 kali seminggu dan (3.9%) responden menyatakan latihan di lakukan 2 kali seminggu. (73.9%) responden pula memaklumkan mereka menghadiri 3 sesi latihan dalam seminggu. (13.9%) responden menjawab latihan dilakukan sebanyak 4 kali seminggu. Manakala responden yang menyatakan kekerapan latihan sebanyak 5 kali seminggu adalah (6.5%) dan (0.4%) responden menyatakan latihan di jalankan sebanyak 6 kali seminggu.

Dalam jadual 4.1.2 juga menunjukkan peringkat tertinggi responden mewakili pasukan. Seramai (13.9%) responden mewakili pasukan bola sepak di peringkat sekolah sahaja. Manakala, seramai (53%) responden mewakili sehingga ke peringkat daerah. (13.9%) responden mewakili daerah ke peringkat negeri dan (19.1%) responden pernah mewakili pasukan Kuala Lumpur ke peringkat kebangsaan. Peringkat kebangsaan merupakan peringkat tertinggi di dalam instrument ini.

Jadual 4.1.3

*Profil Demografi Responden Kajian (sambungan)*

Ciri Demografi	Kekerapan	Peratusan
Pengalaman wakil sekolah (tahun)		
1 tahun	71	30.9%
2 tahun	95	41.3%
3 tahun	45	19.6%
4 tahun	18	7.8%
5 tahun	1	0.4%
Jumlah	230	100%
Pengalaman wakil daerah (tahun)		
Tiada pengalaman	52	22.6%
1 tahun	78	33.9%
2 tahun	69	30.0%
3 tahun	26	11.3%
4 tahun	4	1.7%
5 tahun	1	0.4%
Jumlah	230	100%
Pengalaman wakil negeri (tahun)		
Tiada pengalaman	176	76.5%
1 tahun	11	4.8%
2 tahun	21	9.1%
3 tahun	20	8.7%
4 tahun	2	0.9%
5 tahun	0	0%
Jumlah	230	100%
Pengalaman wakil kebangsaan (tahun)		
Tiada pengalaman	209	90.9%
1 tahun	0	0%
2 tahun	21	9.1%
3 tahun	0	0%
4 tahun	0	0%
5 tahun	0	0%
Jumlah	230	100%

Jadual 4.1.3 memaparkan pengalaman tahun responden mewakili pasukan bola sepak di peringkat sekolah. Terdapat (30.9%) responden mempunyai pengalaman selama 1 tahun dalam pasukan bola sepak. Seramai (41.3%) pula menyatakan mereka mewakili pasukan selama 2 tahun. Responden yang menjawab pengalaman mereka mewakili pasukan sebanyak 3 tahun adalah seramai (19.6%) responden. Manakala pengalaman responden yang mewakili pasukan selama 4 tahun adalah (7.8%) dan (0.4%) responden pernah mewakili pasukan sekolahnya selama 5 tahun.

Seterusnya, jadual 4.1.3 menunjukkan pengalaman responden mewakili di peringkat daerah. Seramai (22.6%) responden tidak pernah mewakili pasukan bola sepak dalam peringkat daerah. (33.9%) responden pula mempunyai pengalaman selama 1 tahun mewakili daerah. Manakala seramai (30%) responden mempunyai pengalaman mewakili daerah selama 2 tahun. (11.3%) responden pula menyatakan mempunyai pengalaman selama 3 tahun di peringkat daerah. (1.7%) responden berpengalaman mewakili ke peringkat daerah selama 4 tahun dan (0.4%) responden pula berpengalaman selama 5 tahun di peringkat daerah.

Jadual 4.1.3 juga memaparkan pengalaman dalam tahun responden mewakili pasukan bola sepak di peringkat negeri. (76.5%) responden menyatakan bahawa mereka tiada pengalaman di peringkat negeri. Seramai (4.8%) responden pula mempunyai pengalaman selama 1 tahun. (9.1%) responden berpengalaman selama 2 tahun dalam pasukan bola sepak. Manakala seramai (8.75%) responden mempunyai pengalaman selama 3 tahun dalam pasukan bola sepak negeri. Selain itu, (0.9%)

responden berpengalaman selama 4 tahun dalam pasukan dan tiada responden yang mempunyai pengalaman selama 5 tahun di peringkat negeri.

Akhir sekali, jadual 4.1.3 menunjukkan (90.9%) responden tidak mempunyai pengalaman di peringkat kebangsaan. Manakala, (9.1%) responden mempunyai pengalaman mewakili pasukan bola sepak Kuala Lumpur selama 2 tahun di peringkat kebangsaan.

### 4.3 Analisis Dapatan Kajian

Dapatan analisis dari hasil kajian ini dihuraikan bagi menjawab persoalan kajian.

Huraian analisis dapatan kajian tersebut adalah seperti berikut.

#### **Gaya kepimpinan yang digunakan oleh jurulatih bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.**

Statistik deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai dijalankan bagi memastikan gaya kepimpinan yang paling kerap digunakan oleh jurulatih adalah seperti berikut.

Jadual 4.2

*Statistik Deskriptif Gaya kepimpinan yang digunakan oleh jurulatih.*

Gaya kepimpinan	SD	Min
Latihan dan arahan (LA)	7.07	55.34
Demokratik (DM)	6.39	33.07
Autokratik (AK)	4.45	10.74
Sokongan sosial (SS)	6.84	29.10
Maklumbalas positif (MP)	4.12	20.00

Jadual 4.2 berikut menunjukkan gaya kepimpinan yang digunakan dalam kalangan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Antara kelima-lima gaya

kepimpinan diatas, gaya Latihan dan arahan menunjukkan bacaan Min yang tertinggi ( $M = 55.34$  dan  $SD = 7.07$ ). Gaya Demokratik pula menunjukkan bacaan yang kedua tertinggi ( $M=33.07$  dan  $SD = 6.39$ ) diikuti dengan gaya Sokongan sosial ( $M = 29.10$  dan  $SD = 6.84$ ) serta gaya Maklumbalas positif ( $M = 20.00$  dan  $SD = 4.12$ ). Gaya Autokratik menunjukkan bacaan Min yang terendah ( $M = 10.74$  dan  $SD = 4.45$ ). Dapatan ini mendapati bahawa gaya kepimpinan yang paling kerap digunakan oleh jurulatih bola sepak sekolah menengah adalah gaya kepimpinan Latihan dan Arahan manakala gaya kepimpinan yang paling kurang digunapakai adalah gaya Autokratik. Jumlah Min yang tertinggi juga ditunjukkan oleh gaya Latihan dan Arahan ( $min = 55.34$ ), manakala gaya Autokratik ( $min = 10.74$ ) menunjukkan nilai Min yang terendah.

#### **Tahap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.**

Ujian kekerapan dijalankan bagi melihat tahap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Dapatan ujian dipaparkan dalam jadual berikut.

Jadual 4.3

*Analisis Kekerapan Tahap Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.*

Peringkat	Kekerapan	Peratusan
Pencapaian tertinggi pemain		
Sekolah	32	13.9%
Daerah	122	53.0%
Negeri	32	13.9%
Kebangsaan	44	19.1%
Jumlah	230	100%

Jadual 4.3 di atas menunjukkan tahap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Seramai 230 orang pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur telah menjawab soal selidik ini. Tahap pencapaian dinilai berdasarkan peringkat tertinggi pemain mewakili pasukan bola sepak mereka. Dapat dilihat kekerapan tertinggi adalah pada peringkat Daerah (53%) diikuti peringkat kebangsaan (19.1%). Manakala peringkat Sekolah dan juga peringkat Negeri mempunyai dapatan yang sama iaitu (13.9%). Dari dapatan ini menunjukkan pencapaian tertinggi majoriti pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur adalah pada peringkat Daerah. Manakala pencapaian terendah adalah pada peringkat Sekolah dan juga peringkat Negeri.

#### **Hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.**

Ujian Korelasi Spearman dijalankan bagi mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Hasil ujian kolerasi adalah seperti berikut.

Jadual 4.4

*Korelasi Spearman Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.*

Gaya kepimpinan	Pencapaian		Interpretasi
	r	Sig.	
Latihan dan arahan (LA)	0.164	0.013	Lemah
Demokratik (DM)	0.180	0.006	Lemah
Autokratik (AK)	0.120	0.069	-
Sokongan sosial (SS)	0.193	0.003	Lemah
Maklumbalas positif (MP)	0.092	0.164	-

Jadual 4.4 memaparkan hubungan antara gaya kepimpinan jurualtih dengan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Dari dapatan ini dapat dilihat gaya Latihan dan arahan ( $r = 0.16$  dan  $sig. = 0.01$ ), gaya Demokratik ( $r = 0.18$  dan  $sig. = 0.01$ ) dan gaya Sokongan sosial ( $r = 0.19$  dan  $sig. = 0.00$ ) menunjukkan bahawa hubungan diantara tiga gaya kepimpinan jurulatih ini dengan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur adalah lemah. Manakala dapatan bagi gaya Autokratik ( $r = 0.12$  dan  $sig. = 0.07$ ) dan gaya Maklumbalas positif ( $r = 0.09$  dan  $sig. = 0.16$ ) diabaikan kerana  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan hipotesis Ho1.3 dan Ho1.5 adalah ditolak.

### **Perbezaan gaya kepimpinan jurualtih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur**

Analisis MANOVA dijalankan bagi menentukan perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Sebelum analisis dapat dijalankan, terdapat beberapa jenis ujian yang harus dilakukan bagi memastikan data yang digunakan sesuai untuk ujian MANOVA ini. Antara ujian-ujian yang harus dijalankan terlebih dahulu adalah ujian *Normality*, ujian *Linearity*, *Box's M*, dan *Wilks' Lambda*. Akhir sekali, selepas ujian MANOVA dijalankan, ujian *Post Hoc Scheffe* harus diteliti bagi melihat dengan lebih terperinci hasil dapatan kajian. Dapatan analisis-analisis berkenaan adalah seperti berikut.

#### **Ujian *Normality***

Dalam mana-mana kajian sebelum analisis MANOVA dapat dijalankan ujian normaliti dan lineariti harus dilakukan bagi melihat sama ada data yang dikumpul

oleh penyelidik sesuai untuk dijalankan analisis MANOVA. Ujian *normality* dilakukan bagi melihat jika data bertabur normal atau terpesong. *Normality* ditentukan melalui kaedah statistik. Ujian Skewness dan Kurtosis merupakan kaedah statistik yang dipilih bagi kajian ini. Data dikatakan bertabur normal atau normaliti memenuhi syarat apabila nilai Skewness dan Kurtosis berada diantara -3 hingga +3. Hasil ujian normaliti adalah seperti dalam jadual 4.5 berikut.

Jadual 4.5

*Statistik Deskriptif Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.*

Gaya Kepimpinan	Peringkat	Skewness	Kurtosis
Latihan dan arahan	Sekolah	.151	-.598
	Daerah	-.871	.271
	Negeri	-.328	-1.394
	Kebangsaan	-1.173	1.013
Demokratik	Sekolah	-.042	-1.017
	Daerah	-.162	-.696
	Negeri	-.190	1.184
	Kebangsaan	-.531	.378
Autokratik	Sekolah	.754	-.313
	Daerah	1.430	2.003
	Negeri	.277	-.837
	Kebangsaan	1.073	.615
Sokongan sosial	Sekolah	-.133	-.391
	Daerah	-.168	-1.192
	Negeri	-.398	1.307
	Kebangsaan	-.645	.165
Maklumbalas positif	Sekolah	-1.033	.979
	Daerah	-.696	.075
	Negeri	-.394	-1.079
	Kebangsaan	-.819	.176

Dari hasil ujian normaliti yang dipaparkan dalam jadual 4.5 diatas, ujian Skewness dan Kurtosis digunakan untuk melihat taburan data bagi perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala

Lumpur. Skor Skewness dan Kurtosis diperolehi dengan membahagikan nilai Skewness dan nilai Kurtosis dengan ralat piawai. Data dikatakan bertabur atau normaliti memenuhi syarat apabila nilai Skewness dan Kurtosis antara -3.0 dan +3.0. Bagi kajian ini, Skor Skewness di dalam jadual berada pada julat -1.17 dan +1.43. Manakala skor Kurtosis pula berada pada julat -1.39 dan +2.00. Dapatan ini menunjukkan taburan data-data yang dikumpul adalah normal dan wajar bagi penyelidik untuk menjalankan ujian MANOVA.

Ujian *linearity* dijalankan bagi menentukan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji mempunyai hubungan yang sekata (linear) atau tidak secara signifikan. Disebabkan kerana kajian ini mempunyai lima pemboleh ubah tidak bersandar, maka ujian lineariti tidak perlu dijalankan. Seterusnya, dapatan dari Box's M harus diambil kira selain dapatan dari ujian *Normality* dan *Linearity* sebelum ujian MANOVA dapat dilaksanakan. Jadual berikut menunjukkan dapatan dari *Box's M*.

Jadual 4.6

*Box's M Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.*

Box's M	Nilai-F	df1	df2	Sig.
107.13	2.25	45	38932.18	.000

*df = degree of freedom*

Jadual 4.6 memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas dengan nilai F = 2.25 dan sig. = .000 ( $p < .001$ ). Oleh itu, varian-kovarian

pemboleh ubah bersandar adalah tidak homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Maka, ujian MANOVA kekal dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah Menengah di Kuala Lumpur.

Berdasarkan dapatan yang dikumpul, maka ujian MANOVA boleh dilakukan bagi melihat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Dapatan analisis MANOVA adalah seperti berikut.

#### *Analisis Wilks' Lambda*

Jadual 4.7

*Wilks' Lambda Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.*

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	F	df1	df2	Sig.	$\eta^2$
Peringkat pencapaian bola sepak	.85	2.47	3	226	.002	.053

Jadual 4.7 menunjukkan nilai *Wilks' Lambda* bagi melihat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Dari dapatan ini dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan berdasarkan peringkat pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Nilai *Wilks' lambda* = .85, *F* (3, 226) = 2.47 dan *sig.* = .00 ( $p < .05$ ). Manakala nilai *eta squared* yang ditunjukkan ialah .053 dan ini bermakna kesan perbezaan tersebut adalah besar ( $p > .025$ ). Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0$ ) adalah ditolak. Perbezaan bagi kelima-lima gaya kepimpinan

jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur akan dianalisis dengan lebih mendalam dengan merujuk kepada ujian MANOVA di dalam jadual 4.7.

Jadual 4.8

*Manova Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.*

Gaya kepimpinan	Pencapaian	N	M	SD	95% Selang keyakinan LB	UB
Latihan dan arahan	Sekolah	32	52.87	6.50	50.44	55.31
	Daerah	122	55.25	7.79	54.00	56.49
	Negeri	32	55.31	5.68	52.88	57.75
	Kebangsaan	44	57.41	7.07	55.33	59.49
	Sekolah	32	29.78	5.47	27.61	31.95
	Daerah	122	33.54	6.91	32.43	34.65
	Negeri	32	31.78	5.43	29.61	33.95
	Kebangsaan	44	35.09	5.09	33.24	36.94
	Sekolah	32	09.47	3.63	7.92	11.01
	Daerah	122	10.69	4.56	9.90	11.48
	Negeri	32	11.00	4.14	10.33	13.42
	Kebangsaan	44	10.74	4.79	9.68	12.32
Sokongan sosial	Sekolah	32	24.44	6.88	22.14	26.73
	Daerah	122	29.79	6.99	28.62	30.97
	Negeri	32	28.34	5.32	26.05	30.64
	Kebangsaan	44	31.09	5.94	29.14	33.05
Maklum balas positif	Sekolah	32	17.81	5.05	16.41	19.22
	Daerah	122	20.61	3.62	19.90	21.33
	Negeri	32	19.31	4.11	17.91	20.72
	Kebangsaan	44	20.41	4.24	19.21	21.61

*N = Sampel; M = Min; SD = Standard Deviation; LB = Lower Bound; UB = Upper Bound*

Jadual 4.7 memaparkan dapatan ujian MANOVA bagi melihat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah

di Kuala Lumpur. Kelima-lima gaya kepimpinan jurulatih dinilai bagi empat peringkat pencapaian iaitu sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Dari data yang dipaparkan dalam jadual ini, dapat dilihat bagi gaya Latihan dan Arahan pencapaian pada tahap Sekolah (Min = 52.87 dan  $SD$  = 6.50), Daerah (Min = 55.25 dan  $SD$  = 7.79), Negeri (Min = 55.31 dan  $SD$  = 5.68), dan Kebangsaan (Min = 57.41 dan  $SD$  = 7.07). Bagi gaya Demokratik pula, pencapaian pada peringkat Sekolah (Min = 29.78 dan  $SD$  = 5.47), Daerah (Min = 33.54 dan  $SD$  = 6.91), Negeri (Min = 31.78 dan  $SD$  = 5.43), dan Kebangsaan (Min = 35.09 dan  $SD$  = 5.09). Manakala, gaya Autokratik pula menunjukkan dapatan seperti berikut Sekolah (Min = 09.47 dan  $SD$  = 3.63), Daerah (Min = 10.69 dan  $SD$  = 4.56), Negeri (Min = 11.00 dan  $SD$  = 4.14), dan Kebangsaan (Min = 10.74 dan  $SD$  = 4.79). Dapatan bagi gaya Sokongan Sosial adalah Sekolah (Min = 24.44 dan  $SD$  = 6.88), Daerah (Min = 29.79 dan  $SD$  = 6.99), Negeri (Min = 28.34 dan  $SD$  = 6.88), dan Kebangsaan (Min = 31.09 dan  $SD$  = 5.94). Gaya Maklumbalas Positif pada peringkat Sekolah (Min = 17.81 dan  $SD$  = 5.05), Daerah (Min = 20.61 dan  $SD$  = 3.62), Negeri (Min = 19.31 dan  $SD$  = 4.11), dan Kebangsaan (Min = 20.41 dan  $SD$  = 4.24).

#### Jadual 4.9

*Manova Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.*

Gaya Kepimpinan	Type III SS	df	MS	F	Sig.	$\eta^2$
Latihan dan arahan	383.91	3	127.97	2.616	.052	.034
Demokratik	606.02	3	202.01	5.223	.002	.065
Autokratik	96.23	3	32.08	1.631	.183	.021
Sokongan sosial	947.29	3	315.76	7.293	.000	.088
Maklumbalas positif	221.72	3	73.90	4.552	.004	.057

*MS* = Mean Square

Jadual 4.9 memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya Sokongan Sosial ( $F = 2.62$  dan  $sig. 0.00$ ) iaitu ( $p < .05$ ), gaya Maklumbalas Positif ( $F = 4.55$  dan  $sig. 0.00$ ), gaya Demokratik ( $F = 5.22$  dan  $sig. 0.00$ ) dan bagi gaya Latihan dan Arahan adalah ( $F = 2.62$  dan  $sig. 0.05$ ). Manakala, dapatan ujian MANOVA bagi gaya Autokratik adalah ( $F = 2.62$  dan  $sig. 0.18$ ), ini mendedahkan bahawa gaya Autokratik tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan pencapaian pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Selain dari itu, Nilai eta squared bagi gaya Latihan dan arahan .03, gaya Demokratik .06, gaya Autokratik 0.02, gaya Sokongan Sosial .09, dan gaya Maklumbalas Positif .06. Menurut Cohen (1988) kesan perbezaan yang ditunjukkan oleh kelima-lima gaya kepimpinan ini adalah kecil.

Memandangkan terdapat empat tahap pencapaian dikategorikan dalam kajian ini serta terdapat perbezaan yang signifikan bagi dapatan dari ujian MANOVA, maka ujian Post Hoc Scheffe perlu dilakukan bagi melihat perbezaan tersebut dengan lebih terperinci. Jadual di bawah menunjukkan hasil ujian Post Hoc Scheffe.

Jadual 4.10

*Ujian Post Hoc Scheffe Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.*

Pemboleh ubah bersandar	(I) Pencapaian Sekolah	(J) Pencapaian Kebangsaan	MD (I-J)	SE	Sig.
Latihan dan Arahan	Sekolah	Kebangsaan	-4.53	1.62	.05
Demokratik	Kebangsaan	Sekolah	4.53	1.62	.05
Demokratik	Sekolah	Daerah	-3.76	1.23	.03
		Kebangsaan	-5.31	1.44	.00
	Daerah	Sekolah	3.76	1.23	.03
Sokongan Sosial	Kebangsaan	Sekolah	5.31	1.44	.00
	Sekolah	Daerah	-5.36	1.31	.00
		Kebangsaan	-6.65	1.53	.00

Jadual 4.10 (sambungan)

Pemboleh ubah		(I) Pencapaian	(J) Pencapaian	MD (I-J)	SE	Sig.
bersandar						
Sokongan Sosial	Daerah	Sekolah	5.36	1.31	.00	
	Kebangsaan	Sekolah	6.65	1.53	.00	
Maklumbalas positif	Sekolah	Daerah	-2.80	.80	.01	
		Kebangsaan	-2.60	.94	.05	
	Daerah	Sekolah	2.80	.80	.01	
	Kebangsaan	Sekolah	2.60	.94	.05	

SE = Standard Error

MD = Mean Difference

Jadual 4.10 mempaparkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan Latihan dan arahan berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur bagi peringkat sekolah dengan peringkat kebangsaan dengan catatan perbezaan min = -4.53 dan sig. = .05 ( $p < .05$ ). Manakala, bagi gaya kepimpinan Demokratik terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian pemain bola sepak pada peringkat sekolah dengan peringkat daerah dengan perbezaan skor -3.76 dan sig. = .03. Selain itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan Demokratik bagi pencapaian peringkat sekolah dengan peringkat kebangsaan pemain bola sepak dengan perbezaan skor min = -5.31 dan sig. = .00. Bagi gaya kepimpinan Sokongan Sosial pula, terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian peringkat sekolah dengan peringkat daerah iaitu perbezaan skor min = -5.36 dan juga sig. = .00. Seterusnya, bagi sokongan sosial juga terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan peringkat pencapaian sekolah dengan peringkat pencapaian kebangsaan dengan bacaan skor min = -6.65 dan sig. = .00. Terdapat juga perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan Maklumbalas Positif terhadap peringkat pencapaian sekolah dengan peringkat pencapaian daerah dengan nilai skor min = -.280 dan sig. = .01. Selain itu, terdapat juga perbezaan bagi peringkat pencapaian sekolah dengan peringkat pencapaian kebangsaan dengan nilai min = -

2.60 dan sig. = .05. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan Autokratik dengan peringkat pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur kerana menunjukkan nilai skor yang lebih besar dari .05 ( $p > .05$ ).

#### **4.4 Rumusan**

Kajian ini dijalankan bagi melihat gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Hasil kajian yang dianalisis menggunakan perisian SPSS 24.0 menunjukkan bahawa gaya kepimpinan Latihan dan Arahan merupakan gaya kepimpinan yang paling kerap digunakan oleh jurulatih bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Manakala tahap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur majoritinya di peringkat Daerah. Hubungan antara kelima-lima gaya kepimpinan jurualltih terhadap pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur pula kurang signifikan. Ujian *Normality* dilakukan bagi melihat kesesuaian data untuk analisis MANOVA dan hasil dari ujian ini menunjukkan bahawa taburan data adalah normal dan sesuai untuk dijalankan analisis tersebut. Analisis MANOVA yang dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur pula menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan berdasarkan pencapaian pemain bagi empat gaya kepimpinan jurulatih iaitu gaya Latihan dan Arahan, Demokratik, Sokongan Sosial dan Maklumbalas Positif. Manakala gaya Autokratik menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan pencapaian pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Fokus kajian ini adalah untuk melihat gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain bola sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Pemain bola sepak ini terdiri daripada pelajar lelaki yang berumur dalam lingkungan 13 hingga 17 tahun. Bab ini akan menghuraikan segala dapatan kajian dengan lebih mendalam dan jelas bagi menjawab dan membuat kesimpulan terhadap persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab satu. Selain itu, dalam bahagian ini juga akan memperincikan kesan serta sumbangan daripada dapatan kajian ini dan cadangan bagi kajian-kajian masa depan yang berkaitan dengan gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian di kalangan pemain bola sepak turut dibincangkan dan dikemukakan.

#### **5.2 Ringkasan Kajian**

Bola sepak merupakan sukan yang sangat digemari oleh rakyat Malaysia di mana sukan ini dipertandingkan pada pelbagai peringkat, daripada peringkat sekolah, Universiti hingga ke peringkat Profesional. Bola Sepak juga boleh menjadi instrumen untuk menyatukan rakyat (Zaini, 2003; Cwik, 2007) dan juga mengembangkan ekonomi sesebuah negara (Ampofo-Boateng, 2014; De Aragao, 2015). Walaupun begitu, Pencapaian pasukan bola sepak kebangsaan yang kurang konsisten dan juga liga bola sepak tempatan yang agak hambar menyebabkan ramai peminat bola sepak

lebih gemar menonton dan memberikan sokongan mereka terhadap pasukan dari liga luar negara seperti Liga Perdana Inggeris dan La Liga. Selain itu, *Rangking* terkini yang dikeluarkan FIFA juga menunjukkan pasukan bola sepak lelaki Malaysia agak rendah berbanding dengan negara-negara jiran ASEAN yang lain dengan kedudukan ke-167 (FIFA, Disember 2018). Oleh kerana itu, kajian yang berkaitan dengan bola sepak dalam negara ini harus dijalankan agar sedikit sebanyak dapat memberikan kesan yang positif terhadap bola sepak tempatan dan bola sepak negara secara amnya.

Kredibiliti seseorang jurulatih merupakan antara faktor yang penting bagi menentukan kualiti sesebuah pasukan. Penyataan ini disokong oleh Mohd. Sofian et al. (2006) yang menyatakan perlu dijalankan kajian yang berkaitan dengan kepimpinan seseorang jurulatih kerana ia banyak mempengaruhi kejayaan sesebuah pasukan. Di peringkat sekolah perkembangan pemain muda amat penting, dimana potensi mereka mula digilap untuk menjadi seorang pemain bola sepak yang berbakat pada masa hadapan. Sehubungan itu, kepimpinan jurulatih yang sesuai dengan pemain bola sepak pada peringkat sekolah memainkan peranan yang sangat besar. Jurulatih Sekolah haruslah mengutamakan gaya kepimpinan tertentu yang bersesuaian dengan jantina dan usia pemain, ini disebabkan pencapaian pemain boleh ditambah baik sekiranya wujudnya kesefahaman antara gaya kepimpinan yang disukai oleh pemain dan gaya sebenar yang digunakan oleh jurulatih (Nelfianty & Shaharudin, 2012).

Teori yang diaplikasikan bagi kajian ini ialah Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi oleh Chelladurai dan Saleh (1980). Teori ini melihat keberkesanan

pimpinan seseorang jurulatih itu bergantung kepada tiga faktor tidak bersandar yang saling berkaitan iaitu karakter situasi, karakter jurulatih dan karakter ahli kumpulan. Seterusnya, kepuasan pemain dan pencapaian pemain begantung kepada tiga keadaan tingkah laku atau gaya kepemimpin jurulatih. Keadaan tersebut ialah gaya diperlukan, gaya diminati dan gaya sebenar (Tenenbaum & Eklund, 2007). Berdasarkan model kepimpinan sukan, kepuasan dan persembahan pemain dilihat bergantung kepada interaksi antara tiga aspek utama tingkah laku kepimpinan iaitu tingkah laku pemimpin yang diperlukan, tingkah laku yang disukai dan tingkah laku yang sebenar (Ampofo-Boateng, 2014). Tahap kepuasan yang baik akan memberikan mereka pencapaian yang baik manakala tahap kepuasan yang rendah akan memberikan pencapaian yang kurang memuaskan(Cox, 2012: Kremer et al., 2012).

Kajian ini dilakukan untuk melihat gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Sampel kajian adalah terdiri daripada 230 orang pemain bola sepak sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur yang berumur di dalam lingkungan 13 tahun sehingga 17 tahun yang telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970), di mana bilangan sampel yang diperolehi dengan menggunakan kaedah jadual persampelan yang ditetapkan.

Bagi kajian ini, kaedah tinjauan dan instrument berbentuk soal selidik telah diterima pakai. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A: demografik yang mempunyai tujuh item yang berkaitan dengan maklumat demografi responden seperti umur, bangsa, pengalaman dan sebagainya. Seterusnya, bahagian B: Skala Kepimpinan untuk Sukan (*Leadership*

*Scale for Sport) yang dialih bahasa ke Bahasa Melayu hasil rekaan Chelladurai dan Saleh (1980). Bahagian ini mengandungi 40 item berkaitan dengan lima dimensi gaya kepimpinan untuk sukan dan menggunakan skala Likert lima mata untuk dijadikan pengukur kepada jawapan responden kajian .*

Analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian ialah Kekerapan (*Frequency*), Peratusan, Sisihan piaawai, Min, Kolerasi Spearman dan MANOVA. Analisis Min, serta Sisihan piaawai diaplikasikan untuk melihat gaya kepimpinan yang digunakan dalam kalangan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Kekerapan dan Peratusan pula digunakan untuk melihat tahap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Manakala, Kolerasi Spearman digunakan bagi melihat hubungan di antara gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Analisis MANOVA pula diaplikasikan bagi mengkaji perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Hasil analisis menunjukkan bahawa gaya kepimpinan Latihan dan Arahan merupakan gaya kepimpinan yang sering digunakan oleh jurulatih-jurualtih Bola Sepak sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Tahap pencapaian kebanyakkan pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur adalah di peringkat Daerah. Terdapat hubungan yang signifikan di antara tiga gaya kepimpinan jurulatih terhadap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Manakala, terdapat perbezaan yang signifikan bagi empat gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

### **5.3 Perbincangan**

Bahagian ini pula meneliti hasil analisis yang dikumpul dan diuraikan di dalam bab 4 bagi mendapat kefahaman yang lebih mendalam dan jelas bagi kajian-kajian lepas. Perbincangan meliputi perkaitan dapatan kajian dengan model atau teori kajian serta persamaan atau perbezaan dapatan kajian ini dengan kajian-kajian lepas.

Secara amnya, dapatan profil demografi menunjukkan peratusan umur 230 orang responden adalah hampir sekata bagi responden berumur diantara 13 tahun sehingga 17 tahun. Bangsa responden majoritinya adalah berbangsa Melayu, ini merupakan kebiasaan bagi pasukan bola sepak sekolah di Malaysia. Manakala, pengalaman bagi jurulatih melatih bola sepak pula kebanyakannya adalah diantara 2 dan 3 tahun pengalaman. Ini bermaksud kebanyakkan jurualtih di Kuala Lumpur mungkin masih kurang penggalaman dalam pengurusan pasukan bola sepak mereka. Kekerapan latihan yang dijalankan oleh jurulatih adalah 3 kali seminggu di mana jumlah ini merupakan jumlah latihan yang ideal bagi sesebuah pasukan di peringkat sekolah.

Secara khususnya perbincangan keseluruhan dapatan kajian dibahagikan kepada bahagian berikut: i) Gaya kepimpinan yang digunakan dalam kalangan jurualtih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. ii) Tahap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. iii) Hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. iv) Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

### **5.3.1 Gaya Kepimpinan yang digunakan dalam kalangan Jurulatih Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.**

Bahagian ini membincangkan dapatan gaya kepimpinan yang digunakan dalam kalangan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Keputusan menunjukkan bahawa gaya kepimpinan Latihan dan Arahan mencatatkan jumlah Min tertinggi, dimana dapatan ini menunjukkan gaya Latihan dan Arahan merupakan pilihan kebanyakkan jurulatih untuk digunakan terhadap pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan dari kajian Anuar dan Salleh (2009), Nelfianty (2009), Anuar dan Miting (2013), Sarinah (2014) dan Hung et al. (2017). Menurut Nelfianty (2009) gaya kepimpinan yang sering menjadi kegemaran pemain dan sentiasa berada di pilihan pertama atau kedua terpenting dalam kebanyakan kajian lepas ialah gaya kepimpinan Latihan dan Arahan. Gaya Latihan dan Arahan menjadi pilihan kebanyakkan jurulatih bola sepak di Kuala Lumpur mungkin kerana masa latihan yang singkat sebelum pertandingan membuatkan jurulatih tidak mempunyai banyak pilihan untuk menggunakan gaya kepimpinan lain yang memerlukan lebih masa untuk diperaktikkan contohnya gaya kepimpinan Demokratik atau Sokongan Sosial. Dimana kedua-dua gaya kepimpinan ini memerlukan masa untuk membentuk kepercayaan atau keserasian antara jurulatih dan pemain. Oleh itu, gaya kepimpinan Latihan dan Arahan dilihat bersesuaian untuk digunakan terhadap pemain bola sepak di peringkat sekolah menengah. Kenyataan ini disokong oleh Ganaden e tal. (2017) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa gaya kepimpinan Latihan dan Arahan yang menggalak jurulatih untuk memberikan panduan teknikal dan taktikal semasa pertandingan dan latihan akan membantu pemain dalam membentuk kekuatan dan mengatasi kelemahan mereka dengan lebih berkesan.

Walaubagaimanapun, hasil analisis ini tidak selari dengan hasil dapatan daripada kajian Wee dan Shabeshan (2014) yang menyatakan bahawa atlet sekolah menengah di Segamat, Johor lebih cenderung kepada kepimpinan jurulatih yang menggunakan gaya Maklumbalas Positif berbanding gaya kepimpinan yang lain. Perkara ini berlaku berkemungkinan disebabkan faktor demografi dan juga jenis sukan yang disertai oleh pemain-pemain berkenaan. Menurut Tenenbaum dan Eklund (2007) serta Wee dan Shabeshan (2014) faktor seperti umur, jantina, jenis sukan dan juga tahap pertandingan juga berkemungkinan mempengaruhi hasil dapatan kajian. Ini bermakna jenis sukan yang berlainan berkemungkinan akan menghasilkan dapatan yang berbeza.

Manakala, gaya kepimpinan Demokratik merupakan gaya kepimpinan yang menjadi pilihan kedua kebanyakkan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Dalam kajian Mohd. Zulhzmi dan Shaharudin (2017) turut menyatakan bahawa gaya kepimpinan Demokratik merupakan antara gaya pilihan bola tampar perempuan sekolah rendah di Pahang. Ini kerana pemain di peringkat sekolah rendah lebih gemar jika jurulatih mendengar dan menerima pendapat mereka. Ganaden et al. (2017) pula dalam kajiannya menyatakan bahawa gaya kepimpinan Demokratik merupakan salah satu gaya yang popular digunakan oleh jurulatih di serata dunia, ini kerana gaya kepimpinan ini membenarkan pemain memberikan pendapat, cadangan dan pandangan mereka terhadap rancangan taktikal yang akan digunakan semasa pertandingan. Selain itu, pemain juga kurang dibebankan dengan tugasan, latihan dan juga sasaran untuk dicapai. Oleh itu, pemain dibawah gaya kepimpinan ini kurang tertekan dan kurang stres berbanding pemain di bawah gaya

kepimpinan lain. Gaya kepimpinan ini selari dengan teori haluan matlamat (House, 1971), dimana teori ini mengfokuskan keupayaan pemimpin untuk memotivasi dan membantu ahlinya untuk mencapai matlamat mereka dengan memberikan habuan, mementingkan keselesaan dan kepuasan ahlinya.

Secara keseluruhanya, urutan gaya kepimpinan jurulatih yang digunakan dalam kalangan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur ialah Latihan dan Arahan, Demokratik, Sokongan Sosial, dan maklumbalas positif. Manakala gaya kepimpinan Autokratik merupakan pilihan yang terakhir bagi kebanyakan jurulatih di Kuala Lumpur. Melalui kajian-kajian lepas, kebanyakkan penyelidik menyatakan gaya Autokratik ini sesuai digunakan terhadap pemain profesional dan kurang sesuai digunakan terhadap pemain muda atau pemain di peringkat sekolah. Ini kerana, pemain di peringkat sekolah memerlukan lebih banyak bimbingan dan tolak ansur dari jurulatihnya (Crust & Lawrence, 2006; Sarinah, 2014). Analisis ini juga selari dengan hasil dari kajian Wee dan Shabeshan (2014) yang mendapati bahawa gaya Autokratik tidak digemari oleh atlet lelaki sekolah menengah mungkin disebabkan tidak yakin dengan kewibawaan jurulatih yang kurang memberi kata putus semasa dalam latihan mahupun dalam perlawanan. Mohd. Zulhazmi dan Shaharudin (2017) dalam kajiannya pula menyatakan pemain tidak menyukai jurulatih yang hanya memberi arahan tanpa mempedulikan pandangan dan buah fikiran daripada pemain. Dari dapatan-dapatan ini memaparkan gaya kepimpinan Autokratik sememangnya tidak sesuai digunakan dikalangan pemain peringkat sekolah.

### **5.3.2 Tahap Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.**

Bahagian ini membentangkan dapatan mengenai tahap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Terdapat empat peringkat pencapaian yang diukur dalam kajian ini, iaitu peringkat Sekolah, Daerah, Negeri dan Kebangsaan. Secara keseluruhannya, lebih daripada separuh iaitu sebanyak 53% responden mempunyai pencapaian pada peringkat Daerah. Pencapaian yang terendah dari dapatan ini adalah di peringkat Sekolah dan juga peringkat Negeri dengan masing-masing mempunyai 14% responden. Manakala, peringkat tertinggi iaitu peringkat Kebangsaan menunjukkan dapatan yang memberansangkan iaitu 19%. Dari dapatan ini dapat dilihat bahawa tahap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur adalah sederhana sahaja. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan hampir kesemua responden di pilih secara rawak dari sekolah menengah harian biasa, bukan dari sekolah sukan ataupun sekolah projek bola sepak. Maka kebarangkalian responden yang dipilih adalah dari pasukan yang mempunyai pencapaian rendah, sederhana dan tinggi adalah sama.

Selain itu, kajian Nazarudin et al. (2017) menjalankan kajian mengenai hubungan gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan dan motivasi pemain di peringkat sekolah, majoriti dari 127 orang respondennya mempunyai tahap pencapaian atau penglibatan di peringkat negeri. Tetapi sampel yang dikumpul adalah dari sekolah-sekolah sukan di negeri Sabah. Dimana, pemain dari sekolah sukan merupakan murid-murid yang telah terpilih untuk memasuki sekolah berkenaan berdasarkan bakat mereka. Oleh itu, tahap pencapaian mereka seharusnya lebih baik dari pemain di sekolah harian. Maka, dapatan sampel dari sekolah sukan

mungkin sedikit berlainan dari sampel yang dikutip dari sekolah-sekolah harian biasa.

Walaubagaimanapun, tahap pencapaian pemain kurang dibincangkan dalam kajian-kajian sebelum ini, dimana kebanyakkan kajian lepas lebih kerap membincangkan mengenai gaya kepimpinan yang digemari oleh pemain dan juga pengaruh gaya kepimpinan terhadap kesepaduan pasukan. Banyak kajian lepas yang menekankan gaya kepimpinan yang digemari dan kesepaduan pasukan mungkin kerana penyelidik ingin lebih memahami kemahuan pemain-pemain yang dikaji, tetapi menurut Chelladurai (2007) gaya kepimpinan yang digemari tidak semestinya akan menghasilkan pencapaian yang dikehendaki. Oleh itu, adalah penting juga bagi penyelidik untuk mengkaji gaya kepimpinan yang sesuai dalam menghasilkan pencapaian yang memuaskan daripada para pemain. Perkara ini disokong oleh Wee dan Shabeshan (2014) dan Hung et al. (2017) yang menyatakan perlu lebih banyak kajian yang berkaitan gaya kepimpinan dengan tahap pencapaian pemain dijalankan bagi kajian yang akan datang.

### **5.3.3 Hubungan di antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.**

Bahagian ini membincangkan dapatan mengenai hubungan di antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Hasil analisis data-data yang dikumpul menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tiga gaya kepimpinan jurulatih iaitu Latihan dan Arahan, Demokratik dan juga Sokongan Sosial tetapi hubungan di antara ketiga-tiga

gaya kepimpinan ini adalah agak lemah. Manakala, gaya kepimpinan Maklumbalas Positif dan juga Autokratik tidak mempunyai hubungan yang signifikan berdasarkan pencapaian pemain bola sepak. Dapatan yang agak lemah ini berlaku mungkin berpunca dari jumlah responden yang agak besar menyebabkan dapatan yang dikumpul kurang konsisten. Selain dari itu, perkara ini terjadi mungkin disebabkan terdapat responden yang tidak menjawab soal selidik yang diedarkan dengan betul atau tidak menjawab soal selidik bersungguh-sungguh. Masalah ini adalah perkara yang biasa berlaku dalam banyak kajian lepas tetapi penyelidik seharusnya perlu lebih cakna bagi mengelak perkara ini berlaku kepada kajian-kajian yang akan datang.

Walaupun dapatan bagi tiga gaya kepimpinan adalah rendah, tetapi masih terdapat hubungan di antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain bola sepak. Dari keputusan ini boleh dirumuskan bahawa pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur mendapat kesan daripada gaya kepimpinan jurulatih pasukan itu. Namun begitu, kejayaan pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur bukan sahaja bergantung kepada keupayaan jurulatih melatih, tetapi faktor-faktor lain juga mungkin memainkan peranan dalam menentukan tahap pencapaian pemain tersebut. Anuar dan Salleh (2009) serta Wee dan Shabeshan (2014) menyatakan faktor-faktor seperti umur pemain, pengalaman responden dan tahap kematangan mungkin memberi kesan kepada perbezaan dapatan bagi kajiannya dan kajian-kajian lain. Bagi mendapat penjelasan yang lebih baik, kajian mengenai faktor-faktor lain ini harus dijalankan.

Dapatan dari kajian ini sekata dengan dapatan kajian lampau seperti kajian Sarinah Kasbi (2014) yang menyatakan bahawa gaya kepimpinan yang ideal bagi pemain Bola Jaring Perak bawah 18 tahun dan bawah 15 tahun ialah Latihan dan Arahan diikuti oleh gaya Demokratik, gaya Sokongan Sosial, gaya Maklumbalas Positif dan gaya yang paling kurang ideal adalah gaya Autokratik. Hasil dapatan yang hampir serupa juga didapati bagi kajian Mohd Zainuri (2011), Zahra Rajabi (2012), Wee dan Shabeshan (2014) dan Govindan et al. (2019). Menurut Govindan et al. (2019), gaya kepimpinan Latihan dan Arahan merupakan gaya yang sering digemari oleh para pemain kerana gaya ini mementingkan peningkatan kemampuan pemain dimana fungsi ini merupakan salah satu fungsi terpenting bagi seorang jurulatih. Gaya Latihan dan Arahan adalah gaya yang mengfokuskan tugas. Memandangkan pemain di sekolah menengah masih di tahap pembentukkan maka gaya ini amatlah sesuai digunakan untuk perkembangan bakat pemain dari mana-mana jenis sukan. Jurulatih menggunakan gaya ini bagi menjalankan latihan dan memberi arahan kepada pemain bagi meningkatkan potensi dan kebolehan mereka ke tahap yang tertinggi dan menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan serta melatih mereka mengenai teknikal dan taktikal yang ada dalam sukan tersebut.

Hasil analisis ini bermaksud hipotesis Ho1.1, Ho1.2, dan Ho1.4 iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara dimensi gaya kepimpinan Latihan dan Arahan, Demokratik, dan Sokongan Sosial dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah Kuala Lumpur ditolak. Manakala hipotesis Ho1.3, dan Ho1.5 iaitu tiada hubungan yang signifikan di antara dimensi gaya kepimpinan Autokratik dan Maklumbalas Positif dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah Kuala Lumpur diterima.

### **5.3.4 Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Pencapaian Pemain Bola Sepak Sekolah Menengah di Kuala Lumpur.**

Bahagian ini menerangkan mengenai perbezaan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Daripada ujian MANOVA yang dilakukan, hasil dapatan mendapat terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya Sokongan Sosial, Maklumbalas Positif, Demokratik dan juga Latihan dan Arahan. Sehubungan dengan dapatan ini, ujian *Post Hoc Scheffe* pula dijalankan bagi melihat antara keempat-empat tahap pencapaian yang manakah menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan dengan gaya kepimpinan jurulatih.

Dari analisis *Post Hoc Scheffe* ini dapat dilihat bagi gaya kepimpinan Latihan dan Arahan perbezaan dilihat antara tahap pencapaian Kebangsaan dengan dan Sekolah ( $p>.05$ ). Manakala, bagi gaya kepimpinan Demokratik pula perbezaan dapat dilihat antara tahap pencapaian Daerah dengan Sekolah dan juga Kebangsaan dengan Sekolah. Dapatan yang hampir serupa juga dapat dilihat bagi gaya kepimpinan Sokongan Sosial dan juga Maklumbalas Positif dimana perbezaan dapat dilihat antara tahap pencapaian Daerah dengan Sekolah dan juga Kebangsaan dengan Sekolah. Dari dapatan ini dapat diperhatikan bahawa terdapat perbezaan yang jelas pada peringkat Sekolah dan Kebangsaan bagi keempat-empat gaya kepimpinan tersebut. Perkara ini terjadi mungkin kerana lebih tinggi peringkat pertandingan dijalankan lebih mudah perbezaan dilihat dalam penggunaan gaya-gaya kepimpinan jurulatih dan juga kesannya terhadap tahap pencapaian pemain. Perkara ini disokong oleh kajian dari Anuar dan Salleh (2009) yang menyatakan keperluan gaya kepimpinan jurulatih bagi pemain yang mewakili di peringkat negeri berbeza

berbanding dengan gaya kepimpinan jurulatih pemain yang bertanding di peringkat SUKMA dan kebangsaan.

Di samping itu, hasil dari analisis ini juga selari dengan dapatan dari kajian lepas seperti kajian Nelfianty dan Shaharudin (2012) dan Hung et al. (2017) yang menyatakan gaya Latihan dan Arahan serta Sokongan Sosial memberikan kesan positif terbesar terhadap pemain Sekolah Sukan Malaysia. Kajian Sarinah Kasbi (2014) pula menyatakan wujud perkaitan antara gaya kepimpinan Sokongan Sosial dengan prestasi pencapaian pemain bola jaring sekolah menengah di MSS Perak. Analisis ini melihatkan bahawa empat gaya kepimpinan jurulatih iaitu gaya Sokongan Sosial, Maklumbalas Positif, Demokratik dan juga Latihan dan Arahan didapati memberikan kesan terhadap pencapaian pemain tetapi kesannya adalah berkadar rendah sahaja, ini bermaksud gaya kepimpinan memberikan kesan yang kecil terhadap tahap pencapaian pemain berbanding faktor-faktor lain yang perlu dikaji dengan lebih lanjut lagi dalam kajian yang akan dijalankan pada masa hadapan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Wee dan Shabeshan (2014) yang menyatakan selain gaya kepimpinan jurulatih, terdapat beberapa faktor lain yang turut mempengaruhi tahap pencapaian pemain yang perlu dilihat dan dikaji.

Seterusnya, hasil analisis kajian ini turut menemukan bahawa gaya kepimpinan Sokongan Sosial menunjukkan terdapat perbezaan signifikan yang terbesar daripada kelima-lima gaya kepimpinan berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Dapatkan ini sekata dengan kajian Mohd Zainuri (2011) yang mendapati gaya kepimpinan Sokongan Sosial merupakan gaya kepimpinan yang paling sesuai digunakan bagi pemain di peringkat sekolah. Dari

dapatkan ini boleh dirumuskan bahawa walaupun gaya kepimpinan Latihan dan Arahan merupakan gaya kepimpinan yang sering digunakan dalam latihan bagi jurulatih sekolah menengah di Kuala Lumpur, namun gaya Sokongan Sosial memberikan lebih impak terhadap pencapaian pemain bola sepak di peringkat sekolah. Oleh itu, Dapatkan ini mengesyorkan jurulatih memberi lebih perhatian terhadap penggunaan gaya kepimpinan yang dapat memenuhi keperluan pasukan. Oleh itu gaya Sokongan Sosial serta Latihan dan Arahan seharusnya digunakan di peringkat sekolah menengah dan sewajarnya satu modul berasaskan gaya kepimpinan ini dibangunkan dan digunakan sebagai asas kejurulatihan di peringkat persekolahan baik bagi sekolah rendah maupun sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, analisis MANOVA yang dijalankan bagi dapatkan ini memaparkan tiada perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan Autokratik. Dapatkan bagi gaya Autokratik ini telah dijangka sejak awal lagi kerana dari dapatan kajian lampau yang berkaitan dengan responden-responden yang masih di tahap persekolahan kebanyakannya mendapati gaya kepimpinan Autokratik tidak sesuai digunakan terhadap pemain-pemain tersebut. Antara kajian-kajian lepas yang tidak mempunyai hubungan signifikan dengan gaya kepimpinan Autokratik adalah kajian Zahra Rajabi (2012), Nelfianty dan Shaharudin (2012), Sarinah Kasbi (2014), serta Siti Aida et al. (2016). Gaya kepimpinan Autokratik yang menggunakan pendekatan memberikan kuasa dan kebebasan untuk membuat keputusan kepada jurulatih sahaja (LeUnes, 2008) mungkin tidak sesuai digunakan terhadap murid di peringkat sekolah, dimana gaya kepimpinan Autokratik lebih sesuai digunakan terhadap sukan *combative* seperti Judo dan taekwando sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian

Sharma dan Shrivastava (2016). Kelebihan gaya Autokratik ini ialah keputusan dapat dibuat dengan cepat dan ringkas, tetapi gaya ini membuatkan pemain senang merasa tertekan (Amanchukwu et al., 2015). Daripada pernyataan ini dapat dirumus bahawa pemain muda di peringkat sekolah tidak sesuai dilatih dalam keadaan yang tertekan.

Hasil analisis ini boleh dirumus bahawa hipotesis Ho2.1, Ho2.2, Ho2.4 dan Ho2.5 iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan Latihan dan Arahan, Demokratik, Sokongan Sosial, dan Maklumbalas Positif dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur ditolak manakala hipotesis Ho2.3 iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan Autokratik dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur diterima.

## **5.5 Implikasi Kajian**

Hasil daripada sesuatu penyelidikan seharusnya memberikan hasil dan implikasi yang boleh digunakan oleh individu lain. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini diharap dapat membantu untuk menambah baik mutu kejurulatihan bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Berikut dibincangkan implikasi yang dapat diberikan oleh kajian ini:

### **5.5.1 Implikasi Kepada sukan bola sepak**

Dalam konteks kajian ini, implikasi terhadap sukan bola sepak dapat diberikan dengan hasil dari kajian ini menjadi panduan kepada jurulatih-jurulatih bola sepak sekolah khasnya dan juga jurulatih-jurulatih kelab untuk menambah baik pengurusan kejurulatihan mereka bagi pemain peringkat umur sekolah menengah.

Selain itu, diharap dapatkan kajian ini dapat membantu jurulatih bagi menghasilkan pemain-pemain muda yang berkualiti dan berbakat agar dapat menaikkan nama negara di persada bola sepak antarabangsa. Perkara ini dapat direalisasikan dengan penambahbaikan sistem kejurulatihan di peringkat akar umbi di mana penggunaan gaya kejurulatihan yang sesuai dengan peringkat umur pemain dapat mengeluarkan hasil yang terbaik dari pemain tersebut. Tetapi untuk mendapat hasil yang terbaik bukan sahaja perubahan terhadap gaya kepimpinan kejurulatihan sahaja yang perlu ditambah baik, faktor-faktor lain seperti pengurusan pasukan, kemudahan fasiliti dan sebagainya juga harus diambil kira.

### **5.5.2 Implikasi Kepada Jurulatih dan Pelajar**

Diharap dari dapatkan kajian ini dapat memberikan implikasi terhadap gaya kepimpinan jurulatih bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur secara khasnya dan di seluruh Malaysia secara amnya. Selain itu, jurulatih dapat memahami keperluan pemain muda dengan lebih baik lagi untuk mengembangkan bakat mereka. Hasil analisis dari kajian ini juga dapat menjadi pengukur untuk memajukan diri sendiri dalam konteks kejurulatihan. Seterusnya, mengaplikasikan gaya dimensi kejurulatihan yang sesuai untuk mendapatkan pencapaian yang lebih baik. Sekaligus jurulatih juga dapat mengenal pasti gaya kepimpinan yang sesuai dan gaya kepimpinan yang kurang sesuai untuk digunakan ke atas pemain bola sepak sekolah menengah.

Selain itu, kajian ini dapat membantu meningkatkan kualiti sukan bola sepak di sekolah dari segi pengurusan dan kejurulatihan seperti kualiti pengurus, jurulatih

mahupun guru penasihat supaya dengan cara ini dapat menarik minat lebih ramai pelajar ataupun golongan muda untuk terlibat dalam pertandingan ataupun program bola sepak yang mungkin dapat menghasilkan pemain yang lebih berkualiti, berpotensi tinggi dan dapat menyaingi antara pemain yang terbaik. Menurut Siti Aida et al. (2016) kajian mengenai gaya kepimpinan jurulatih perlu lebih penegasan bagi menentukan maklumat dan gaya latihan yang ingin diaplikasikan berkesan dan difahami oleh pemain-pemain.

### **5.5.3 Implikasi Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia**

Dapatan daripada kajian ini dapat memberikan kesan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia melalui penghasilan budaya kejurulatihan yang lebih bersistematis dengan mempunyai lebih banyak rujukan untuk memajukan sukan bola sepak di Malaysia.

Selain itu, kajian ini dapat memberikan penjelasan yang lebih jelas tentang masalah kejurulatihan yang berlaku di peringkat sekolah sekaligus dapat dijadikan sebagai rujukan bagi mana-mana individu atau institusi yang berkenaan untuk membuat penambahbaikan ataupun untuk menghasilkan kajian yang lebih mendalam di masa hadapan. Diharap dapatan dari kajian ini juga dapat menguatkan lagi hasil dapatan dari kajian-kajian lepas dan membantu menjadikan dapatan kajian lepas lebih signifikan.

Besar juga harapan pengkaji agar dapatan dari kajian ini dapat membantu menghasilkan modul kejurulatihan yang lebih efektif untuk dijadikan panduan kepada jurulatih-jurulatih baharu. Hasil perbincangan dalam kajian ini juga diharap

dapat membantu sebagai sumber rujukan atau bahan bukti oleh pihak yang berkaitan untuk memurnikan lagi Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara bagi masa akan datang.

## **5.6 Sumbangan Kajian**

Dapatan dari analisis kajian ini diharap sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan kepada penyelidik-penyalidik yang akan datang dalam menjalankan kajian mereka yang berkaitan dengan kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah. Dari dapatan kajian ini penyelidik dapat membandingkan kekuatan dan kekurangan kajian ini agar dapat menghasilkan kajian yang lebih bermutu lagi pada masa hadapan. Selain itu, diharap hasil analisis dari kajian ini juga mampu menjadi panduan kepada jurulatih-jurulatih bola sepak peringkat sekolah di Kuala Lumpur khasnya dan di Malaysia secara amnya. Diharap jurulatih dapat menggunakan gaya kepimpinan yang sesuai dengan pasukan mereka agar perkembangan bakat pemain muda tersebut dapat dimaksimakan sebaik mungkin. Pada masa yang sama, mutu kejurulatihan dan juga kualiti pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur dapat dipertingkatkan. Hasil analisis kajian ini juga dapat menguatkan lagi dapatan-dapatan dari kajian lalu yang turut berpandukan teori Model Multidimensi yang digunakan bagi kajian ini. Diharap juga hasil dapatan dari kajian ini dapat dijadikan bahan pengajaran, pembelajaran dan rujukan bagi mana-mana isntitusi pendidikan mahupun mana-mana individu yang berminat dalam bidang psikologi sukan.

## **5.7 Cadangan Kajian Masa Hadapan**

Berikut dikemukakan cadangan bagi kajian lanjutan atau kajian pada masa hadapan yang boleh dilakukan berdasarkan keputusan dapatan ini.

- a. Instrumen soal selidik telah digunakan bagi kajian ini. Soal selidik tersebut mempunyai 7 item di bahagian A dan 40 item di bahagian B yang perlu dijawab oleh responden. Jumlah item yang banyak memungkinkan responden bosan atau hilang minat untuk menjawab keseluruhan soalan yang diberikan. Bagi mengelakkan perkara tersebut berlaku, cadangan untuk instrumen bagi kajian seumpama ini pada masa akan datang agar item dalam instrumen tersebut dikurangkan supaya dapatan kajian lebih telus dan responden tidak mengambil masa yang panjang untuk menjawabnya.
- b. Antara cadangan lain ialah kajian berbentuk kualitatif. Kaedah ini masih kurang dilakukan bagi kajian-kajian tempatan dan ianya akan memberikan dapatan dari perspektif yang berbeza dari kajian-kajian terdahulu. Kaedah kualitatif menggunakan metodologi yang berlainan dan akan memberikan dapatan kajian yang berbeza dari kaedah kuantitatif. Pengkaji boleh menggunakan instrumen temu bual atau rakaman video untuk memantau sendiri gaya kepimpinan jurulatih dengan lebih jelas dan juga melihat sendiri hasil latihan jurulatih tersebut dengan lebih teliti lagi. Dapatan kajian juga dapat ditafsir ke dalam bentuk penulisan dengan lebih baik dan mendalam.
- c. Selain daripada itu, cadangan agar kajian mengenai gaya kepimpinan jurulatih ini dijalankan terhadap sukan berpasukan lain seperti sukan Hoki, Bola

Tampar dan Ragbi atau sukan individu seperti Olahraga, Memanah dan Badminton dapat memberikan kesan secara tidak langsung terhadap kajian ini. Dari hasil kajian-kajian tersebut, Pengkaji boleh melihat persamaan atau perbezaan dapatan dari kajian ini dengan kajian-kajian tersebut dan pada masa yang sama dapat menguatkan lagi dapatan dari kesemua kajian yang terlibat.

d. Kajian lanjutan boleh dilakukan bagi meninjau gaya kepimpinan jurulatih dan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di negeri-negeri lain. Faktor demografik seperti responden yang menetap di kawasan luar bandar atau responden yang menetap di bandar mungkin akan menghasilkan dapatan yang berlainan dari dapatan kajian ini. Dimana kajian ini yang dijalankan di ibu negara Malaysia mungkin mempunyai kelebihan kemudahan-kemudahan yang tiada di negeri lain.

## 5.8 Rumusan

Kajian ini merupakan satu usaha pengkaji dalam menambah baik pengurusan kejurulatihan bagi pasukan-pasukan bola sepak di peringkat sekolah menengah Kuala Lumpur. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa gaya kepimpinan jurulatih bola sepak sekolah menengah yang sering digunakan di Kuala Lumpur adalah gaya Latihan dan Arahan, manakala gaya Autokratik merupakan gaya yang paling kurang digunakan. Analisis ini sepadan dengan kajian-kajian lepas seperti kajian Nelfianty dan Shaharudin (2012), Wee dan Shabeshan (2014) dan Siti Aida et al. (2016).

Di samping itu, peringkat Daerah merupakan pencapaian peringkat tertinggi bagi kebanyakaan pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur. Hasil

analisis ini memaparkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur berada di tahap sederhana. Dapatkan pencapaian ini telah dijangka kerana responden bagi kajian ini kebanyakannya terdiri daripada pemain-pemain bola sepak dari sekolah harian biasa bukan dari sekolah sukan atau sekolah yang mempunyai projek bola sepak.

Seterusnya, dapatkan kajian turut mendapati bahawa gaya kepimpinan jurulatih memberikan kesan terhadap pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur tetapi hubungannya kurang signifikan, ini mungkin disebabkan jumlah responden yang agak ramai mengakibatkan dapatkan kajian kurang konsisten. Dapatkan ini selari dengan teori Model Kepimpinan Pelbagai Dimensi oleh Chelladurai dan Salleh (1978) yang menyatakan jika gaya kepimpinan yang sesuai dapat digunakan terhadap pemain berpasukan atau pemain individu maka tahap pencapaian akan meningkat dan jika gaya kepimpinan tidak bersesuaian dengan pasukan atau individu tersebut pencapaian akan menurun. Walaupun begitu, dapatkan kajian yang kurang signifikan bagi hubungan di antara gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur membuktikan bahawa kemungkinan terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi hasil dapatkan selain gaya kepimpinan jurulatih. Justeru itu, untuk menentukan faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi tahap pencapaian pemain-pemain yang dikaji, kajian lanjutan haruslah dilakukan pada kajian akan datang.

Lanjutan daripada itu, hasil dapatkan dari kajian ini menemukan bahawa gaya kepimpinan Sokongan Sosial menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pencapaian pemain bola sepak sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Dapatan ini bermaksud, walaupun gaya kepimpinan Latihan dan Arahan merupakan gaya kepimpinan yang sering digunakan dalam latihan bagi jurulatih sekolah menengah di Kuala Lumpur, namun gaya Sokongan Sosial memberikan impak yang lebih besar terhadap pencapaian pemain bola sepak. Oleh itu, Dapatan ini menunjukkan gaya Sokongan Sosial seharusnya digunakan di peringkat sekolah menengah dan sewajarnya satu modul berdasarkan gaya kepimpinan ini dibangunkan dan digunakan sebagai asas kejurulatihan di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, diharap hasil dari kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan serta memberikan sumbangan yang bermanfaat terutamanya bagi meningkatkan kualiti sukan bola sepak negara ini khususnya bagi pemain-pemain muda yang berada di peringkat sekolah. Oleh yang demikian, diharapkan agar pengkaji seterusnya meneroka bidang ini dengan mengambil kira kekurangan dan cadangan yang dikemukakan.

## RUJUKAN

- Amanchukwu, R. N., Stanley G. J., and Ololube N. P. (2015), *A review of leadership theories, principles and styles and their relevance to educational management.* 5(1): 6-14.
- Ampofo-Boateng K., Yahaya Mahmood, and Parnabas V. A. (2014). *Pengantar psikologi kesukanan.* Press Universiti Teknologi MARA.
- Anshel, Mark H. (2003). *Sport psychology: from theory to practice* (4<sup>th</sup> ed). Pearson Education.
- Anuar Din, Salleh Abd Rashid and Siti Ajar Mohd Noh (2015). The relationship and influence of coaching leadership style in training program towards student athletes' satisfaction. *SIPATAHOENAN: South-East Asian Journal for Youth, Sports & Health Education*, 1(1) April: 125-138.
- Anuar Din, Salleh Abd Rashid, dan Mohd Isha Awang (2015). Aspek pengurusan program latihan dan kesannya terhadap kepuasan atlet sekolah sukan. *IJMS* 22(1): 73-95.
- Anuar Din dan Miting D. (2013). Pengaruh gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet di Sekolah Sukan Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 3(2) Disember: 195-210.
- Anuar Din dan Salleh Abd Rashid (2009). *Gaya kepimpinan jurulatih dalam program latihan terhadap kepuasan atlet sekolah sukan.* Universiti Malaysia sabah & Universiti Malaysia Perlis.
- Aris Fazil Ujang (2005). *Kebimbangan prapertandingan dan orientasi matlamat dalam kalangan peserta merentas desa.* Master thesis, Universiti Putra Malaysia.

Ary, D. J., Razavieh, L. C., and Sorensen, C. (2006). *Introduction to research in education* (7<sup>th</sup> Ed.). Canada: Thomson Wadsworth.

Asiah Mohd Pilus dan Rosli Saadan (2009). *Coaching leadership styles and athlete satisfactions among hockey team*. Centre for Languages and Human Development, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 2(1): 77-87.

Asuero, A. G., Sayago A. and Gonzalez A. G. (2006). The correlation coefficient: an overview. *Critical Reviews in Analytical Chemistry*, 36: 41-59.

Aziah Tajudin dan Mohd Fazli Tajuid (2016). *Kamus pelajar bahasa melayu dewan edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Azlina Zid (2001). *Hubungan antara tingkah laku kepimpinan transformasional jurulatih bola sepak dengan kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah alor setar, kedah*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.

Barnard, C.I. (1938). *The functions of the executive*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Bourke, A. (2003). The Dream of being a Professional Soccer Player, Insights on Career Development Options of Young Irish Players. *Journal of Sport & Social Issues*, 27(4): 399-419.

Cakioglu, A. (2003). *Leadership and satisfaction in soccer: Examination of congruence and players' position*. Master Thesis, Department of Physical Education and Sport: Middle East Technical University.

Chelladurai, P. (1990). Leadership in sport: a review. *International Journal of Sport Psychology*. 21: 328-354.

Chelladurai, P. (2007). Leadership in sports. In G, Tenenbaum, & R, C. Eklund. (Eds.), *Handbook of Sport Psychology* (3rd Ed.). Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons: 113-135.

Chelladurai, P. and Saleh, S. D. (1980). Dimensions of leader behaviour in sports: development of a leadership scale. *Journal of Sport Psychology*, 2: 34-45.

Chiu, W., Rodriguez F. M. and Won D. (2016). Revisiting the leadership scale for sport: examining factor structure through exploratory structural equation modelling. *Psychological Reports*. 119(2): 435-449.

Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan (Buku 4): kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.

Cohen, J (1988). *Statistical power analysis for the behavioral science (2nd ed.)*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Cote, J. (1999). The influence of the family in the development of talent in sport. *The Sport Psychologist*, 13: 395-417.

Cox, R. H. (2012). *Sport psychology: concepts and applications* (7th ed.). Boston: MA McGraw-Hill.

Cox, R. H. (2007). *Sport psychology: concepts and applications* (6th ed.). MA McGraw-Hill.

Crust, L. and Lawrence I. (2006). A review of leadership in sport: implications for football management. *Athletic Insight. The online journal of sport psychology*, 8(4): 28-48.

Cwik, Leszek A. (2007). Football as a tool for peacebuilding. *Trinidad and Tobago Alliance for Sport and Physical Education*.

De Aragao, M. M. (2015). *Economic impact of the FIFA World Cup in developing countries*. Western Michigan University.

Eden, Jon T. (2013). *Major research paper: soccer and international relations, can soccer improve international relation?*. University of Ottawa.

FIFA Malaysia Rangking (2018, Disember). Di ambil dari laman web, <http://www.fifa.com/fifa-worldranking/associations/association>.

Fraenkel, J. R., Wallen, N. E. and Helen, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in education* (8<sup>th</sup> Ed.). McGraw-Hill Higher Education.

Fraenkel, J. R. And Wallen, N. E. (2009). *How to design and evaluate research in education* (7<sup>th</sup> Ed.). McGraw-Hill Higher Education.

Ganaden, A. R., Ejaus, E., and De Guzman, M. F. D. (2017). Leadership behaviors of sports coaches in public elementary schools district 2, San Felipe, Zambales, Philippines. *Asia Pacific Journal of Education, Arts and Sciences*, 4(1): 65-71.

Gastel, C.V. (2010). Leadership scale for sport (LSS). *Exercise Psychology. School of Exercise Science (NSW)*.

Griffin, B.S. (2009). *An examination of devision level and player position on the prefered leadership behaviors of NCAA men's soccer athletes*. A thesis submitted to the faculty of the University of North Carolina at Chapel Hill.

Govindan, J. K., Soh, K. G., Yusof, A., dan Fauzee, M. S. O. (2019). Persepsi atlet terhadap gaya tingkah laku kepimpinan jurulatih bola sepak sekolah yang digemari dengan gaya tingkah laku kepimpinan sebenar jurulatih bola sepak di daerah Alor Gajah, Melaka. *Malaysian Journal of Movement, Health & Exercsie*, 8(1): 123-133.

- Horn, T. S. (2008). *Advances in sport psychology* (3rd ed.) Human Kinetics, Inc.
- Hung, J. L. C., Geok, S. K., Talib, O., dan Yusof, A. (2017). Persepsi atlet pelajar: tingkah laku kejurulatihan sukan balapan dan padang. *Movement, Health & Exercise*, 6(2): 135-145.
- Joshi, A., Kale S., Chandel S., and Pal D. K. (2015). Likert scale: explored and explained. *British journal of applied science & technology*, 7(4): 396-403.
- Karim, Z. A., Azizi, M. S., Ahmad, Y., Hassan, S., Hizan, H., Mustafa, M. A., Yakob, Y. (2018). The relationship between coaches' communication skills and schools football players' achievement in the district of Kuala Pilah, Malaysia. *The Turkish Online Journal of Design, Art and Communication*. September 2018 special edition: 1762-1769.
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia (2014). *Pelan pembangunan bola sepak negara fasa 1 : 2014 – 2020*. Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBSN). Di ambil dari laman web <http://www.kbs.gov.my>
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). Determining size for research activities. *Educational and Physicolgical Measurement*, 30: 607-610.
- Kremer, J., Moran A., Walker G., and Craig C. (2012). *Key concepts in sport psychology*. SAGE publication Ltd.
- Kumar, R. (2011). *Research methodology*. SAGE publications
- Loeb, S., Dynarski, S., McFarland, D., Morris, P., Reardon, S., and Reber, S. (2017). *Descriptive analysis in education: a guide for researchers*.
- LeUnes, A. (2008). *Sport psychology* (4th ed.) Taylor and Francis.

Lim, K. C., Nor Idayu Mahar, Khor P. H., and Radzliyana B. R. (2013). Student-athletes' perceptions of coaches' coaching competency at the Malaysian public institution of higher learning. *World Journal of Education*, 3(1): 13-22.

Lin, R. L., and Miller M. D. (2005). *Measurement and assessment in testing*. International Edition (9<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Merril Prentice Hall.

Loughead, T. and Hardy, J. (2005). An examination of coach and peer leader behaviors in sport. *Psychology of Sport and Exercise*.6: 303-312.

Martin, Marcelo. (2014). An aesthetic conceptual approach to soccer. *Discusiones Filosoficas*. Jul-Dis: 15-29.

Marcone, M. (2017). The impact of coaching styles on the motivation and performance of athletes. *Kinesiology, Sport Studies, and Physical Education Synthesis Projects*.

Mohd. Faizal Mohd Isa, Wan Shakizah W. M. N., dan Zulkiflee Daud (2010). *Faktor jurulatih mempengaruhi keberkesanan latihan: satu kajian empirikal di jabatan meteorologi malaysia*. School of Business Manangement, College of Business, Accounting Building, Universiti Utara Malaysia.

Mohd. Sofian O. F., Wee A. S. S. L., Sazali Y., Mohd Nizam N., dan Roslan S. (2005). *Gaya kepimpinan jurulatih peringkat sekolah menengah*.

Mohd. Zulhazmi Md Zain dan Shaharudin Abd Aziz (2017). Stail kepimpinan jurulatih digemari mempengaruhi orientasi matlamat atlet bola tampar. *E-Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2017*.

Mohd. Zainuri Embi (2011). *Hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepadan pemain bola sepak majlis sukan sekolah negeri selangor*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Pusat Dokumentasi

Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Muhd. Hafiz Ismail, Ahmad Hashim, dan Nelfianty Mohd Rashid (2013). Mengenal pasti bakat sukan bola sepak dalam kalangan pelajar lelaki berumur 14 dan 15 tahun. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*.

Nazarudin, M.N., Le, C.S., Noordin, Z., Abdullah, M.F., dan Md Yusof, M.K. (2017). Hubungan antara tingkah laku jurulatih sukan dengan kepuasan dan motivasi atlit sekolah sukan di sabah. *International Journal of Psychology and Counselling*, 2(5): 279-297.

Nelfianty, Mohd Rasyid (2009). *Motif penglibatan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih dari perspektif atlet sekolah sukan malaysia*. Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nelfianty, Mohd Rasyid dan Sharudin Abd Aziz (2012). Gaya kepimpinan jurulatih yang digemari oleh atlet sekolah sukan malaysia. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*: 45-53.

Noraini Kaprawi (2010). *Kajian tinjauan secara kuantitatif*. Dalam Noraini Idris (Ed.). Penyelidikan dalam pendidikan, Kuala Lumpur: McGraw-Hill: 195-214.

Othman Talib (2013). *Tulis tesis cepat: teknik efektif dan efisyen!*. MPWS rich resources.

Parmit Singh, Chan Y.F., Sidhu, G. K. dan Kaur, R. (2010). *Panduan komprehensif penulisan cadangan penyelidikan*. Shah Alam, UPENA UiTM.

Rengasamy, S., Wee, A. S. S. L., dan Syed Kamarulzaman S. A. (2013). Gaya kepimpinan jurulatih yang diminati atlet-atlet sekolah menengah di Malaysia

berasaskan jantina dan bangsa. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 1(4).

Sarinah Kasbi (2014). *Perkaitan antara orientasi matlamat dan stail kepimpinan jurulatih dengan prestasi pencapaian pasukan bola jaring*. Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sharma, R. and Shrivastava Y. (2016). A comparison of preferred leader behaviour between physical education and non-physical education male students. *International Journal of Science Culture and Sport*, 4(2): 139-149.

Shrivastava, Y. and Sharma R. (2015). Leadership behavior as preferred by male athletes of different games and sports. *International Journal of Physical Education, Sports and Health*. 1(6): 96-99.

Siti Aida B. L., Tajul A. M., Shahlan S., and Mohamad Firdaus A. (2016). *Coaching style and mental toughness among UiTM's football players*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal of Sports Science and Physical Education Malaysia*. 5(1): 22-34.

Smith, R. E., Smoll, F. L., and Hunt E. (1977). A system for the behavioral assessment of athletic coaches. *Research Quarterly*. 48(2): 401-407.

Snow, S. (2010). *Skills school: fundamental ball skills*. US Youth Soccer Coaching Department.

Tang, K. N., dan Chan T. H. (2009). Hubungan kekerapan pelaksanaan gaya kepimpinan guru penolong kanan kokurikulum dengan pencapaian pasukan olahraga sekolah. *Jurnal Teknologi*, Universiti Teknologi Malaysia: 19-30.

Tenenbaum, G. and Eklund R. C. (2007). *Handbook of sport psychology* (3rd ed.) John Wiley & Sons, Inc.

Vagias, Wade M. (2006). *Likert-type scale response anchors*. Clemson International Institute for Tourism & Research Development, Department of Parks, Recreation and Tourism Management. Clemson University.

Wee, A. S. S. L. dan Shabeshan, M. R. (2014). Gaya Kepimpinan Jurulatih Yang Diminati Atlet-atlet Sekolah Menengah Di Malaysia Berasaskan Jantina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.1(1): 65-74.

Williams, J. M., Jerome, G. J., Kenow, L. J., Rogers, T., Sartain, T. A., and Darland, G. (2003). Factor structure of the coaching behavior questionnaire and its relationship to athlete Variables. *The Sport Psychologist*. 17: 16-34.

Yurt, O. and Demir H. (2011). The review of leadership styles of Taekwondo coaches. *World applied sciences journal* 13(4): 866-871.

Zahra Rajabi (2012). Relationship of caoch's leadership style and player performance outcomes. *European Journal of Experimental Biology*. 2(4): 1134-1136.

Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). *Analisis data berkomputer : SPSS 11.5 for Windows*. Venton Publishing (M) Sdn Bhd.

Zaini Arshad (2003). *Sukan massa sebagai mekanisma pembangunan komuniti: satu kajian kes mengenai pemahaman dan pendekatan*. Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.